

Bil. 20

**Isnin
17 April 2006**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PM 18(1):	
Isu Keputusan Kabinet Menghentikan Pembinaan Jambatan Indah Bagi Menggantikan Tambak Johor Yang Menghubungkan Malaysia dan Singapura. - <i>Y.B. Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]</i>	(Halaman 16)
USUL:	
Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010)	(Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA
3. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) - UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) – MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) – UPKO
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd. Effendi bin Norwawi – *Senator*
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
9. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
10. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
11. “ Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin bin Maidin (Merbok) - UMNO
12. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
13. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
14. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO

15. Yang Berhormat Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
16. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO
17. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
18. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
19. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S., (Selayang) – MCA.
20. “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop - *Senator*
21. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Zulhasnan Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) - UMNO
22. “ Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO
23. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
24. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
25. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa Mohamed (Jeli) - UMNO
26. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
27. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
28. “ Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
30. “ Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
31. “ Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
2. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA

4. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow (Kuantan) - MCA
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato’ S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Taph) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato’ Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO

25. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS
29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ng Lip Yong (Batu) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
39. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman – *Senator*

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO

7. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lupar) - PBB
8. " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
9. " Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
10. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
11. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datin Paduka Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA
12. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
13. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
14. " Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
15. " Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Senator Dato' Dr. S. Vijayarantnam - *Senator*
16. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
17. " Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
18. " Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
19. " Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
20. " Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) – MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. " Brig. Jen. (B) Dato' Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. " Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. " Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. " Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) – PAS
6. " Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu) - UMNO
7. " Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
8. " Dato' Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO

-
9. Yang Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
 10. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
 11. “ Dato’ Seri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
 12. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
 13. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
 14. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
 15. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
 16. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
 17. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
 18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
 19. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
 20. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - UMNO
 21. “ Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
 22. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
 23. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS
 24. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
 25. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
 26. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
 27. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
 28. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
 29. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
 30. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
 31. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
 32. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
 33. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
 34. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
 35. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
 36. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
 37. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
 38. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
 39. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
 40. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
 41. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
 42. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
 43. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
 44. “ Datuk Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
 45. “ Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO

46. Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
47. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
48. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
49. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
50. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
51. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
52. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
53. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
54. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
55. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
56. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
57. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
58. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
59. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) – DAP
60. “ Dato’ Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
61. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
62. “ Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) – SUPP
63. “ Datuk Dr. Leo Michael Toyad (Mukah) - PBB
64. “ Dato’ Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
65. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP
66. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
67. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
68. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) – MCA
69. “ Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
70. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
71. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
72. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
73. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
74. “ Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Ketereh) – UMNO
75. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
76. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
77. “ Datuk Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
78. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
79. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
80. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
81. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
82. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO

-
83. Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
84. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
85. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
86. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
87. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
88. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
89. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
90. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
91. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
92. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
93. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
94. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
95. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
96. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
97. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
98. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
99. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
100. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
101. “ Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S, S.S.A., K.M.N, S.S.A.P, (Kuala Langat) - UMNO
102. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
103. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
104. “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
105. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
106. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO
107. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA
108. “ Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN
109. “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP
110. “ Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN
111. “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP
112. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA
113. “ Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) - UMNO
114. “ Tengku Razaleigh bin Tangku Hamzah, (Gua Musang) – UMNO
115. “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP
116. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA
117. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP

-
118. Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP
119. “ Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB
120. “ Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO
121. “ Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) -
KEADILAN
122. “ Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO
123. “ Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO
124. “ Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB
125. “ Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA
126. “ Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO
127. “ Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA
128. “ Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA
129. “ Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS

DEWAN RAKYAT

Setiausaha Dewan Rakyat
Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (*HANSARD*)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Kamisah binti Sayuti
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Saadiyah binti Jamaludin
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Hairan bin Mohtar
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT**

Isnin, 17 April 2006

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, apakah tindakan kementerian dalam memastikan pengusaha-pengusaha bas tidak melakukan penyelewengan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pengguna terutamanya semasa musim perayaan di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan telah menyusun strategi dan sasaran bukan sahaja untuk membendung penyelewengan bahkan untuk memastikan sistem pengangkutan awam sentiasa cekap dan *reliable*, dengan izin, khususnya pada musim perayaan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

- (i) memastikan bilangan perkhidmatan bas sentiasa memenuhi keperluan pengguna dengan mengadakan jumlah bas yang mencukupi pada setiap masa maka peluang untuk berlakunya penyelewengan dapat dikurangkan;
- (ii) dalam keadaan di mana permintaan pengguna melebihi bilangan bas yang sedia ada terutama di musim perayaan LPKP akan mengeluarkan lesen perubahan sementara kepada pengusaha bas sekolah dan bas pekerja melalui syarikat bas ekspres;
- (iii) memastikan kadar tambang adalah dipatuhi sejajar dengan kadar yang telah diwartakan. Sekiranya terbukti ada pengusaha yang mengambil peluang mengenakan tambang yang lebih tindakan tegas akan diambil, termasuklah pembatalan lesen;
- (iv) setiap bas dikehendaki membuat pemeriksaan di PUSPAKOM setiap enam bulan bagi memastikan semua bas awam sentiasa dalam keadaan yang baik, selamat dan selesa kepada pengguna;
- (v) menetapkan had usia pengangkutan awam bagi kenderaan yang baru mendapatkan lesen iaitu tidak melebihi 10 tahun bagi bas ekspres dan tidak melebihi 15 tahun bagi bas berhenti-henti, berkuat kuasa mulai 1 Julai 2005. Manakala had usia bagi bas sekolah adalah tidak melebihi 20 tahun berkuat kuasa 15 Mac 2006;
- (vi) bagi setiap menjelang musim perayaan LPKP akan mengeluarkan surat peringatan dan pekeliling kepada semua pengusaha bas ekspres bagi memaklumkan peraturan dan syarat-syarat khas untuk perkhidmatan musim perayaan;

- (vii) memastikan tiket-tiket bas ekspres tambahan dijual di kaunter tiket yang sah sahaja bagi mengelak orang ramai daripada menjadi mangsa ulat-ulat tiket;
- (viii) mengadakan operasi bersepadu dengan agensi-agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di lokasi-lokasi tertentu bagi mencegah operasi bas ekspres haram;
- (ix) mewujudkan sistem aduan bersepadu menerusi talian *hot line* 1-800-88-9600 untuk kemudahan orang ramai menyalurkan aduan tentang perkhidmatan kenderaan perdagangan terutamanya bas; dan
- (x) membuat hebahan menerusi media bagi memaklumkan orang ramai tentang peraturan-peraturan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa berkaitan dengan pengangkutan awam pada musim perayaan.

Syarikat pengangkutan awam juga dikehendaki menghantar pemandu-pemandu mereka untuk menghadiri kursus dan latihan sama ada anjuran LPKP ataupun badan-badan lain untuk meningkatkan prestasi mereka. Para pemandu juga dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala bagi memastikan mereka bebas daripada gangguan kesihatan semasa memandu. Terima kasih.

Puan Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, setiap kali musim perayaan, musim cuti ataupun musim cuti awam sekalipun semua operator-operator bas ini mengambil kesempatan untuk menaikkan tambang bas dan apabila ini berlaku sebenarnya ia telah pun memeras pengguna-pengguna bas ini. Walaupun daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi bahawa peringatan telah pun diberi kepada pengusaha-pengusaha bas tetapi mereka tidak mengendahnya.

Soalan saya, apakah jaminan kementerian untuk memastikan perkara seperti ini daripada terus berlaku dari semasa ke semasa dan dari setahun ke setahun? Sebab perkara ini sentiasa berlaku. Mohon penjelasan, Setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman tambahan, pada masa ini lesen perkhidmatan bas yang telah dikeluarkan di seluruh negara sebanyak 47,754 buah yang terdiri daripada:

Perkhidmatan	Jumlah
Bas Berhenti-henti	8,706
Bas Ekspres	4,602
Bas Pekerja	17,440
Bas Sekolah	15,994
Bas <i>Charter</i>	6
Bas Pengantara atau <i>Fider</i> Bas	148
Bas Mini	858

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebentar tadi, pada masa musim perayaan keperluan kenderaan yang akan dikeluarkan lesen sementara termasuklah kepada bas sekolah dan bas kilang. Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, perbezaan kadar tambang biasanya berlaku apabila bas perkhidmatan tersebut ada perbezaan, kelas bas iaitu sama ada ia bas ekspres, bas berhenti, bas mini, bas pengantara, bas sekolah dan juga bentuk perkhidmatan sama ada eksekutif ataupun yang biasa.

Jadi, kita telah pun memastikan bahawa setiap musim perayaan, jumlah perkhidmatan ini adalah mencukupi dan kita telah pun mengarahkan bahawa penjualan tiket-tiket di kaunter yang dikhaskan sahaja, maka kemungkinan yang berlaku ialah apabila pembeli-pembeli tiket ini membeli di tempat yang tidak ditetapkan, ditentukan maka berlakulah kenaikan tambang. Ini adalah satu yang di luar kawalan pihak kementerian dan khususnya LPKP.

Walau bagaimanapun, kita sentiasa memantau melalui aduan awam, dan setakat ini sepanjang tahun, setiap tahun kita menerima aduan yang tidak kurang daripada 1000 aduan dan tindakan diambil terhadap pengusaha-pengusaha ini termasuklah membatalkan atau menggantungkan lesen mereka. Bagaimanapun, kementerian memerlukan juga kerjasama daripada orang awam untuk memastikan dan memberi maklumat agar tindakan-tindakan yang bertepatan dan bersepadu dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Penyelewengan oleh pengusaha-pengusaha bas ini bukan berlaku pada hari perayaan, hampir setiap hari. Ada pengusaha bas, contoh daripada Melaka untuk jurusan ke utara, mempamerkan bas eksekutif 26 *passenger*, yang mana harganya lebih tinggi daripada bas ekspres biasa. Apabila kita beli tiket untuk bas eksekutif, sampai di Pudu Raya daripada Melaka, kita dijual kepada pengusaha-pengusaha bas biasa untuk membawa kita ke utara. Penipuan ini berlaku hampir tiap-tiap hari, Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, kita lihat kenderaan bas ekspres di jalan raya kita kadangkala menyedihkan, asap bukan main banyak. Enam bulan pemeriksaan PUSPAKOM, kita pun tidak tahu apa dia periksa.

Soalan yang ketiga, adakah kementerian berhajat untuk mengehadkan tempoh usia bas ekspres yang usang masih lagi menjalankan perniagaannya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, bagi menjawab soalan mengenai dijual kepada agensi lain, iaitu jenis perkhidmatan maka inilah yang sebenarnya kita pantau dan melalui aduan awam yang kita sediakan, perkara-perkara sebegini diambil tindakan yang tegas termasuklah yang saya nyatakan penggantungan lesen dan juga pembatalan lesen sekali.

Antara kesalahan selain yang disebutkan ialah:

- (i) mengenakan tambang lebih;
- (ii) operasi di luar kawasan;
- (iii) tata kelakuan pemandu – hisap rokok, berkata kasar dan sebagainya;
- (iv) begitu juga dengan ekspres haram yang disebutkan tadi dan juga tidak mengikut jadual perjalanan.

Perkara-perkara inilah yang sentiasa diambil perhatian dan tindakan oleh pihak LPKP.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menentukan keberkesanan perkhidmatan bas selamat dan selesa untuk digunakan, kementerian memang mengehadkan usia perkhidmatan bas ini iaitu bagi bas ekspres tidak lebih dari sepuluh tahun dan bagi bas berhenti-henti ataupun bas sekolah dan yang merupakan perjalanan yang dekat sahaja maka tidak melebihi 20 tahun. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya hendak bertanya, saya mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Seksyen 7, Shah Alam... [Tepuk]

2. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, berapa jumlah siswa dan siswi yang terbilang atau *top scorer*, dalam akademik dan ko-kurikulum sama ada belajar di dalam dan luar negara.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan lebih ramai siswa dan siswi yang mempunyai peribadi unggul dan mempunyai minda kelas pertama seperti mana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada tahun lepas iaitu tahun 2005, seramai 1,657 graduan kita mendapat ijazah kelas pertama yang mendapat PNGKnya 3.7 dan ke atas. Ini merupakan dua peratus daripada jumlah graduan pada tahun berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, antara contoh pelajar-pelajar cemerlang adalah seperti berikut:

- (i) di bidang ko-kurikulum umpamanya pada tahun 2003, pelajar Universiti Teknologi Mara (UiTM), Ahmad Reduan dan Muhammad Muqharabbin telah berjaya menjejakkan kaki di kemuncak Everest;
- (ii) Melati Abdul Hamid iaitu siswi UIA yang dianugerahkan Pembahas Terbaik dalam debat undang-undang universiti di seluruh dunia di Amerika Syarikat tahun 2004; dan
- (iii) Nazmizan Muhammad, pelajar Jurusan Sains Pembangunan, UPM, menjadi raja pecut Asia Tenggara dalam Sukan SEA tahun 2004.

Ini adalah contoh pelajar-pelajar universiti yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum. Dalam bidang akademik pula:

- (i) pelajar Ph.D - Najmil Faiz Muhammad yang sedang menuntut di Leeds University merupakan pelajar termuda telah diberi penghormatan untuk membentangkan hasil kajian Mikro Mesin Proses di Parlimen Britain dan beliau telah diberi anugerah sebagai *The Best Reserach* pada tahun 2005;
- (ii) pelajar Sains Perubatan, Wong Sook Sun daripada Universiti Malaya telah menerima anugerah daripada *University Melbourne* untuk membuat Ph.D dengan jumlah biasiswa kira-kira setengah juta ringgit; dan
- (iii) pelajar Ros Azian Yahya daripada *University Technology Queensland, Australia* yang memenangi anugerah penyelidikan terbaik pada Persidangan Pendidikan Multimedia Dunia di Montreal, Kanada tahun 2005.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, ada juga pelajar-pelajar yang cemerlang dalam kedua-dua bidang kurikulum dan ko-kurikulum. Kita berbangga kerana beberapa pelajar di UPM iaitu pelajar di beberapa fakulti UPM yang diletakkan di bawah akademi sukan. Sekurang-kurangnya tiga pelajar umpamanya:

- (i) Siti Shahidah Abdullah bukan sahaja memenangi *Gold Medal* Sukan SEA tahun 2005 tetapi merupakan pelajar terbaik dari segi CGPAnya;
- (ii) pelajar Li Yang tahun kedua telah memenangi kedudukan kedua *World Championship Wushu*, CGPAnya juga tinggi; dan
- (iii) Shahadan Jamaluddin Tahun 1 memenangi *Gold Medal* di Sukan SEA tahun 2005 untuk acara 400 meter. Beliau merupakan seorang pelajar cemerlang.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melahirkan yang, dengan izin, *well rounded*, mempunyai personaliti unggul, *touring personality* dan mampu untuk menjadi para siswa dan siswi yang boleh bersaing dengan mana-mana graduan di pasaran global. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa pada masa ini kita berbangga adanya pelajar-pelajar istimewa sebagai contoh seperti Profesor Dato' Dr. Ismail yang dididik dari kecil walau pun beliau tidak nampak dan beberapa contoh lagi yang terbaru pelajar Albert Wong yang berusaha untuk mendapatkan biasiswa daripada JPA.

Cuma saya ingin bertanya kepada kementerian, dalam kita mewujudkan pelajar yang berakal canggih ini, selaras dengan kehendak wawasan kita, apakah kementerian bercadang untuk mewujudkan suatu unit, unit bersepadu, mungkin dengan sumber manusia dan juga dengan SPA untuk menentukan *scorer-scorer* ini kita buat dari awal lagi. Bukan hanya pada ketika apabila didedahkan oleh media, televisyen ataupun media cetak ke atas pelajar-pelajar ini seperti di negara-negara lain. Contohnya di Singapura, apakah kementerian memantau pelajar yang *scorer* ini selepas mereka ini memasuki alam pekerjaan supaya kelak nanti negara mempunyai barisan ahli cendekiawan, profesional selain golongan akademi, terutamanya selaras dengan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk melahirkan golongan minda kelas pertama sebagai *vision* ataupun *mission* kita melaksanakannya, apakah itu sebagai suatu rancangan Kementerian Pengajian Tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sila jawab.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini beberapa pelajar cemerlang memang di tempat di beberapa buah institusi penyelidikan ternama di negara kita dan juga diambil bekerja dalam beberapa buah syarikat seperti GLC. Cuma dari segi pemantauan, Yang Berhormat bagi Larut bertanya sama ada dipantau ataupun tidak ke mana mereka pergi, insya-Allah, kerajaan akan memantapkan lagi sistem pemantauan. Sekarang ini memang ada skim yang dapat dimantapkan lagi di mana pelajar-pelajar *scorer* ini, yang terbaik ini, dapat kita jejak apa yang mereka lakukan selepas mereka keluar daripada universiti supaya mereka dapat menyumbang dengan lebih besar lagi kepada kemajuan negara.

Mereka merupakan aset yang besar bagi negara dan telah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan pelajar-pelajar yang pintar ini dapat memberikan sumbangan yang terbaik kepada kemajuan sosioekonomi negara Malaysia. Jadi, kita sudah ada sistem pemantauan tetapi kurang mantap, insya-Allah, kita akan mantapkan sistem tersebut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak jelas tadi, Yang Berhormat. Maksud saya tadi unit pemantauan bersepadu dengan Kementerian Sumber Manusia mungkin ataupun dengan SPA. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, itulah saya katakan, ada pemantauan tetapi tidak mantap dan cadangan Yang Berhormat supaya ditubuhkan suatu unit pemantauan bersepadu ini akan kita pertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, untuk tujuan menjadikan Malaysia, khasnya IPTA-IPTA menjadikan pusat akademik kecemerlangan bukan sahaja untuk siswa dan siswi yang terbilang tetapi mewujudkan siswa dan siswi yang cemerlang.

Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan pada pertengahan bulan dahulu iaitu pertengahan bulan Mac bahawa Malaysia berhasrat untuk mengadakan dua buah universiti dalam golongan yang terbaik dalam lima universiti yang terbaik di dunia. Sepatutnya menjadi ciri-ciri utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan tetapi nampaknya ini sudah ditinggalkan, tidak disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Adakah kementerian ada *cold feet*, sudah membatalkan matlamat ini supaya di antara lima puluh universiti di dunia, dua dari Malaysia tahun 2010. Kenapa ini ditinggalkan daripada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, ada sekurang-kurangnya dua rujukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kepada universiti-universiti terkemuka.

Yang pertama, rujukan kepada cadangan menubuhkan *research universities* ataupun universiti penyelidikan, dan yang satu lagi rujukan kepada untuk melahirkan universiti yang ternama dalam negara kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan senarai 50 universiti yang terbaik di dunia. Itulah soalan yang spesifik, *among the 50 best universities in the world*, kenapakah ditinggalkan dan ada diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Jawab Yang Berhormat.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, bukan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah suatu rangka rancangan kerajaan tempoh lima tahun dan bukan semua agenda termasuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. *Detail* nya suatu perkara yang berbeza. Yang kita sebut RMK-9 ialah rangka dasar untuk *research universities* untuk melahirkan *top university*....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini mustahak 2010. Adakah ini ditarik balik?

Dato' Mustapa bin Mohamed: Ya, insya-Allah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Adakah ini dibatalkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Tidak dibatalkan. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, tidak dibatalkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masih ada!

2. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilakah penyesuaian gaji untuk ketua kaum di seluruh Malaysia akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mas kerana membawa soalan ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengumumkan keputusan kerajaan untuk menyesuaikan elaun ketua kampung pada kadar sekurang-kurangnya RM450 sebulan. Pembayaran elaun akan disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM400 sebulan dan kerajaan negeri pula akan menyumbangkan sekurang-kurangnya RM50 sebulan. Pembayaran ini akan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2006.

Kerajaan telah menetapkan supaya pembayaran dibuat pada setiap bulan. Peruntukan Kerajaan Persekutuan akan disalurkan kepada kerajaan-kerajaan negeri melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Pembayaran ini akan dimulakan sebaik sahaja kementerian ini menerima senarai penuh nama-nama ketua kampung dari kerajaan-kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan cadangan ini akan melibatkan peruntukan sebanyak RM71.61 juta, iaitu RM63.65 juta oleh Kerajaan Persekutuan dan minimum RM7.96 juta oleh kerajaan-kerajaan negeri. Pembayaran elaun ini akan diperolehi oleh seramai 13,261 orang ketua kampung di seluruh negara. Bilangan ini adalah berdasarkan jumlah ketua kampung yang telah dikemukakan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan telah diperakukan oleh Jemaah Menteri. Terima kasih.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Persetujuan kerajaan untuk menaikkan elaun ketua-ketua kampung adalah suatu keputusan yang baik dan membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap golongan yang banyak berjasa dan bertanggungjawab di peringkat kampung-kampung di seluruh negara.

Soalan saya, adakah kajian yang telah dibuat mengambil kira elaun yang dibayar kepada ketua-ketua daerah, khususnya di Sabah, ketua-ketua anak negeri di Sabah dan di Sarawak, Penghulu, Pemancar dan Temenggung. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mas. Pembayaran ini atau penyelarasan ini telah dibuat dan setelah mengambil kira semua faktor termasuklah kalau di Sarawak, tangga gaji yang dinikmati oleh temenggung, pemancar, penghulu dan ketua-ketua kaum, elaun bulanannya yang sedia ada. Begitu juga dengan ketua-ketua kaum di Sabah akan tetapi keseluruhannya senarai ini adalah berdasarkan apa yang dikemukakan oleh kerajaan-kerajaan negeri melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan muktamadkan oleh Jemaah Menteri. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum *warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, tindakan kerajaan memberi elaun kepada ketua kampung, suatu tindakan yang sangat baik dan disokong oleh semua lapisan masyarakat dan kerajaan juga memberi elaun kepada imam-imam. Itu juga suatu tindakan yang baik yang disokong oleh rakyat.

Pertanyaan saya Tuan Yang di-Pertua, ada permohonan, ada permintaan dan permohonan serta permintaan ini agak wajar dilayan oleh kerajaan iaitu Tok Bilal-Tok Bilal pula... [*Disampuk*] Dia minta juga elaun kerana dialah yang buka masjid pagi-pagi sebelum imam datang. Kalau imam uzur, dia juga jadi imam. Beban dia agak berat juga dalam menentukan kelangsungan surau ataupun masjid. Boleh atau tidak kerajaan mempertimbangkan supaya bilal-bilal ini juga, kalau pun tidak agaknya sebesar elaun tok-tok imam kita, sekurang-kurangnya adalah juga imbuhan sebagai suatu penghargaan kepada peranan dan tugas mulia itu. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih kekanda Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya ingin memaklumkan bahawa status Tok Bilal ini tidak termasuk dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya Jabatan Perdana Menteri telah mengambil maklum tentang perkara ini dan mungkin akan dipertimbangkan di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin simpulkan soalan dan juga makluman daripada kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat tentang perkara elaun ketua kampung ini dengan sedikit perkara yang saya maklumkan dalam bentuk *puitis*, iaitu:

*Desa di Perlis hinggalah ke Sabah;
Elaun ketua kampung diisytiharkan sudah;
Kerja harian mereka kian bertambah;
Selesaikan masalah gigih dan tabah;
Kampung makmur aman dan indah;
Di akar umbi berjaya menyerlah;
Misi nasional terlaksana menebus maruah.*

Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Satu madah yang indah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kita pun akan berubah.

4. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) langkah kerajaan dalam mengisi jawatan mahir dan separuh mahir bagi Pusat Kesihatan Tongod; dan
- (b) cadangan pewujudan Pusat Latihan Jururawat di Kota Kinabatangan serta klinik-klinik kesihatan di daerah Kinabatangan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan daripada Yang Berhormat bagi Kinabatangan yang spesifik.

- (a) Pengisian jawatan bagi fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk di Pusat Kesihatan Tongod akan dilakukan apabila graduan perubatan daripada institut pengajian tinggi swasta dan pelatih-pelatih paramedik telah menyempurnakan pengajian mereka daripada kolej-kolej latihan kementerian.

Walau bagaimanapun memandangkan bilangan pelatih-pelatih ini perolehi secara berperingkat-peringkat maka jawatan-jawatan ini juga akan diisi secara berperingkat-peringkat. Kementerian Kesihatan menyedari bilangan yang diperlukan oleh fasiliti-fasiliti kesihatan adalah tinggi dan antara usaha-usaha yang dilakukan termasuklah melatih lebih ramai pelatih di kolej-kolej kementerian dan juga bertindak menghantar pelatih-pelatih ke kolej pengajian tinggi swasta bagi perbanyakkan lagi bilangan tenaga kerja. Setakat ini kementerian belum bercadang untuk membina pusat latihan jururawat di daerah Kinabatangan.

Untuk makluman Yang Berhormat, di negeri Sabah juga terdapat tiga pusat latihan yang baru dibina di dalam Rancangan Malaysia Kelapan iaitu Kolej Sains Bersekutu Kota Kinabalu, Kolej Kejururawatan Sandakan yang telah mula beroperasi pada bulan Januari 2005.

Bagi soalan kedua,

- (b) Untuk kemudahan-kemudahan klinik kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan terdapat tiga jenis iaitu Klinik Kesihatan Jenis Empat di Sukau, Klinik Kesihatan Jenis Enam di Paris Tiga, ejaannya sama dengan ibu negara Perancis dan ketiga, Klinik Kesihatan, Jenis Enam di Penaga.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pepatah Melayu ada menyatakan, pucuk dicita ulam mendatang. Memang kita menanti-nanti Tuan Yang di-Pertua, tindakan daripada kementerian kalau saya tidak silap Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga kali saya mengutus surat kepada menteri dan kementerian cuma sekali di jawab dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan nampaknya ada kemajuan sedikit iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan ada tiga. Mungkin Rancangan Malaysia Kesepuluh berapa lagi agak-agaknya. Atau Rancangan Malaysia Kesebelas berapa pula? Ataupun sampai menteri dia tukar, timbalan menteri tukar, orang Sabah bilang, cuma janji terang bulan Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak boleh macam Larut Tuan Yang di-Pertua, dia boleh menggunakan suara perempuan dalam situasi yang dia kehendaki. Saya punya bahasa memang begitu Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak boleh berlakon saya tidak boleh satu identiti berimej dua, tiga. Bagi saya suara saya memang begini dan saya minta kementerian memberi kepastian bila sebenarnya masalah-masalah yang dihadapi luar bandar ini di Kinabatangan. Luar bandar yang lain saya tidak tahu sebab mungkin wakil rakyat dia pun menghadapi masalah yang sama.

Saya tidak percaya Tuan Yang di-Pertua, bahawa ini adalah dasar kerajaan dan kementerian untuk tidak memberi kemudahan kesihatan kepada masyarakat luar bandar. Cuma mungkin pihak kementerian tidak memfokuskan masalah luar bandar. Inilah yang kita pertikaikan hari-hari kita bercerita di bandar setiap lima kilometer ada pusat kesihatan dan sebagainya. Ini Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian supaya mengambil tindakan wajar ke arah menyelesaikan masalah ini dengan guna bahasa, janji terang bulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Menteri jawab.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, janji terang bulan itu di Kelantan sahaja. Tuan Yang di-Pertua saya amat prihatin dengan Kinabatangan ini. Kalau

suara dia tinggi itu biasa tetapi suara dia lembut seperti Yang Berhormat Larut, itu di luar tabii tu.

Sebenarnya dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tumpuan adalah diberikan kepada memberi perkhidmatan kesihatan dan menambah nilai kepada luar bandar. Sebab itu umpamanya di Sabah dan Sarawak kalau saya tidak silap penambahan pembangunan untuk baik naik taraf di hospital, klinik-klinik kesihatan bernilai hampir RM3 bilion berbanding dengan RM10 bilion peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Ekoran daripada itu masalah-masalah ini tidak akan selesai Yang Berhormat Kinabatangan. Kalau Yang Berhormat Kinabatangan tidak jadi wakil rakyat pun dia tidak akan selesai kerana masalah kesihatan ini adalah dulu, kini dan selamanya. Selagi ada manusia, selagi ada orang sihat, selagi ada orang tidak sihat, selagi itulah relevannya Kementerian Kesihatan dan relevannya kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, kalau masalah tidak selesai, ini tidak relevan kementerian ini. Kalau relevan masalah selesai saya tidak percaya tiada masalah tidak selesai. Tiada penyakit tidak sembuh melainkan umurnya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup. Soalan Yang Berhormat seterusnya dari Sabak Bernam.

5. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kerajaan telah selesai membuat kajian tentang penggunaan telefon bimbit di kalangan para pelajar kerana ramai berpendapat bahawa para ibu bapa dapat mengawal pergerakan anak-anak mereka serta keselamatan para pelajar juga adalah terjamin kerana boleh dihubungi oleh guru dan ibu bapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua terdapat dua pertanyaan mengenai penggunaan oleh telefon bimbit oleh pelajar di sekolah. Pertanyaan-pertanyaan tersebut daripada Yang Berhormat Sabak Bernam pada hari ini dan Yang Berhormat Santubong pada 3 Mei 2006. Izinkan saya menjawab kedua-dua pertanyaan tersebut secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sila.

Puan Komala Devi: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menarik balik penggunaan telefon bimbit di sekolah seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas bilangan 1/2006 bertarikh 20 Januari 2006. Keputusan ini dibuat setelah meneliti reaksi atau pandangan yang diterima dan diteliti oleh Kementerian Pelajaran Malaysia juga menunjukkan bahawa majoriti sekolah-sekolah kurang bersedia untuk membenarkan para pelajar menggunakan telefon bimbit di sekolah. Maka dengan ini kementerian merasakan adalah rasional untuk menarik balik keputusan awal buat masa ini. Tindakan ini juga menunjukkan bahawa kementerian sentiasa prihatin dan terbuka dalam mengambil kira pandangan dan input semua pihak bagi sesuatu isu yang berkaitan dengan kepentingan sekolah. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak melihat penggunaan telefon bimbit ini sebagai satu nilai pendidikan yang positif. Sebenarnya saya ingin bertanya secara khusus. Boleh atau tidak pihak kementerian mempertimbangkan supaya telefon bimbit ini digunakan oleh pelajar sekolah secara berperingkat dan bertahap. Di mana para ibu bapa umpamanya di kawasan Lembah Klang kalau saya hendak ambil contoh.

Kita lihat isu keselamatan di mana pelajar-pelajar ini bukan sahaja di ganggu oleh pihak luar apabila balik lambat daripada sekolah. Jadi telefon ini boleh dimanfaatkan oleh ibu bapa dalam konteks keselamatan ini. Selain daripada saya mengambil contoh semalam. Saya berada di sebuah sekolah di Sabak Bernam. Bapa pelajar ini memberitahu kepada saya bahawa anak dia yang berada di asrama risau dan dia ada telefon dia risau dan dia boleh memberikan motivasi pendidikan kepada anak dia yang risau itu. Jadi ini akan membantu pihak pelajar, pihak ibu bapa dan pihak sekolah untuk memastikan pendidikan yang lebih baik dapat dicapai. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian menyediakan lain-lain alternatif kepada penggunaan telefon bimbit di sekolah dari segi perhubungan di antara para pelajar dan ibu bapa. Pelajar boleh menggunakan telefon yang disediakan di pejabat sekolah. Pelajar juga boleh menggunakan telefon awam yang disediakan di kawasan sekolah. Guru-guru dan staf mentadbir sedia menolong untuk menelefon keluarga pelajar dan semua guru kaunselor disiplin dan guru besar bertanggungjawab tentang keselamatan para pelajar. Tambahan pula dari segi keselamatan pelajar kementerian juga menyediakan pengawal keselamatan untuk menjaga sekolah 24 jam sehari. Dan pengawas-pengawas sekolah juga bantu pihak sekolah untuk mengawasi memantau keselamatan pelajar. Dan semua guru bertanggungjawab ke atas keselamatan pelajar. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa pihak kementerian sangat prihatinlah kepada para pelajar-pelajar terutamanya mengenai keselamatan tetapi bolehkah Yang Berhormat terangkan pada mulanya kalau begitu prihatin mengapa pihak kementerian membenarkan penggunaan telefon bimbit, kemudian pada 20 Januari tahun ini di tarik balik pula. Kalau begitu prihatin dia tolak tarik, tolak tarik macam mana itu kita buat. Itukah diertikan prihatin? Adakah pihak kementerian mengadakan itu jawatankuasa khas untuk mengkaji kerana kita ada 3G dan tidak lama lagi ada 4G, 5G dan sebagainya. Bagaimana kita dapat menyelesaikan masalah ini..., saya tidak setuju atau tidak setuju dengan hal ini kerana kita mesti kaji dengan lebih mendalam, dalam tempoh yang panjang untuk mengetahui pro dan kontranya.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, semua polisi dan dasar yang dikeluarkan oleh kerajaan mesti ada reaksi daripada masyarakat. Jadi apabila kita dapat reaksi dari masyarakat dan juga pandangan. Kementerian telah membuat keputusan untuk mengambil kira sensitiviti masyarakat. Antara pandangan yang telah diluahkan adalah kemungkinan bahawa penggunaan telefon bimbit oleh pelajar di sekolah mungkin akan menyebabkan pelajar-pelajar itu memberi kurang tumpuan kepada pembelajaran dan juga pelajar-pelajar perlu mencari sumber kewangan untuk membayar bil-bil telefon. Jadi selepas mengambil kira pandangan dan juga sensitiviti masyarakat satu keputusan telah dibuat oleh kementerian iaitu menarik balik penggunaan telefon bimbit di sekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput soalan dari Yang Berhormat bagi Kuala Nerus.

6. Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus] minta Perdana Menteri menyatakan, bilangan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang telah bersara tetapi disambung perkhidmatannya secara kontrak yang masih berkhidmat pada masa ini. Apakah kesannya kepada perbelanjaan negara dan berapakah bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang terjejas kenaikan pangkatnya akibat dari penyambungan ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, pelantikan secara kontrak pegawai tinggi kerajaan selepas bersara ini tidak memberi kesan kepada perbelanjaan negara kerana bilangan pegawai yang dilantik adalah kecil. Kerajaan menyedari pelantikan selepas bersara wajib memberi kesan ke atas pegawai sedia ada khususnya berhubung dengan kenaikan pangkat. Pegawai kerajaan bersara wajib dia boleh dilantik semula secara kontrak bagi mengisi jawatan terakhir mereka atau jawatan lain yang sesuai dengan kelayakan dan pengalaman dimiliki.

Pelantikan secara kontrak tersebut dibuat melibatkan pelbagai agensi dan juga peringkat pegawai atau dibuat secara *selective*. Sehingga 31 Mac 2006, terdapat seramai 133 orang pegawai di jawatan utama sektor awam ataupun JUSA dan jawatan gred khas dilantik kontrak selepas bersara wajib. Daripada jumlah tersebut seramai 51 orang pegawai JUSA di sambung perkhidmatan sebagai kontrak. Dengan mengisi jawatan hakiki manakala bakinya seramai 82 orang disambung perkhidmatan secara kontrak bagi memenuhi keperluan perkhidmatan kritikal. Itu bukan jawatan hakiki seperti perkhidmatan pegawai perubatan pakar dan tenaga pengajian akademik. Kerajaan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat mengatasi kepentingan individu di dalam perkhidmatan ini sebab itu

kadangkala kita lantik pada masa yang sama peluang kenaikan pangkat diwujudkan juga melalui kajian semula beban dan bidang tanggungjawab kementerian-kementerian dan agensi yang dilakukan secara berterusan.

Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Menteri. Keputusan penyambungan ini sudah tentulah memberi kesan positif dan negatif pada kakitangan kerajaan. Positifnya mungkin mereka yang telah disambung secara kontrak merasa gembira dan berpuas hati. Pada yang tidak disambung mungkin merasakan pandangan ataupun persepsi pegawai-pegawai lain mungkin negatif kepada mereka. Mungkin persepsi orang lain kepada mereka adalah mereka mempunyai kelemahan tertentu ataupun kesalahan-kesalahan tertentu yang menyebabkan mereka tidak disambung.

Saya rasa perlu juga kerajaan membuat satu sistem dan saya juga ingin bertanya sebagai soalan tambahan saya. Adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu sistem yang mana pegawai-pegawai kerajaan ini sudah tahu daripada awal apakah faktor-faktor ataupun kriteria-kriteria yang membolehkan mereka setelah bersara wajib akan disambung secara kontrak. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa Yang Berhormat sebut. Apa pun kita buat ada reaksi negatif dan positif tetapi jumlahnya tidak ramai, cuma 133 orang sahaja daripada jumlah kalau tidak silap saya kalau perkhidmatan awam ini lebih daripada 100 ribu, jadi ini 133. Itu pun kita buat kalau sekiranya memerlukan kepada kepakaran dia. Sebagai contoh seorang doktor, kalau umurnya sudah 55 tahun sedangkan pengalamannya banyak kita hendak berhentikan dia kita rasa sayang sebab kita masih lagi memerlukan kepakarannya jadi kita kena sambung. Pada waktu dan ketika mungkin pada ketika itu kadangkala belum ada pelapis lagi.

Keduanya, kadangkala kita lihat bahawa sambungan kerja. Mungkin sewaktu dia menjadi ketua di situ ada satu projek yang telah berjalan separuh jalan, jadi untuk membolehkan kesinambungan kita terpaksa lantik dia selepas bersara. Itu pun kita lantik satu tahun setiap kali kita bagi kontrak satu tahun sahaja walaupun tidak ada maksimum tetapi kita hanya beri dia satu tahun. Walau bagaimanapun, kita ambil kira pandangan Yang Berhormat itu tetapi kita melakukan pada waktu dan ketika yang diperlukan sahaja.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak tanya soalan tambahan ini berasaskan kepada satu jawapan tahun lepas di Dewan yang mulia ini khusus kepada penjawat-penjawat seperti Ketua Pengarah dan Ketua Setiausaha kerajaan yang disambung, mungkin setahun boleh dipertimbangkan tetapi ada beberapa kali disambung.

Tahun lepas kerajaan ada menjawab bahawa dengan penyambungan setahun kepada ketua-ketua ini seperti Ketua Pengarah dan Ketua Setiausaha yang terjejas untuk kenaikan pangkat sebanyak lebih 300 orang yang mana ini memberi satu kaedah yang kurang menyenangkan kepada pegawai yang mempunyai potensi untuk menjadi Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah. Ini merupakan suatu perkara yang boleh memberi satu perasaan yang tidak puas hati kepada kumpulan yang akhirnya oleh kerana beberapa kali disambung, Timbalan Ketua Setiausaha berkenaan terpaksa pencen sebelum menjadi Ketua Setiausaha ataupun Ketua Pengarah. Apa komen kerajaan. Saya rasa Menteri boleh jawab tetapi saya hendak beritahu bahawa ini telah berlaku suatu protes secara diam oleh kebanyakan pegawai-pegawai yang bertemu dengan kami. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang telah saya sebut sebentar tadi bahawa ini bukan merupakan amalan biasa kita. Ia bukan merupakan *the norm* amalan kita, ia cuma dalam keadaan-keadaan yang memerlukan. Bagi mereka yang bekerja saya tahu Yang Berhormat sebut sudah tentu mesti ada mendapat kesan daripada itu tetapi waktu dia mula bekerja, dia terlebih awal telah pun diberi maklum bahawa inilah keadaan dan suasana yang mereka terpaksa terima suatu masa nanti sekiranya sampai masa mereka tidak dapat naik pangkat oleh kerana ada orang yang disambungkan selepas bersara wajib. Jadi ini bukan perkara yang mengejut tetapi perkara di mana semua sudah sedia maklum bahawa mungkin boleh berlaku. Sebab itu

kalau rasa tidak puas hati tu biasalah tetapi ia bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana terlebih mereka telah maklum tentang perkara itu. Itu pun kita *extend* dalam keadaan yang perlu, itu pun kalau Ketua Setiausaha satu tahun sahaja. Amalan kita satu tahun sahaja, tidak *extend* sampai tiga atau empat tahun. Sekali *extend* bagi setahun sahaja. Terima kasih.

7. Tuan Raimi bin Unggi [Tenom] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, apakah usaha-usaha dan tindakan pihak kementerian untuk memastikan mutu perkhidmatan Pos Malaysia seperti penghantaran surat-surat dan sebagainya berjalan dengan lancar.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha memastikan mutu perkhidmatan Pos Malaysia seperti penghantaran surat-surat dan sebagainya berjalan dengan lancar. Di antara tindakan yang diambil ialah seperti berikut:

- (a) Menambah bilangan kakitangan posmen dari masa ke semasa, menambah bilangan kakitangan kaunter dan memindah kakitangan secara sementara *relief*, dengan izin dari cawangan lain pada waktu yang sibuk.
- (b) Menambah bilangan Pejabat Pos dan Wakil Pos mengikut kriteria yang telah ditetapkan.
- (c) Menaik taraf kemudahan-kemudahan pos sedia ada seperti Pejabat Pos tidak Berkomputer kepada Pejabat Pos Berkomputer, mengubah suai pejabat-pejabat pos sedia ada serta melengkapkannya dengan *facility* penghantaran *mel* yang lebih moden.
- (d) Menilai peningkatan transaksi setiap Pejabat Pos dan Wakil Pos serta masalah-masalah yang dialami dengan tujuan menambah kecekapan penghantaran *mel*.

Selain daripada itu Pos Malaysia juga telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menjalankan pemeriksaan mengejut oleh Pengurus Serahan Negeri dari masa ke semasa ke Pejabat Pos untuk memastikan Posmen serahan membuat serahan ke kawasan pendalaman dalam masa yang ditetapkan;
- (ii) menjalankan proses uji *mel* itu pengukuran prestasi serahan surat-surat melalui ujian standard serahan *mel* yang dikesan menggunakan *barcode* uji *mel* yang ditampal oleh Pejabat Pengirim dan diumpil oleh Posmen Serahan Pejabat Pos;
- (iii) membuat rondaan bit-bit di kawasan serahan bit. Tugas ini termasuk memeriksa kualiti serahan surat oleh posmen-posmen untuk memastikan *key performance indicator* atau KPI, dicapai. Ini termasuk menentukan bahawa surat-surat yang diserahkan benar-benar diserahkan ke alamat yang tertera di sampul surat; dan
- (iv) mewujudkan pusat-pusat penghantaran surat atau *call point* di kawasan-kawasan yang mempunyai penduduk yang terletak berjauhan antara satu sama lain. Melalui kaedah ini, posmen akan meletakkan surat di *call point* dan pelanggan boleh menyemak *mel* mereka di *call point* berkenaan setiap hari.

Terima kasih.

Tuan Raimi bin Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan perwujudan *call point*. Masalahnya sekarang ialah Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu terutama di kawasan pedalaman seperti mana di kawasan saya di Tenom. Kita lihat perkhidmatan Pejabat Pos untuk menyerahkan surat-surat kepada penerima-penerima amat ketara sekali.

Kita lihat perwujudan tadi maksud saya *call point*, ada di antara surat-surat itu tidak sampai kepada penerima-penerima surat di kampung-kampung, terutamanya sebagai contoh di kawasan saya. Saya lihat banyak surat-surat itu dihantar kepada wakil-wakil pos di kampung-kampung, banyak surat-surat itu tidak sampai kepada penerima. Soalan tambahan saya ialah apa tindakan pihak kementerian untuk mengemaskinikan supaya surat tadi itu benar-benar sampai kepada penerima, dijamin sampai kepada penerima.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin menerangkan biasanya *call point* ini diwujudkan di kawasan-kawasan yang mana alamatnya mempunyai satu alamat yang sama, katakan satu bidang tanah tetapi mempunyai lima atau enam buah rumah di kawasan itu maka diwujudkan satu *call point*. Adalah menjadi lazim mereka-mereka tinggal di satu tempat yang terletak di satu kawasan yang alamatnya sama, untuk melihat di tempat *call point* ini surat yang dihantar kepada mereka dan di masa yang sama *call point* ini juga akan memastikan surat ini sampai kepada pelanggan dan pelanggan juga bertanggungjawab untuk memastikan untuk melihat di *call point* ada surat-surat yang dihantarkan mereka supaya memastikan surat ini sampai kepada mereka sebagai mana yang dialamatkan. Terima kasih.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab tadi. SDD kita lihat itulah iklan yang digambarkan oleh Pos di setiap jejambat lebuhraya, *same day delivery*, tetapi apa yang berlaku pada diri saya ialah satu surat yang diposkan daripada Putrajaya, sembilan hari baru sampai dan ini melewati tarikh yang sepatutnya kita menghadiri tarikh yang diletakkan dalam surat tersebut. Jadi soalan yang ingin saya timbulkan ialah, apakah jaminan yang akan diberikan oleh pihak kementerian kepada pihak pos laju supaya benda ini tidak berulang kepada orang lain kerana ini melibatkan masa hadapan mungkin penuntut, pelajar hendak masuk ke universiti dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Terutama saya amat bersimpati dan kesal terhadap kejadian yang berlaku kepada Yang Berhormat yang mana dikatakan surat begitu lewat sampai kepada alamat yang ditunjukkan iaitu mengambil masa 9 hari dan kalau boleh saya ingin Yang Berhormat beri saya satu keterangan terperinci supaya satu siasatan dapat dilakukan kerana saya bimbang di masa akan datang kalau ada pelajar-pelajar terutama yang hendak masuk ke universiti dapat surat terlambat dan kemudian ada masalah untuk masuk ke universiti kita pun tidak mahu perkara ini berlaku.

Untuk makluman Yang Berhormat, Pos Malaysia juga berusaha untuk meningkatkan lagi mutu penghantaran surat-surat mereka dan antaranya mereka telah memperkenalkan seperti *bar-code* kepada surat-surat pos laju supaya surat-surat ini dapat dihantar dalam masa yang cepat iaitu kalau boleh dalam masa hari yang sama. Dan masa yang sama; satu teknologi baru juga telah diperkenalkan iaitu RFID yang mana sehingga kini rancangan jangka panjang teknologi *tracking* surat telah pun dibuat terhadap perkhidmatan pos laju pada masa ini. Terima kasih.

8. Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, bilakah kerajaan akan menjalankan Program Satu Daerah Satu Industri di seluruh negara bagi memperkembangkan ekonomi bandar dan luar bandar terutama usahawan bumiputera.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum; program satu daerah satu industri atau yang dahulu dikenali sebagai program satu kampung satu produk adalah merupakan satu program yang berterusan yang telah dilaksanakan sejak tahun 1997. Program ini telah mencapai kejayaan di mana produk-produk yang diusahakan oleh usahawan telah dapat dibangunkan dan dipasarkan secara lebih meluas di luar daripada daerah asal usahawan berkenaan. Di bawah program ini kementerian mengenal pasti produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk-penduduk sesuatu daerah yang mengeluarkan produk yang memenuhi kriteria-kriteria sekurang-kurangnya seperti berikut:

- (i) produk yang dihasilkan oleh masyarakat setempat secara berkumpulan ataupun individu;
- (ii) menggunakan bahan mentah serta sumber yang sedia ada dari kawasan berkenaan; dan
- (iii) produk berpotensi dan boleh dikeluarkan secara komersial untuk pasaran yang lebih meluas.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan hasrat dan perancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi prestasi pelaksanaan program ini, kerajaan telah memperkemas lagi jentera pelaksanaan program satu daerah satu industri dengan mewujudkan beberapa Jawatankuasa Pelaksana dan diselaraskan oleh ICU di Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa satu daerah satu industri di peringkat Kebangsaan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Antara Jawatankuasa Kerja yang telah ditubuhkan ialah seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa Kerja Pembangunan Keusahawanan dan Jawatankuasa Kerja Pemasaran dan Promosi diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;
- (ii) Jawatankuasa Kerja Produk Makanan, akan diselaraskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
- (iii) Jawatankuasa Kerja Industri Desa akan diselaraskan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah;
- (iv) Jawatankuasa Kerja Produk Kraf dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;
- (v) Jawatankuasa Kerja *Homestay* dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan; dan
- (vi) Jawatankuasa Sawari itu satu Wilayah satu industri yang ada sekarang masih dijalankan oleh unit Felda. Di peringkat Jawatankuasa Kerja di bawah Kementerian satu *showcase* dan pelancaran satu daerah satu industri telah dilancarkan pada 6 April 2006 di Melaka baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Pada 6 April 2006 yang lalu, kementerian telah mengemukakan satu *showcase* yang besar dan telah pun diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Melaka ini sebagai tuan rumah *showcase* ini pada setiap tahun secara tetap sehingga satu lagi pusat pameran yang besar yang akan dibina di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melahirkan rasa kekecewaannya tentang sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang tidak mempromosikan produk berasaskan makanan -saya bagi nama, Syarikat Malaysia *Airlines System* yang ditanya sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri adakah syarikat tersebut menyediakan seri kaya di atas kapal terbang dan dijawab oleh pelayan, ada tetapi disimpan di dalam kabinet. Di samping itu mereka menyediakan *strawberry* jem dan sebagainya yang bukan produk tempatan. Apakah tindakan pihak kementerian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, bagi syarikat penerbangan Malaysia MAS, yang tidak menyajikan jem seri kaya seperti yang dinyatakan, ini adalah di luar bidang kuasa kementerian untuk memaksa apa-apa agensi untuk memberikan sajian mengikut keluaran industri tersebut. Oleh sebab itu bagaimanapun di dalam pelaksanaan struktur yang baru ini, kementerian melalui jawatankuasa pelaksanaan, satu daerah satu industri ini iaitu telah diserahkan

kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan tersebut. Dalam hal pengeluaran makanan ini, maka jawatankuasa kerja ini diselaraskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan saya percaya mereka telah pun mengadakan program-program yang bersepadu dengan agensi-agensi atau unit di bawah kementerian tersebut.

Bagi pihak kementerian, apa yang dapat dilaksanakan dan diusahakan ialah dasar yang telah kita kemukakan iaitu bagi memastikan produk-produk tempatan ini dapat dikeluarkan dan dipasarkan, untuk itu maka pewujudan Majlis Pembangunan Daerah yang dilancarkan baru-baru ini bagi membolehkan daerah berkenaan meng *identify*, dengan izin atau mengenal pasti produk-produk yang boleh dikeluarkan di daerah berkenaan, maka selain daripada itu, usaha untuk melatih usahawan dari segi pemasaran diberikan tekanan oleh unit di bawah kementerian ini melalui Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) supaya produk-produk tempatan ini dapat di pasarkan dan boleh berdaya saing dengan keluaran-keluaran lain di pasaran tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ini berterusan dan sekiranya perkara sedemikian berlaku, maka memanglah dari masa ke semasa kementerian sentiasa mengadakan kempen, berseminar, kursus dan juga gerak usahawan untuk memberi kempen dan pemberitahuan kepada umum bagi menggunakan pakai keluaran-keluaran tempatan. Terima kasih.

9. Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, jumlah tangkapan aktiviti penyeludupan dadah melalui KLIA dan berapa ramaikah pesalah yang telah dihukum semenjak KLIA beroperasi hingga kini.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat bagi Tanah Merah, Polis Diraja Malaysia di KLIA telah berjaya menumpaskan kes penyeludupan dadah bagi tempoh tahun 2000 hingga Mac 2006. Daripada kes-kes tangkapan tersebut PDRM telah berjaya menahan seramai 121 orang di mana 93 dari warga negara tempatan dan 28 orang warga negara asing iaitu;

Negara	Jumlah Tangkapan (orang)
Singapura	10
Taiwan	7
Hong Kong	3
Filipina	2
Britain	1
Australia	2
Afrika	1
Indonesia	1
China	1

Daripada kes-kes tersebut, sebanyak 40 kes telah dijatuhkan hukuman, 34 kes masih dalam perbicaraan dan satu kes telah dibebaskan. Sekian terima kasih.

Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa penyeludupan dadah selain daripada pintu masuk lapangan terbang ada juga penyeludupan melalui pantai, melalui sempadan negara seperti Kelantan, Kedah dan juga Perlis. Kita tahu bahawa walaupun kawalan ketat dibuat di lapangan terbang ini, masih berlaku juga kes-kes penyeludupan dadah ke dalam negara kita melalui lapangan terbang.

Apakah langkah-langkah yang akan diambil setelah adanya berlaku penyeludupan di lapangan terbang ini. Pada pendapat saya, bahawa kejadian ini sering berlaku dan saya minta kepada kementerian, supaya mengambil langkah-langkah yang lebih ketat lagi supaya tidak berlaku penyeludupan dadah melalui lapangan terbang.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa penyeludupan dadah boleh melalui pelbagai saluran dan ada yang melalui jalan darat, udara dan laut, di pintu-pintu masuk sempadan dan laluan, juga ada yang melalui laluan haram. Maka kerajaan memang sentiasa mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan termasuk mempertingkatkan kemudahan peralatan yang berteknologi di pintu-pintu masuk, memperkukuhkan lagi keanggotaan unit anjing pengesanan, melakukan risikan dalam dan luar negara untuk mengesan sindiket-sindiket pengedaran dadah. Kerajaan juga mengadakan penguatkuasaan bagi mencegah aktiviti makmal pembuatan dadah haram dalam negara. Kita juga bekerjasama dengan polis antarabangsa *Interpol* dan *Europol* bagi mengesan dan mendapat maklumat terkini mengenai dadah dan sindiket pengedaran dadah. Kerajaan juga akan sentiasa mempertingkatkan usaha mendakwa pengedar, pengusaha dadah dan penagih dadah di mahkamah di bawah undang-undang antidadah yang berkuat kuasa. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah sesi soal jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)**

**ISU KEPUTUSAN KABINET MENGHENTIKAN PEMBINAAN JAMBATAN INDAH
BAGI MENGGANTIKAN TAMBAK JOHOR
YANG MENGHUBUNGKAN MALAYSIA DAN SINGAPURA**

11.08 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: *Bismillahirrahmanirahim.* Tuan Yang di-Pertua, Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan (2), saya Salahuddin bin Ayub, Kubang Kerian memohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merundingkan isu Keputusan Kabinet menghentikan pembinaan jambatan Indah bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Kabinet Malaysia pada hari Rabu yang lalu yang memutuskan supaya pembinaan Jambatan Indah bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dan Singapura diberhentikan serta-merta telah menjadi isu dan topik perbincangan paling hangat penuh kontroversi bukan sahaja oleh rakyat Malaysia dan Singapura, tetapi merentasi negara-negara ASEAN dan dunia keseluruhannya.

Reaksi spontan dan rasmi yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar Singapura, menyatakan rasa terkejut di atas keputusan ini dengan hujah bahawa isu pembinaan ini masih lagi di peringkat rundingan ke dua belah negara, sama ada kenyataan ini ikhlas atau sengaja dikeluarkan sebagai memenuhi etika diplomatik ianya terlalu mudah untuk dibaca oleh penganalisa politik kerana itulah Singapura yang kita kenali. Singapura sememangnya sejak awal menunjukkan sikap dingin terhadap pembinaan jambatan baru ini kerana kebimbangan mereka terhadap potensi pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas yang mencabar masa depan pelabuhan-pelabuhan mereka.

Namun begitu tindakan Kerajaan Malaysia yang bertindak mengejut memberhentikan pembinaan jambatan ini telah melahirkan kompleks dunia polemik baru yang memperlihatkan sikap natural Malaysia membuat keputusan membina dunia memberhentikan jambatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Parlimen Malaysia seharusnya diberikan ruang yang secukupnya untuk mendengar membahas dan seterusnya menentukan sikap serta

mengkaji implikasi masa depan negara hubungan dua hala Malaysia Singapura. Kita sebagai rakyat dan Ahli-ahli Parlimen di dalam Dewan yang mulia ini boleh bersetuju bahawa maruah negara bukanlah barang taruhan yang boleh dijual beli.

Kerajaan selepas daripada ini harus mengkaji setiap perundingan menyeluruh dengan Singapura termasuk bekalan air yang kita berikan, hasil yang kita jual untuk menambak laut mereka, ruang udara bagi latihan ketenteraan dan juga pulau-pulau yang menjadi hal milik kita dan saya mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada hari Khamis 13 April tahun 2006. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat.

Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara tertentu.

Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Dan syarat yang ketiga, ialah ia kehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa tertentu, perkara ini adalah perkara tertentu. Kedua, kepentingan orang ramai, dia adalah juga bagi kepentingan orang ramai. Ketiga, berkehendak disegerakan. Pada fikiran saya perkara ini tidak berkehendak disegerakan.

Keputusan muktamad Jemaah Menteri pada 12 April tahun 2006 untuk menghentikan pembinaan jambatan indah bagi menggantikan Tambak Johor yang menghubungkan Malaysia dunia Singapura telah mengambil kira pandangan, pandangan dan sentimen berbagai-bagai pihak. Isu ini buat masa kini dianggap telah selesai. Oleh yang demikian saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2). Sekian.

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN (2006 – 2010)

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[13 April 2006]**

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Titiwangsa untuk menyambung perbahasaan dalam perkara.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minggu lalu saya telah menyatakan sejarah MAS dari 1900 hinggalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur diwujudkan. Enakmen MAS telah pun diselaraskan apabila diwujudkan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi telah tercicir dalam perhatian undang-undang.

Dua perkara telah terus menghalalkan kewujudan Enakmen MAS, iaitu pertama pelantikan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebagai Pengerusi MAS walaupun tiada peruntukan dalam Enakmen tersebut untuk menggantikan Menteri Besar Selangor dan kedua dari segi cukai tanah.

Di Kuala Lumpur ada tiga jenis tanah diiktiraf iaitu pertama tanah yang bukan tanah rizab Melayu dan bukan tanah Kampung Baru. Kedua tanah rizab Melayu dan yang ketiga tanah Kampung Baru. Sedikit sebanyak dua perkara ini memastikan status tanah Kampung Baru tidak akan berubah melainkan satu langkah perundangan diambil untuk menyelaraskannya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pembangunan Kampung Baru sebagai langkah awalan status tanah itu haruslah mula dikaji. Sekatan milikan dan pendudukan tanah tadbiran MAS serta status MAS sendiri harus dikaji untuk membenarkan pembangunan secara teratur dilaksanakan. Pada masa ini status tanah masih lagi tidak kondusif untuk pelaburan dibuat untuk pembangunan komersial kerana sekatan terhadap tanah dari segi pindah milik dan guna tanah iaitu pertanian. Perubahan status membolehkan nilai sebenar tanah tersebut direalisasikan kerana tiada lagi sekatan dari segi guna tanah dan peraturan seperti mengehendkan ketinggian bangunan dan sebagainya boleh didapati. Kalau kita banding di KLCC tanah telah bermula tukar pindah milik dengan harga setinggi RM1,200 sekaki persegi dibandingkan di Kampung Baru yang hanya kadang-kadang ditukar milik dengan harga RM100 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Kampung Baru haruslah dijalankan secara menyeluruh tanpa pengecualian iaitu pembangunan patut dijalankan untuk kesemua 223 ekar tanah yang ditadbir untuk MAS bagi mengelak ketidak seimbangan dan percanggahan pendapat tentang hala tuju pembangunan. Pembangunan menyeluruh dapat mengelak pampasan tidak sama rata sekiranya ia diberi berdasarkan penggunaan tanah sebenar kerana nilai keseluruhan yang akan diguna pakai bagi menentukan pampasan dan bukannya nilai lot-lot individu.

Pembangunan menyeluruh juga memastikan minoriti pemilik-pemilik tanah tidak mengambil kesempatan atau menghalang pembangunan melalui kuasa Veto terhadap pelan yang dirancang dan mengelak daripada masalah mengesan dan mendapat persetujuan pemilik tanah terutama bagi lot-lot yang mempunyai pemilik berganda-ganda..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kepong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)] *mempengerusikan Mesyuarat*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sebelum itu saya, kita mengalu-alukan itu pemerhati-pemerhati daripada Hulu, Kuala Terengganu sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: mengapa, mengapa hanya sebut Kuala Terengganu..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tak tahu, yang kawasan yang lain..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pelajar lain..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya dan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya tak payah sebut. Memang kita mengalu-alukan..

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Semua yang datang ke Parlimen.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Betullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Malaysia Ini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ada bersua dengan mereka itu, itulah maka kita mengalu-alukanlah.

Saya memang hendak bagi tahulah bersimpati dengan Yang Berhormat Titiwangsa. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa lebih satu dekat yang dulu Tun Mahathir, semasa di sini, ada satu projek untuk Kampung Baru dan projek ini untuk mengambil alih tanah tu kemudian untuk membangunkannya tetapi, kerana tuntutan untuk pampasan tu terlalu tinggi maka Tun Mahathir datang, saya ada di sini, datang ke sini untuk membatalkan projek itu dan macam mana kita dapat menyelesaikan masalah pampasan dan sebagainya sama ada hendak membangunkan secara menyeluruh holistik..., itu memang baik tetapi, macam mananya atasi pampasan?

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Kepong. Nanti dalam perbahasan saya, saya akan timbulkan macam mana cara kita hendak menyelesaikan masalah ini ya.

Langkah ini juga akan membenarkan Perancangan Bandar dan penyusunan semula dijalankan dengan lebih komprehensif serta praktikal kerana pengalaman menunjukkan yang percubaan pembangunan sebelum ini yang melibatkan percantuman lot-lot kecil secara persendirian oleh pemilik tanah terhalang kerana perancangan tidak boleh dilaksanakan dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan semula juga harus ditumpukan pembesaran nisbah tapak lot *ratio*, dengan izin. Pembangunan yang dicadangkan harus menjurus kepada pembinaan bangunan bertingkat, supaya guna tanah tidak dibazir dan kepadatan penduduk terutama orang Melayu boleh ditambah di kawasan tersebut. Ia juga secara langsung menyumbang kepada komersial *viability* projek tersebut melalui pengurangan risiko dengan menambah potensi unit-unit perumahan atau komersial yang boleh dijual.

Penambahan nisbah tapak juga akan memudahkan penyediaan infrastruktur yang kini tiada atau tidak mencukupi seperti pembesaran jalan, penambahan tapak rekreasi, pengaliran air, tempat letak kereta, pembinaan sekolah-sekolah baru dan sebagainya. Ia membolehkan pengekalan jumlah penduduk Melayu yang bakal menduduki kawasan-kawasan yang sudah dibangunkan tanpa merugikan mana-mana pihak..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada lagi 10 minit ya.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Okey, sekejap. Tuan Yang di-Pertua, sebuah pelan integrasi pembangunan bersama kawasan sekeliling haruslah disediakan bagi memastikan tidak ada pertindihan atau pembaziran di antara prasarana sedia ada dan pembangunan yang dirancang terutama dari segi lot-lot komersial dan rekreasi. Ia juga memastikan peralihan dari kawasan kampung di tengah kota ke *precinct* kediaman dan komersial bumiputera yang disegani berjalan dengan lancar.

Dalam pada itu pelan integrasi ini memastikan yang pembangunan tersebut serasi dari segi statistik dengan kawasan persekitaran seperti Jalan Ampang, KLCC, Jalan Tun Razak dan Jalan Sultan Ismail. Di sini yang saya hendak timbul mengenai apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kepong.

Pampasan yang bakal diberi seharusnya dipecahkan kepada pembayaran secara tunai berperingkat mengikut nilai pasca pembangunan, tetapi terhad kepada peratusan

tertentu dan instrumen pemilikan hal tanah dengan nilai pasca pembangunan iaitu *ownership instrument for real property at post completion market value*, dengan izin. Sebagai contoh sekiranya nilai keseluruhan pembangunan ditetapkan, katalah RM400 sekaki persegi, maka pampasan bentuk tunai bolehlah dihadkan kepada barangkali 30 peratus atau pun RM120 sekaki.

Manakala selebihnya akan diberi dalam bentuk pemilikan unit-unit baru, perumahan atau komersial bergantung pada guna tanah asal yang sama nilai dengan baki yang tinggal iaitu RM280 sekaki persegi. Ini akan mengelakkan daripada terjadi situasi penduduk kehabisan wang sekaligus sekiranya diberi serentak seperti yang pernah berlaku dengan peneroka sesetengah rancangan FELDA. Cara ini juga akan mengurangkan kos tanah kepada pihak yang menanggung pampasan dan menjamin kesinambungan majoriti kependudukan Melayu di kawasan tersebut setelah dibangunkan.

Bagi mewujudkan nilai komersial kepada pembangunan tersebut, berdasarkan kepada nisbah kependudukan warga Kuala Lumpur, kuota pemajakan dari kependudukan kepada bukan Melayu haruslah dipertimbangkan secara serius tetapi tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti siling 30% dan lain-lain. Berdasarkan pengembangan nisbah tapak iaitu daripada 220 ekar kepada 1,200 ekar setelah siap, penduduk Melayu sebanyak 70%, bermakna sebanyak 840 ekar akan dimiliki oleh orang Melayu, hampir empat kali ganda keluasan asalnya.

Ia akan menambah kepada faktor penarik untuk menjayakan pembangunan semula kerana unit-unit kediaman dan komersial boleh dipajak dan diduduki oleh bukan Melayu. Cadangan ini adalah selaras dengan cadangan Kerajaan Persekutuan untuk mengkaji kewajaran membenarkan tanah rizab Melayu dipajak kepada orang bukan Melayu dengan syarat-syarat tertentu.

Sebagai rumusan, Tuan Yang di-Pertua. Mengenal pasti cara-cara yang paling efektif dalam memajukan Kampung Baru merupakan hanya sebahagian kecil daripada merealisasikan impian untuk melibatkan orang Melayu Kuala Lumpur kembali seiring dengan arus pemodenan bandarinya. Apa yang perlu dilakukan di Kampung Baru ialah kesungguhan politik iaitu *political will power* oleh kerajaan dan pendekatan yang serius.....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Puchong.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Sebentar, ya. Praktikal dan *viable* dan memelihara kepentingan pemilik tanah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Titiwangsa. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat mengenai bagaimana pemilikan akan dilakukan selepas proses pembangunan Kampung Baru itu dilakukan. Setujukah Yang Berhormat kerana di kawasan Kampung Baru dikelilingi oleh kawasan ataupun hartanah yang berbentuk komersial, *office* dan sebagainya. Ini bermakna, adakah Yang Berhormat bercadang bahawa *mix development* akan dilakukan di Kampung Baru iaitu ia ada hartanah berbentuk *residential*, dengan izin, dan juga komersial. Ini boleh mengekalkan, tadi yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bahawa ini boleh mengekalkan bilangan penduduk Melayu di Kampung Baru. Adakah ini juga dicadangkan di dalam cadangan Yang Berhormat bahawa konsep *mix development* adalah yang paling baik sekali ataupun kita hanya membangunkan kawasan itu secara satu kawasan kediaman perumahan sahaja. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Terima kasih rakan saya, Yang Berhormat bagi Puchong. Sebenarnya kawasan Kampung Baru ini telah dikenal pasti dalam pelan struktur Kuala Lumpur sebagai kawasan pembangunan komprehensif. Jadi, apa yang dicadangkan ini adalah selaras dengan pelan struktur Kuala Lumpur. Seperti yang dinyatakan di atas, kerajaan haruslah memainkan peranan utama, khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menjadi pemegang amanah bagi tujuan pembangunan Kampung Baru dan memastikan pembayaran pampasan daripada pemaju bagi mengelakkan rasa kurang senang dan syak wasangka di kalangan penduduk tempatan. Hanya kombinasi *public private partnership*, dengan izin, cadangan pampasan separa tunai

dan separa hartanah kepada pemilik yang boleh diharapkan untuk menjawab sebahagian besar daripada permasalahan yang melanda cadangan-cadangan yang pernah dikemukakan sebelum ini.

Dengan erti kata lain, kerajaan akan *accountable*, dengan izin, dan amanah di atas pembangunan Kampung Baru melalui agensi yang akan dikenal pasti untuk menyelaras aktiviti pembangunan dan pihak swasta yang bertanggungjawab untuk membangunkan ini disyaratkan membawa dana untuk pampasan dan kerja-kerja pembangunan. Dari ini, kerajaan tidak dibebankan dengan keperluan kewangan yang besar. Dengan dipadankan dengan rumusan berikut iaitu:

- (i) syarat tanah perlu ditukarkan;
- (ii) pampasan yang wajar dibayar;
- (iii) pembangunan secara menyeluruh iaitu untuk ke seluruh 223 ekar;
- (iv) nisbah tapak ditambah untuk mewujudkan lebih kurang 1,200 ekar hartanah; dan
- (v) dipertimbangkan sama ada bukan Melayu boleh memiliki tanah rizab Melayu Kampung Baru dengan syarat.

Insya-Allah, pembangunan Kampung Baru boleh mula dimajukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebenarnya pembangunan semula Kampung Baru ini boleh menjayakan pelan tempatan yang dirancang oleh DBKL dalam pelan struktur mereka yang telah pun dikenal pasti sebagai kawasan pembangunan komprehensif. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong.

11.26 pagi.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan usul mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 31 Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak rencana dituliskan selepas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan dan Perdana Menteri kita disifatkan sebagai seorang jurutera sosial yang bagus dan RMK-9 ini menjadi bukti bahawa beliau seorang *political inclusivist par excellence* sebab beliau telah dapat memberi Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan oleh mendiang Tun Abdul Razak. Satu nafas dan nyawa yang baru dengan melanjutkan tarikh pencapaiannya kepada tahun 2020 iaitu juga menjadi tahun sasar Malaysia berharap menjadi sebuah negara maju.

Satu wawasan yang dibawa oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad sendiri di mana beliau baru-baru ini banyak memberi pandangan sama ada berhubung dengan Jambatan Indah, Proton Augusta dan sebagainya yang bertentangan dengan pendirian yang diambil oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri telah menamakan pendekatan ini sebagai misi nasional yang merupakan satu rangka kerja bagi agenda pembentukan masyarakat Malaysia yang benar-benar maju, yang berasaskan kepada pengagihan kekayaan yang lebih saksama dan penyertaan semua kumpulan masyarakat supaya dapat mengukuhkan perpaduan dan mengurangkan polarisasi kaum di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai pengamatan awal saya, saya rasa misi nasional ini lebih merupakan satu harapan Perdana Menteri untuk meninggalkan legasi beliau sebagai seorang pemimpin yang boleh mencapai dua matlamat penting dalam negara ini iaitu matlamat Dasar Ekonomi Baru dan juga Wawasan 2020 sekali gus pada tahun 2020. Matlamat-matlamat yang gagal dicapai oleh Perdana Menteri-Perdana Menteri sebelumnya.

Ganjarannya amat besar sekali bagi beliau sebab beliau akan menjadi pemimpin UMNO yang dapat merealisasikan agenda Melayu untuk mengawal sekurang-kurangnya

30% ekuiti kekayaan dalam satu masa di mana Malaysia sudah mencapai status negara maju dan pada masa yang sama, mengukuhkan lagi ketuanan Melayu ke atas negara ini. Apabila ganjarannya besar, juga dengan cabarannya, Tuan Yang di-Pertua, sebab Perdana Menteri sebelum ini telah gagal mencapai matlamat-matlamat ini dalam erti kata yang sebenar.

Sebagai sebuah parti politik, kefahaman sosial demokrasi, DAP boleh setuju dengan matlamat untuk mewujudkan keseimbangan sosial ekonomi melalui usaha-usaha mengembangkan dan mengagihkan semula pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang secara beransur melalui penyertaan secara aktif dan langsung semua pihak dalam proses penjanaaan pertumbuhan ekonomi tetapi kami tidak akan merestui lanjutan satu dasar diskriminasi mengikut etnik dan agama seperti dasar ekonomi baru yang selalu disifatkan sebagai dengan izin, *the world's most notorious system of positive discrimination* kerana apa yang kami lihat bukan sekadar diskriminasi di dalam bidang ekonomi sahaja, tetapi ianya berlaku dalam bidang politik, agama, pendidikan, budaya dan sosial.

Penyelewengan dalam pelaksanaan DEB ini telah menyebabkan dua generasi rakyat Malaysia berasa mereka teraniaya dan menuntut keadilan dan merasa hak dan kepentingan mereka telah pun dikorbankan masing-masing dengan alasan yang berlainan. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita semua boleh setuju bahawa pelaksanaan yang kurang baik dan pemantauan yang kurang berkesan telah menyebabkan ketirisan dan penyelewengan di mana-mana manfaat hanya di nikmati dengan lebih banyaknya oleh segolongan kecil sahaja.

Dasar seperti ini sememangnya akan gagal apabila ada pemimpin yang masih anggap sudah memadai apabila beberapa jutawan dapat dihasilkan, manakala majoriti rakyat yang menjadi sasaran tidak dapat menikmati faedahnya sebagai kumpulan terasasar. Perdana Menteri sendiri telah mengakui bahawa dasar ekonomi baru perlu diperbaiki kerana dasar ini telah menyemaikan orang Melayu bukan dengan semangat keusahawanan yang diharapkan tetapi sebaliknya ia telah melahirkan golongan yang terlalu bergantung kepada pemberian kontrak kerajaan dan kroni kapitalis adalah nama yang diberikan kepada golongan ini yang mempunyai pertalian politik dengan orang-orang yang membuat keputusan.

Semakin rakyat Malaysia Tuan Yang di-Pertua, baik orang Melayu mahupun bukan orang Melayu sudah menyoalkan sama ada DEB masih diperlukan. Misalnya Anwar Ibrahim bekas Timbalan Perdana Menteri, merasa segala bentuk *affirmative action* perlu dihapuskan. Tok Guru Nik Aziz pula juga setuju sebab menurutnya Agama Islam tidak membenarkan diskriminasi mengikut kaum. Kami merasa kecewa RMK-9 telah melanjutkan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Sebagai satu teras yang penting kerana perlaksanaannya sememangnya akan menggagalkan apa yang sudah dicapai. Dan menimbulkan soal sama ada kita boleh menghasilkan modal insan yang terbaik untuk bersaing dalam era globalisasi ini. Pendek kata Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru dihubung kait dengan masalah ketidak seimbangan sosial, pengagihan pendapatan yang tidak adil dan amalan rasuah yang berleluasa.

Tambahan pula ia sinonim dengan masalah perhubungan kaum, ketuanan kaum dan agama, asimilasi, budaya dan bahasa, dan apa yang kita tidak boleh banggakan. Nampaknya pelanjutan matlamat ekuiti dalam Dasar Ekonomi Baru sebagai satu teras Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak secocok dengan teras-teras yang lain. Lebih buruknya tidak akan menyumbangkan kepada proses pembinaan negara ataupun Wawasan 2020 dan bangsa Malaysia.

Misalnya teras kedua untuk memupuk minda kelas pertama serta melihat rakyat sebagai aset negara yang paling berharga tidak mungkin mencapai sasaran sepenuhnya selagi ada sistem kuota berlandaskan kepada kepentingan etnik dan bukan berdasarkan kepada meritokrasi. Pembangunan modal insan dan anjakan minda dan pemikiran warga merupakan salah satu cabaran terbesar, tetapi pemimpin kita masih tidak anjakan minda mereka yang masih ingin melaksanakan sistem kuota yang lebih mementingkan pengisian mengikut etnik daripada menghasilkan modal insan yang diperlukan.

Begitu banyak sumber kewangan kerajaan dibelanjakan tetapi kadangkala hasilnya tidak dapat memenuhi kehendak negara. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, Yang Berhormat bagi Tanjong ada cakap panjang lebar mengenai baik buruk satu ciri yang utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah perlanjutan Dasar Ekonomi Baru daripada 20 tahun yang asalnya kepada 50 tahun, daripada 1970 kepada 1990 sekarang kepada 2020. Kita pun ada bincangkan dalam masalah ini dalam dewan, di luar dewan pun tapi nampaknya isu ini telah di *blackout* dalam semua *mass media*.

Adakah Yang Berhormat bersetuju inilah antara satu ciri mengenai *press control* yang sangat ketat sehingga bekas Perdana Menteri pun bersetuju dengan apa yang kita sudah kritik beberapa tahun ini, bahawa ada media *control censorship* bekas Perdana Menteri semalam berkata tidak guna beliau cakap, oleh sebab suara beliau tidak dapat tempat dalam *mass media* ada *control censorship* bukankah ini menunjukkan bahawa isu ini perlu diubahkan supaya kita ada lebih ruang terbuka kalau kita mahu menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya rasa aneh juga mengapa seorang pemimpin seperti bekas Perdana Menteri Tun Doktor Mahathir Mohamad mula bercakap tentang kebenaran selepas beliau tidak menjadi Perdana Menteri. Ini satu perkara yang amat aneh, misalnya dalam awal ucapan saya, saya kata Tun Mathadir memberi pandangan mengenai Proton, mengenai Jambatan Indah, mengenai Agusta, dan mengenai perlunya parti-parti pembangkang di negara ini. Ini merupakan perkara yang penting, tetapi saya rasa lebih penting adalah apabila seorang menjadi pemimpin tokoh negara yang terulung, haruslah memegang kepada pandangan-pandangan sebegini dan bukan selepas tidak memegang kuasa. Walaupun memberi pandangan yang banyak tetapi tidak dihiraukan ataupun dibidas oleh Ahli-ahli Parlimen dari Barisan Nasional sendiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, adakah Yang Berhormat bagi Tanjong bersetuju bahawa kalau pada masa Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun, dia ada meliberisasikan *mass media*. Sekarang beliau tidak akan menjadi mangsa *press censorship* sekarang. Adakah bersetuju kita perlu langkah-langkah untuk pendemokrasian semacam *referendum* sama ada perlu membina *croquet the hybrid*, kita perlu *referendum* untuk pelbagai isu-isu semacam pemulihan *elected local government*.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih sekali lagi, saya rasa syukurlah akhirnya mendapat dengar bekas Perdana Menteri berkongsi banyak perkara yang pernah diujahkan oleh DAP, parti-parti pembangkang berkenaan dengan perjalanan pentadbiran negara ini. Saya rasa memanglah, kalau beliau sedar bahawa tidak ada kebebasan media ini, tidak akan menghalang beliau dari terus memberi pandangan yang membina untuk kebaikan negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat Pembangkang ini baru bangun dari tidur. Pada ketika Tun Mathadir menjadi Perdana Menteri, pembangkang banyak ruang membuat *criticize*. Cuma pada ketika itu mungkin *criticize* daripada pihak pembangkang tidak relevan, tidak bernas langsung. Tidak melihat bagaimana mengajak kerajaan ke arah satu kebaikan untuk kepentingan rakyat.

Jadi mungkin pada hari ini apa yang telah dilaksanakan oleh Tun Mathadir semasa beliau menjadi Perdana Menteri ini ialah yang beliau nyatakan bahawa peranan pembangkang itu memang penting. Memang penting pun, tetapi hendaklah mengemukakan dalil-dalil yang saksama. Jangan *criticize* tetapi tidak berasas. Kalau tidak berasas budak sekolah pun tidak akan mempedulikan tetapi kalau ada cadangan yang konkrit, yang bernas, ia akan diguna pakai oleh semua pihak. Minta pandangan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Saya rasa mungkin pandangan dari bekas Perdana Menteri sudah tidak laku, tidak berasas, tidak benar, sebab dibidas bukan oleh pembangkang. Kami gembira sebab akhirnya tokoh seperti Tun Dr. Mahathir dapat berkongsi pandangan-pandangan yang sudah lama kita perjuangkan, tetapi nampaknya ia tidak dapat sokongan dari sebuah parti yang beliau menjadi pemimpin begitu lama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Itu yang sedih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya ini semua tidak ada dalam teks ucapan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Ada jugalah... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya teruskan. Sebab ada pertanyaan, saya pun relalah kalau dapat memberi balasan yang sesuai. Amatlah sukar untuk memupuk minda kelas pertama – ini dalam teks ya, Tuan Yang di-Pertua... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tadi punya ambil kesempatan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sebab ada permintaan untuk membuat penjelasan. Saya ulangi. Amatlah sukar untuk memupuk minda kelas pertama selagi dasar-dasar kita masih dibelenggu oleh pertimbangan etnik. Apabila Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, kerajaan telah memberi jaminan bahawa tidak ada satu kumpulan etnik perlu merasa tertinggal atau dirampas hak-hak dan kepentingan. Perdana Menteri pun mengulangi perkara ini tempoh hari.

Masalahnya ia menghasilkan satu *zero-sum game* yang menyebabkan setiap kumpulan etnik merasa mereka masih belum mendapat keadilan yang sewajarnya. Hakikatnya dasar dan penyelewengan dalam pelaksanaannya menjadi *antithesis* kepada usaha untuk memupuk negara yang mempunyai minda kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, teras ketiga, untuk menangani masalah ketidaksaksamaan sosioekonomi masih diperlukan kerana pada hakikatnya Dasar Ekonomi baru telah gagal mencapai matlamat-matlamat yang ditetapkan dan tambahan pula ia telah menyumbang kepada masalah perpaduan nasional dan mewujudkan polarisasi kaum yang masih wujud sehingga sekarang. Amat dikesali bahawa Perdana Menteri telah mengambil pendirian bahawa keadaan ketidakseimbangan jika tidak ditangani diibaratkan duri dalam daging dan seterusnya beliau memberi amaran bahawa ia akan menjadi punca yang boleh menggugat perpaduan kaum dan kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah lebih baik untuk Perdana Menteri kita menyoalkan bagaimana dengan kuasa politik, jentera kerajaan, peruntukan kewangan, dasar-dasar yang melindungi dan segala kemudahan yang ada di samping meletak kadangkala halangan-halangan yang tertentu kepada kumpulan etnik yang lain, matlamat-matlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat masih dianggap tidak berjaya.

Sebelum mendapat jawapan yang meyakinkan, mengapa usaha-usaha lampau yang terbukti masih tidak berjaya. Perdana Menteri sanggup menggunakan pendekatan yang sama iaitu misi nasionalnya yang berharap menangani jurang sosioekonomi melalui pertumbuhan kek ekonomi yang semakin membesar tanpa menafikan hak mana-mana kumpulan.

Tuan Yang di-Pertua, di manakah kepastian bahawa pertumbuhan kek ekonomi boleh menjadi cukup besar sehingga ia boleh mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti bumiputera di samping memastikan hak lain-lain kumpulan tidak dinafikan. Strategi misi nasional ini saya rasa nampaknya tidak boleh di *reconcilable*. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan sudah sedia mengambil tindakan yang amat tegas seperti menetapkan bahawa 70% semua *procurement* dan kontrak dikhaskan untuk kaum bumiputera. Apakah impak strategi ini kepada kumpulan yang lain? Apakah impaknya kepada pembangunan secara amnya?

Kita dapat lihat bahawa misi nasional akan menyebabkan peruntukan pemilikan ekuiti bagi masyarakat Cina dan juga ekuiti yang dipegang oleh orang asing menjunam dari peratusan yang sedia ada. Pemindahan dan pengurangan kapital ini akan membawa impak yang amat besar kepada negara ini. Apakah peranan yang akan terus dimainkan oleh ekuiti asing dalam menjana pembangunan negara dan menyediakan peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan?

Apakah dalam meningkatkan ekuiti bumiputera akan menyebabkan ekuiti asing ini dikurangkan dalam jangka masa yang panjang dan sejauh manakah perubahan dan pemindahan ini akan menjejaskan usaha kita menarik pelabur asing dan seterusnya menjejaskan kedudukan negara dalam *World's Competitive Index*. Apakah kerajaan sudah pun mengkaji sejauh mana penekanan semula tentang soal ekuiti akan menyebabkan *foreign* dan *domestic capital flight* dari Malaysia kepada negara-negara jiran yang mungkin menawarkan iklim pelaburan yang lebih menarik.

Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri dalam memberi penekanan semula kepada matlamat mencapai sasaran yang ditetapkan tetapi belum dicapai sepenuhnya juga harus mendekati permasalahan yang kritikal iaitu selagi orang Melayu dan bumiputera boleh menjual saham dan ekuiti untuk mengaut keuntungan secara pantas, ekuiti 30% ini tidak akan dicapai walaupun tempoh masa dilanjutkan. Andai kata bumiputera Melayu memegang saham-saham yang diagihkan kepada mereka dan bukan menjual saham-saham itu untuk keuntungan pantas, ekuiti bumiputera sudah pun tercapai pada tempoh masa yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu kajian kes bertajuk, "*Penswastan Pelabuhan-Pelabuhan: Satu Kajian Kes Malaysia*" oleh *Associate Professor* Malcolm Tull dan Dr. James Reveley dari Murdoch University mendapati hampir 41% saham dalam syarikat penswastan yang dipegang oleh bumiputera yang kaya telah pun bertukar tangan. Ini merupakan satu jumlah 12.9% ekuiti. Ini bermakna apabila diambil kira pada keseluruhannya ekuiti bumiputera yang terdiri daripada ekuiti individu, institusi, agensi amanah, syarikat-syarikat *nominees* dan juga saham-saham yang sudah bertukar tangan, jumlah ekuiti bumiputera pada tahun 1990 telah pun sampai 40%.

Satu kepincangan yang telah menggagalkan usaha untuk membangunkan negara melalui projek-projek pembangunan adalah ketirisan dan kebocoran dan Rancangan Malaysia Kesembilan tidak akan dikecualikan daripada menghadapi masalah yang sama. Akibat berlaku korupsi, *rent seeking* ataupun pembaziran, Rancangan Malaysia Kesembilan mungkin berjaya sekadar mewujudkan satu kelas bumiputera yang kaya yang bertambah kaya dan memencilkan lagi golongan bumiputera dan bukan bumiputera yang tidak berada.

Selain daripada isu-isu ini, Tuan Yang di-Pertua, Perdana Menteri kita juga telah memberi tekanan kepada dasar penswastan sebagai satu jentera untuk meningkatkan ekuiti bumiputera dan jelasnya pemilikan ekuiti bumiputera dalam syarikat konsesi penswastan telah mencapai 51% berbanding dengan ekuiti bukan bumiputera dan pelabur asing di negara ini.

Walaupun dasar penswastan telah mencapai matlamat untuk melaksanakan projek-projek kemudahan asas, akan tetapi saya menyeru kerajaan untuk menambah baik dasar penswastan supaya kepentingan rakyat tidak tergada. Kita tidak ingin melihat satu keadaan di mana oleh kerana dasar penswastan menjadi jentera penting untuk membantu bumiputera, segala kepincangan boleh diketepikan sehingga perjanjian konsesi yang membebankan kerajaan dan rakyat yang menggunakan kemudahan asas ini ditandatangani.

Kita lihat beberapa contoh di mana syarikat konsesi yang mempunyai pertalian politik dengan pemegang kuasa politik dipilih walaupun syarikat berkenaan tidak mempunyai cukup kelayakan untuk mengendalikan projek penswastan.

Apa akan terjadi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dari segi pengagihan kontrak-kontrak pembangunan sehingga Perdana Menteri tempoh hari perlu menafikan dakwaan bahawa hampir 80% dari kontrak RMK-9 akan ditawarkan kepada kroni-kroni beliau dan sehubungan ini rakyat berhak untuk tahu mengapa Gerbang Perdana perlu

diberi pampasan sehingga RM100 juta daripada cukai rakyat apabila projek ini dibatalkan. Dasar penswastaan akan terus....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan, penjelasan. Mengenai pampasan RM100 juta. Adakah Yang Berhormat bagi Tanjong bersetuju bahawa tidak adil kalau pembayar cukai rakyat Malaysia perlu membayar bil RM100 juta kepada Gerbang Perdana oleh kerana kesilapan kerajaan, khususnya Kabinet yang lama, yang membuat keputusan untuk membina *crooked half-bridge* dan sekarang nampaknya anggota-anggota Kabinet yang sama, selain daripada Perdana Menteri yang dahulu, tidak ada untuk membatalkan keputusan itu. Akhirnya rakyat perlu membayar RM100 juta yang merupakan satu angka yang besar dan kita perlu satu audit kenapa perlu dibayar, siapa bertanggungjawab. Adakah syarikat itu, Gerbang Perdana perlu pikul sebahagian dan menjawab dan menteri-menteri pun patut memikul tanggungjawab.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih sekali lagi kepada Ketua Pembangkang. Saya memang setuju bahawa tidak adil untuk membebankan rakyat untuk membayar RM100 juta sebagai pampasan kepada Gerbang Perdana. Saya rasa cadangan-cadangan Yang Berhormat tadi memang bagus tapi saya rasa apakah respons dari Kabinet, dari Menteri Kerja Raya sendiri mungkin dia akan menjawab ini kesalahan tuhan sekali lagi.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Itulah sikap pemimpin-pemimpin kerajaan apabila melakukan kesalahan yang merugikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung, ya.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:Negara kita. Walaupun dalam dasar RMK-9...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: [Bangun]

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Saya ada masa yang terhad. Maaf. Maaf, ya..., kerana bercadang untuk memberi penekanan semula dengan mengadakan strategi baru kepada dasar penswastaan. Saya rasa kalau kerajaan ingin benar-benar telus untuk mengatasi segala kepincangan, ia harus mengkaji semula dan meminda Akta Rahsia Rasmi atau OSA yang mengandungi peruntukan seperti dengan izin, "*Government tender documents and any other documents or materials which ministers and public officials may arbitrary deem secret or confidential*".

Lebih dahsyat lagi Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan keputusan untuk mengklasifikasikan satu dokumen sebagai rahsia rasmi tidak boleh dicabar dalam mahkamah. Kita menyambut baik dasar baru untuk mengadakan tender terbuka bagi projek-projek penswastaan yang akan datang dan sehubungan ini saya ingin menyeru kerajaan mengkaji semula perjanjian-perjanjian konsesi yang berat sebelah dan membatalkan sistem *first come first serve* dalam penswastaan penawaran sebarang projek. Ini termasuk projek Lingkaran Jalan Luar Pulau Pinang yang banyak kali dibangkitkan berhubung dengan kesesuaian projek ini untuk mengatasi masalah trafik lalu lintas di Pulau Pinang dan juga tentang pengambilan tanah yang tidak adil, tidak membayar pampasan yang adil mengikut nilai pasaran sehingga ada tuan punya yang terbabit dengan projek ini terpaksa menemui nasib di bankrapkan oleh bank-bank sehingga mereka menyifatkan bank sebagai 'Bank Along' sebab apa yang sudah dijanjikan sebagai pampasan ataupun pinjaman sebanyak RM5 juta kena bayar RM11 juta kepada Maybank Berhad.

Saya rasa perkara ini sudah dipanjangkan kepada ramai menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen tetapi nasib tuan punya tanah yang terjejas oleh kerana projek ini tidak dijamin. Saya berharap Tuan Yang di-Pertua, mengakhiri ucapan ini dengan menyatakan bahawa RMK-9 mempunyai pelbagai teras strategi dan program yang ingin membawa agenda-agenda tertentu dan nampaknya segala ini akan membawa perubahan yang banyak kepada Malaysia dan apa yang kita berminat ialah apakah perubahan yang dicorakkan ini akan membantu proses pembinaan negara kita dan bukan sebaliknya melemahkan proses ini. Saya merasa khuatir melihat perjalanan proses pembinaan negara

yang sudah menyimpang. Kita ingin melihat supaya rakyat Malaysia diutamakan, bukan orang Melayu, Cina, India, Kadazan dan Iban diutamakan.

Kita ingin melihat Malaysia dapat menang dalam pertandingan di persada dunia, bukan rakyat Malaysia berlawan dengan rakyat Malaysia sendiri. Kita perlukan anjakan minda dan perubahan pandangan dan diikuti dengan strategi dan program yang boleh mencapai matlamat *Malaysian first* iaitu Malaysia unggul berbanding dengan dunia yang lain dan rakyat kita unggul berbanding dengan lain-lain bangsa di dunia ini. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

11.57 pagi.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya berdiri untuk bersama rakan-rakan untuk membincangkan mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang mungkin bukan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Dalam Dewan yang mulia ini saya ada membuat pertanyaan-pertanyaan untuk jawapan lisan. Dalam buku yang diedarkan hari ini soalan saya nombor 2 dan saya dapat jawapan bertulis ini pun nombor 2 juga tapi di padam dan diletakkan nombor 16.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bercerita tentang Rancangan Malaysia Kesembilan saya fikir lebih baik kita perbaiki sistem kita dalam Parlimen kerana kita tidak mahu ada di antara kita di sini pilih kasih. Soalan ini soalan nombor 2. Dia *delete* nombor 2, dia letak 16. Hari ini nombor 16 saya punya. Di mana keadilan yang kita amal dalam Dewan yang mulia ini. Siapa punya salah saya tidak tahu tapi kita minta mungkin Menteri di Jabatan Perdana Menteri ataupun menteri yang bertanggungjawab meneliti perkara ini kerana tidak mahu ada pilih kasih. Ada pilih kasih, kita tidak boleh terima. Ini yang pertama.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kepada Menteri Pelajaran kerana memberi peruntukan RM2.7 bilion kepada negeri Sabah. Kita rakyat Sabah mengalu-alukan ini harap-harap ia sampai ke akar umbi.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan mempunyai banyak peruntukan lebih daripada RM200 bilion. Ini adalah satu rancangan yang terbesar selama kita ada rancangan-rancangan Malaysia tetapi apa yang saya fikir bolehkah kita mencapai ke tahap akar umbi dengan peruntukan yang begini besar. Saya khawatir ianya rancangan yang indah, yang banyak peruntukan akhirnya kita tidak berjaya apabila sampai tahun 2010 nanti.

Tuan Yang di-Pertua, banyak di kalangan kita bercerita pasal sistem penyampaian. Sistem penyampaian ini Tuan Yang di-Pertua bukannya dikendalikan oleh menteri-menteri atau *frontbench*. Ianya dikendalikan oleh pegawai-pegawai kerajaan daripada atas hinggalah ke bawahan. Dengan adanya kerenah-kerenah yang ada sekarang ini maka saya fikir rancangan ini mungkin mendukacitakan kita kerana dia akan gagal.

Kita ada badan bertindak yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri-menteri yang bertanggungjawab, tetapi saya fikir mereka ini tidak sampai ke bawah, tidak sampai ke bawah. Mereka hanya mendapat laporan daripada pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di bawah mengatakan banyak masalah-masalah yang direka-reka sehinggakan ini tidak dapat berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dapat peruntukan untuk bina masjid di Kampung Berumas RM500 ribu. Pecah tanah dilakukan oleh Ketua Menteri Sabah pada bulan April tahun lalu, tahun 2005, sampai sekarang projek ini belum dijalankan. Mengapa, apa sebab? Duit ada, tanah ada, pemecahan tanah sudah dibuat, apa sebab dia lambat untuk dilaksanakan? Ini Tuan Yang di-Pertua kerenah pegawai-pegawai, bukan semua mungkin yang tidak bertanggungjawab kepada rakyat dan kepada negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk sistem pemantauan ini saya telah pun cadangkan di peringkat bawahan kerana kita yang bercakap, Ahli-ahli Parlimen yang bercakap, kita lantik Ahli-ahli Parlimen di peringkat bawah menjadi pemantau. Untuk makluman mungkin Tuan Yang di-Pertua pun tahu di Sabah wakil kita ada tiga menteri di Kerajaan Persekutuan. Selain daripada menteri, ada timbalan menteri, ada setiausaha parlimen. Mungkin timbalan dan setiausaha parlimen ini mereka tidak ada kuasa. Dua Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang tidak ada portfolio ini, mengapa mereka ini tidak ditugaskan? Apa tugas mereka? Mereka datang ke Sabah melawat kawasan mereka sendiri, tidak pernah pergi kawasan lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bikin apa kita ada Menteri di Jabatan Perdana Menteri mewakili Sabah tetapi tidak ada ke kawasan-kawasan di seluruh, datang pergi kawasan, makan gaji sama kerajaan jadi menteri tetapi bila balik Sabah pergi kawasan masing-masing sahaja. Kalau itulah tugas saya pun boleh jadi menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidak jemput kot. Yang Berhormat tidak jemput menteri datang.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini tidak perlu jemput, program keseluruhannya. Kadangkala kita tidak perlu jemput, program kerajaan, mahu buat perancangan apa mesti mahu menyeluruh, tengok kawasan-kawasan, pantaulah, beri laporan, ini tidak ada, ini apa jadi? Tuan Yang di-Pertua, menteri-menteri yang kita ada di Persekutuan ini prihatin kepada kawasan-kawasan lain. Pergilah, tanyalah Ahli-ahli Parlimen, saya mahu pergi kita punya kawasan, apa masalah, kumpulan rakyat yang perlu kita berdialog, apa yang dia boleh bagi, bantu apa-apa yang dia patut. Saya tidak percaya menteri yang ada berjawatan menteri ini tidak ada sedikit kuasa pun. Mereka ada kuasa, patut panggil dialog dengan Ahli-ahli Parlimen 25 orang di Sabah, apa yang patut saya bantu, mungkin kita boleh suarakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, sistem penyampaian ini perlu diteliti kembali. Kita tidak mahu mungkin ada satu menteri di Jabatan Perdana Menteri jaga keseluruhannya. Menteri inilah yang melaporkan kepada menteri atau Timbalan Menteri dengan keadaan itu sedangkan dia tidak sampai ke bawah. Dia tidak sampai ke pelosok terutama sekali di Sabah dan Sarawak, tempat-tempat yang terpencil. Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu dalam surat khabar di Sabah, kita nampak kemiskinan bukan setakat kemiskinan sahaja, mereka ini tidak ada makan sekalipun, tidak ada makan. Anak-anak tidak bersekolah, kenapa? Tidak mampu.

Kita Tuan Yang di-Pertua, Sabah ini merdeka melalui Malaysia pada 1963, tahun 1963 kita merdeka melalui Malaysia. Sabah tidak mampu merdeka sendiri, Sarawak tidak mampu merdeka sendiri kerana ancaman-ancaman, melalui Malaysia kerana kita tahu Malaysialah yang boleh menjaga nasib tetapi Tuan Yang di-Pertua sejak 1963 hinggalah sekarang ini, 40 tahun, tidak akan ada lagi orang kita di luar bandar yang tidak mampu menghantar anak mereka ke sekolah, tidak mampu untuk membiayai kehidupan yang selesa sedikit. Kita minta supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, EPU, kaji ini semua. Sebab kita tidak mahu nanti orang kata, kamu merdeka 40 tahun ada rakyat begini lagi dalam Sabah. Baju tidak ada, tempat tinggal tidak senonoh, inikah dinamakan merdeka? Ini bukan merdeka...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Putatan Yang Berhormat.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kalabakan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat bagi Kalabakan sedar bahawa ada ketidak selarasan antara Kementerian Pusat dan Kementerian Negeri yang Yang Berhormat sentuhkan iaitu soal Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kemajuan luar bandar? Ada kononnya kenyataan bahawa kementerian peringkat negeri ini terlalu *depending* daripada peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Jadi, soal

pelapisan tugas itu memang selalu berlaku. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sampai saat, ini belum ada persefahaman antara kementerian Pusat dan kementerian negeri yang menyelaraskan pembangunan di luar-luar bandar ini kerana satu ketika kita telah membentang dengan bertubi-tubi soal kewujudannya RDA di negeri Sabah.

Pada ketika itu kerajaan negeri tidak berapa keberatan untuk menerima cadangan itu dan apabila diumumkan apabila pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan ini maka kementerian di peringkat pusat akan berhubung balik kepada kerajaan negeri. Apakah pendapat Yang Berhormat soal ini?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai ketidaksefahaman di antara negeri dan persekutuan ini sepatutnya sudah tidak wujud lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: RDA yang kita katakan ini bukannya kerajaan negeri menolak RDA ini, bukan menolak tetapi kerajaan negeri berhati-hati. Bagaimana RDA hendak masuk ke Sabah dengan syarat-syarat yang tertentu yang akan dirundingkan kemudian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut bangun.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kita tidak mahu.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya anggap ini satu perkara yang serius kalau ada lagi rakyat kita yang tidak berbaju ini, kalau ada mungkin boleh Yang Berhormat beritahu di mana, mungkin kita boleh desak menteri yang berkenaan. Atau kita ramai-ramai turun kerana kita tidak mahu kalau betul ada yang masih tidak berbaju, ini perkara yang serius. Kalau boleh kita turun ramai-ramai, setuju ke tak? Mungkin kita setuju, kita turun ramai-ramai di manakah kalau masih ada lagi penduduk yang barangkali Yang Berhormat sebutkan tadi, di mana yang tidak ada baju atau tidak ada makan. Boleh Yang Berhormat tolong jelaskan sedikit? Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: RDA ini dulu saya jawab, RDA ini bukan kita tolak. Kita mahu memperbaiki keadaan apabila RDA masuk ke Sabah. Kita tidak mahu RDA masuk dan kemudian kita mempertikaikan kerja-kerja yang dibuat oleh RDA tadi. Mengenai dengan soalan daripada Larut tadi, saya tidak bawa *news paper cutting*, mungkin esok saya boleh kasi nampakkan kepada Ahli-ahli Parlimen di luar Parlimen dengan keadaan yang ada, saya berterima kasih jika sekiranya ada di antara Ahli-ahli Parlimen dengan persetujuan semua untuk kita bawa mereka ini ke Sabah. Kita bawa mereka ini ke Sabah, kita bawa mungkin 10 orang, 15 orang, kita bawa juga daripada Jerai kerana dia yang selalu *outspoken* juga untuk membela kita... *[Disampuk]* Ketereh pun kita bawa kerana dia punya sistem di Sabah dan Kelantan ini hampir sama.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih semua, terima kasih, terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Banyak terlanjur ini, Tuan Yang di-Pertua, jadi.... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Saya sebenarnya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi siapa, Ketereh atau Pasir Mas?

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Bagi siapa, Pasir Mas atau saya?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Pasir Mas.

Datuk Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Oh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Lepas ini Ketereh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kalabakan. Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat bagi Kalabakan yang begitu telus memperjuangkan kepentingan rakyatnya sendiri. Itu yang kita mahu pada wakil-wakil rakyat khusus daripada Sabah, daripada Sarawak dan Kelantan. Bila saya mendengar bahawa ada isu kelaparan di Sabah, saya terkejut. Kalau berlaku di Kelantan, munasabahlah kerana Kelantan diperintah oleh parti pembangkang tetapi berlaku di Sabah, berlaku di Sarawak, ini satu perkara yang menakjubkan.

Jadi, yang kedua pula, saya mendengar daripada ucapan Yang Berhormat tadi, saya nampak semacam ada satu kurang keyakinan dengan kejayaan RMK-9 ini disebabkan dengan berbagai-bagai keadaan dan sebagainya. Saya nampak, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dasarnya indah tetapi pelaksanaannya. Kalau begitu keadaannya maka apa yang disebut oleh peribahasa Arab iaitu... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Maknanya, indah khabar daripada rupa, bagaimana kita tidak mahu. Indah khabar daripada rupa. Ini kita mahu tulen, kita mahu sungguh, kita mahu rakyat di Sabah tidak ada kelaparan lagi, tidak berbaju lagi. Rakyat di Sarawak begitu juga, dan rakyat di negeri Kelantan, di Terengganu dan sebagainya. Kita mahu semua rakyat mendapat suatu yang terbaik, yang mereka mimpikan daripada kerajaan, daripada RMK-9. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, kita berdiri di sini sebagai penyokong-penyokong kerajaan. Kita menyedarkan kepada kerajaan, kerajaan yang begitu terbuka dipimpin oleh Yang Amat Berhormat mahu kita menyuarakan apa yang patut dibuat. Bukannya seperti kata pepatah, indah khabar dari rupa, tidak. Kita mahu supaya menyedarkan kerajaan supaya jangan nanti sampai seperti perumpamaan tadi, indah khabar dari rupa. Itulah sebabnya kita dalam kerajaan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Boleh tanya, boleh tanya atau tidak?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Menteri dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sila.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz [Padang Rengas]: Pasal Kalabakan saya hendak tanya. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, setuju atau tidak Yang Berhormat, adalah perbezaannya di antara hujah-hujah Ahli Parlimen Barisan Nasional dengan hujah-hujah pembangkang dengan Pasir Mas tadi. Usaha untuk menghasut rakyat bagi menggagalkan RMK-9, ada?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kita dalam kerajaan untuk membina. Kalau pembangkang dia menghina dan menghancurkan jadi ini perbezaan. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya pada ketika ini kita nampak wakil-wakil rakyat Barisan Nasional ini diminta untuk mengkritik kerajaan yang mana tidak baik. Kita tidak mahu puji sahaja tetapi pihak lain dia keji sahaja, tidak ada puji sekalipun. Kita tidak, kita kritik dan kita puji juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Kalabakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai tidak payahlah toleh ke belakang, pandang depan... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya, Kalabakan tidak apa dia orang baik, dia tidak kacau orang belakang. Yang Berhormat Kalabakan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya, Yang Berhormat bagi Kalabakan menyampaikan perasaan dan pandangan saya kepada Pasir Mas. Sebagai seorang yang arif, alim dari segi pendidikan agama, adakah Yang Berhormat bagi Kalabakan kepada Yang Berhormat Pasir Mas, bersetuju bahawa dengan Islam, ia tidak mahu seseorang itu prasangka buruk terhadap sesuatu benda-benda yang baik yang hendak dilakukan oleh sama ada kerajaan ataupun

seseorang itu. Ini dalam Islam, dan kita dapat lihat saya ingat Yang Berhormat Pasir Mas dia baca RMK tidak selesai kot, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Kerajaan akan cuba menyelesaikan masalah kemiskinan tegar sifar ini apabila kita selesai Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi, yang ini saya kira Pasir Mas tidak arif dan Pasir Mas sangka buruk dan ini akan melibatkan dosa pahala. Dan, Yang Berhormat bagi Pasir Mas daripada bacaan saya akan menanggung sedikit dosa....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini berucap kah, bertanya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Kinabatangan naik angin pasal apa?... [Ketawa] Jadi, sangkaan buruk macam mana, Yang Berhormat bagi Kalabakan kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Kita tidak boleh sangkaan buruk, kita belum lihat lagi, dan kita sudah lihat kerajaan sudah buat bermacam-macam. Jadi, ini tanggungjawab kerajaan dan tanggungjawab wakil rakyat Barisan Nasional untuk memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan bersama-sama dengan pegawai-pegawai kerajaan, ayuh kita jayakan Rancangan Malaysia Kesembilan dan kita hapuskan kemiskinan tegar supaya Pasir Mas akan merasa insaf dan kembali kepada perjuangan kita iaitu Barisan Nasional. Macam mana Kalabakan kepada Pasir Mas?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Jerai memang terkenal jadi saya bolehlah terima cadangan-cadangan yang dibuat. Saya ada banyak masalah yang saya mahu selesaikan dahulu. Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan ini...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan lagi?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Rancangan Malaysia Kesembilan ini, saya nampak memang ada cahaya cuma kita mahu diperbaiki dari sistem pentadbiran dan penyampaian. Pasir Mas boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Mas sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Baik hati Kalabakan, terima kasih. Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan bermaksud untuk mencaci, bukan menghina. Saya berucap pada minggu lepas, setengah jam lebih diberi oleh Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah caci. Cuma saya sebut bahawa supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjalan dengan lancar, dengan baik, tidak sebagaimana berlaku pada Rancangan Malaysia Kelapan dan sebelum daripadanya. Dan, saya buat contoh tadi, saya rasa Yang Berhormat Menteri sendiri pun kalau memerhati apa yang saya ucapkan, tidak ada benda yang saya caci.

Bahkan saya puji, Tok guru, Menteri Besar negeri Kelantan pun puji, tinggal lagi bagaimana? Ha, itu sahaja bagaimana supaya ia jangan berlaku lagi, jangan disebut dalam Dewan ini, ada rakyat kita yang tidak berpakaian, tidak bermakanan dan bermasalah sebagaimana di Sabah dan Sarawak. Saya rasa itu tidak menjadi masalah pada saya, yang menyebabkan Jerai begitu marah pada pagi ini. Barangkali Jerai ini ada kes di rumah pagi ini... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order*, Tuan Yang di-Pertua. Sangkaan buruk.... [Ketawa] Saya cukup mesra dengan orang rumah semalam, jadi Yang Berhormat sangkaan buruk pada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia macam-macam, masalah di rumah itu macam-macam Yang Berhormat, bukan itu sahaja.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Masalah di rumah macam-macam, mungkin Pasir Mas pun ada masalah. Bukan semuanya baik, Pasir Mas pun mungkin ada juga kadang-kadang masalah, kadangkala.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalabakan boleh jawab sekali?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak bagi jalan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Bagi balik saya tidak ada masa ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak masa. Terima kasih Yang Berhormat. Saya terdengar Pasir Mas, dia bukan mencaci dia cuma mengata saya faham... [Ketawa] Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat percayakah bahawa selagi ada *little Napoleon* selagi itu Rancangan Malaysia Kesembilan tidak akan dapat direalisasikan sebab kita ini pegawai-pegawai kerajaan ini ada kuasa dia tidak gunakan kuasa untuk mempermudah orang kita, dia gunakan kuasa itu untuk menyekat kemajuan orang kita. Selagi ini tidak diubah saya bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selagi ada peranan *little Napoleon* dalam pentadbiran kerajaan kita selagi itu kita tidak akan berjaya. Jadi Yang Berhormat setuju kah sebab baru-baru ini...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap Yang Berhormat. Tadi surat khabar saya baca 9,000 pengasuh tidak berlesen. Bagaimana mereka boleh datang ke negara kita, melalui pintu belakang? Dan kita kerugian berjuta-juta ringgit disebabkan kelemahan kerajaan ini, di mana kesilapan dia? Minta pandangan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua ini Kinabatangan dia cakap fasal *little Napoleon* saya tidak berapa faham apa dia kata... [Ketawa] Saya tahu mungkin ada pegawai-pegawai yang keras kepala, mungkin itu tetapi kalau kata *little Napoleon* ini susah, banyak mahu kita mengertikan mungkin doktor Speaker sahaja tahu.

Tuan Yang di-Pertua yang sebenarnya Rancangan Malaysia ini cukup baik. Kelemahan-kelemahan di dalam pentadbiran yang ada. Tuan Yang di-Pertua negara kita ini negara yang saya anggap sudah maju, sudah maju negara kita tetapi ada banyak masalah.

Contoh Tuan Yang di-Pertua dokumen kad pengenalan kita; dokumen tersebut bukannya satu dokumen yang *first class*. Satu negara yang sudah pun begitu dianggap maju dokumen ini bukan *first class* punya dokumen. Dokumen ini apabila di buka kulitnya di bahagian atas kemudian ia boleh diganti dengan gambar lain. Itulah sebabnya kita nampak banyak gejala-gejala orang-orang asing yang membuat kad pengenalan palsu dan orang asing yang menggunakan kad pengenalan nama orang tempatan tetapi gambar mereka punya.

Ini tidak ada sistem, kalau sekiranya pihak polis membuat *road block* dia tengok ini kad pengenalan dia tidak tahu ini palsu ke tidak palsu, dia tidak tahu, dia tidak boleh kesan. Dia tahan dia mahu rujuk di Pendaftaran Negara. Itu pun memakan masa Tuan Yang di-Pertua. Sepatutnya negara kita sudah merdeka sejak 1957 dan 1963, ini sistem. Kita mesti canggih. Misalan di Brunei kalau polis dia tahan waktu itu dia boleh beritahu ini kad palsu. Kita tidak ada. Kita nampak dalam akhbar ada kata, ini kad pengenalan boleh dibeli RM300 dalam akhbar ada. Jadi kalau begini sistem kita, kita mungkin bermasalah dari masa jangka panjang kita bermasalah. Jadi kita minta siapa juga Menteri yang membuat ini semua telitilah ini dahulu. Ini yang nombor wahid kita mahu, *number one*, ini yang kita mahu perbaiki ini dahulu, kad pengenalan kita, ini dahulu.

Tuan Yang di-Pertua selain daripada itu seperti kita nampak dalam televisyen berbudi bahasa, sopan santun tetapi ada dalam televisyen mengatakan kita nampak baik sopan santun, senyum daripada pegawai-pegawai. Masalah yang kita hadapi terutama sekali di hospital-hospital, di Tawau, di Kota Kinabalu dan lain-lain tempat mungkin sama doktor-doktor muda ini tidak ada budaya sama sekali, tidak ada budaya. Satu hari kita bawa orang yang mahu masuk *emergency* apa semua duduk di depan doktor muda, dia bukan layan dia punya tetamu dia SMS dahulu...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sedikit? Terima kasih Yang Berhormat saya pun ada pengalaman Yang Berhormat. Kebetulan sewaktu saya berada di Hospital Taiping saya bagi spesifik, doktor muda ini tidak langsung mengenali orang ramai walaupun kita telah mengenalkan diri kita kerana saya melawat pesakit daripada kawasan Parlimen saya kebetulan, agak kurang sopan. Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita minta kementerian berkenaan supaya mengadakan satu

kursus khas. Jangan mereka ingat apabila mereka berada sebagai jawatan kecuali Sipitang minta maaflah Tuan Yang di-Pertua, dia pun doktor juga bukan semua, di kursuskan kepada mereka ini supaya bagaimana mereka menyesuaikan diri dengan budaya di suatu-suatu tempat, supaya depa tahu faham. Kita tahu kadang-kadang mereka ini tekanan dengan kerenah orang ramai pesakit dan sebagainya. Mungkin kadang-kadang mereka terpaksa bertindak agak kasar. Jadi apakah perkara ini perkara melibatkan tugas mereka dengan orang ramai barangkali perlu mereka ini diberikan satu kursus khas sebelum mereka ditugaskan di mana-mana tempat terutamanya di kawasan-kawasan yang membabitkan orang-orang kampung sama ada Sabah atau Sarawak. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya memang setuju kalau adalah cadangan untuk memberi kursus kah, untuk memberi apa juga latihan kepada mereka tetapi saya fikir ijazah yang mereka perolehi, doktor, memang kita pun tahu doktor speaker pun tahu bahawa di dalam waktu menjalankan pelajaran mereka sebagai seorang doktor pun mereka sudah dilatih tetapi kalau ada lagi pun baiklah. Satu contoh lagi Tuan Yang di-Pertua saya bila saya berjalan di jalanan saya nampak ada *accident* satu budak sudah jatuh di jalanan tidak ada orang peduli sayalah bawa dengan budak-budak saya angkat bawa pergi hospital.

Sebelum itu saya telefon hospital saya beritahu saya ada *emergency* ini dan mahu disediakan doktor. Kita pun terus masuk tempat *emergency* angkat budak ini letak di atas meja belum lagi ada persediaan apa-apa walaupun saya sudah telefon awal. Kemudian doktor belum sampai lagi, kemudian doktor sampai dia kata “keluar, keluar, keluar!”. Jadi saya tidak apalah kalau pun suruh keluar kita keluarlah tetapi sebagai seorang doktor, pesakit ini dia kemalangan sepatutnya doktor tanya siapa bawa dia ke hospital? Sebab kalau ada kes saya mahu jadi saksi. Dia terus bagi keluar. Tidak ada sopan sekali. Patutnya mahu tanya identiti orang yang membawa, minta IC, rekod dan kemudian keluar. Jadi kalau begini sistem ini Tuan Yang di-Pertua tidak diperbaiki orang ramai marah kepada kita, marah.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat, saya hendak bagi satu contoh, ada bukti sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ada bukti sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya belum kasi?

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Belum kasi?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ha!

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat ini masak kambing bagus ini A1 punya. Yang Berhormat saya bersetuju tetapi bukanlah semua pegawai-pegawai sedemikian rupa mungkin macam Pasir Mas kata dia ada masalah di rumah dan sebagainya ataupun masalah-masalah tertentu. Saya tadi bukan masalah rumah masalah kereta saya rosak dalam perjalanan jadi agak *hot* sedikit lah bukan *hot* apa cuaca panas. Jadi Datuk Kalabakan saya sendiri biasa, pegawai itu kata dekat saya, “Dato’ jangan cuba menggertak saya”. Ini kes saya hendak menolong dua orang perempuan Puan Badariah binti Razim dan juga Puan Sharifah binti Mat Esa yang mana syarikat yang mengambil mereka kerja ini membuang kerja tanpa membayar pampasan dan sebagainya.

Jadi bila orang perempuan, janda, orang susah kampung mai jumpa saya, minta saya tolong, saya telah hubungi pegawai yang bernama Mohd. Jarjis bin Abdullah iaitu Penolong Pengarah Tenaga Kerja Kanan di Sungai Petani. Berkali-kali saya cuba telefon dia, dia sibuk. Akhirnya saya minta nombor telefon tangan dia. Bila saya bercakap dengan dia, dia lagi mengatakan dia sibuk dan dia tidak boleh layan saya. Kemudian, saya

perjelaskanlah, saya perkenalkan diri saya. Saya hendak menolong kedua-dua orang ini dan sebagainya.

Jadi dia kata, kalau Yang Berhormat Dato' ada masa, esok telefon saya. Hari ini saya sibuk dan saya tidak boleh tolong. Saya kata, kes ini kes lama sudah. Dia kata Dato' tidak fahamkah saya sibuk? Jadi saya sebagai seorang wakil rakyat sama ada dan awak sebagai pegawai kerajaan, kita ada tanggungjawab kita. Saya nasihat dia. Kita bertanggungjawab kepada rakyat, *government servant*. Yang kita kata *government servant* itu adalah pegawai kerajaan. Kerajaan adalah rakyat.

Rakyat ini depa inilah, kitalah rakyat dan kita sebagai wakil rakyat mewakili rakyat. Jadi kita kena faham. Kita kena bekerjasama ini antara *government servant* dan juga wakil rakyat. Jadi dia tidak bolehlah kata saya menggertak. Jadi, saya terangkan dekat dia, supaya dia faham tugas dan tanggungjawab dia Kalabakan. Jadi adakah orang-orang macam ini juga harus kita kursuskan semula ataupun kita tidak letak di bahagian yang mengurus niaga dengan masyarakat. Biar kita bubuh di tempat yang mengurus niaga dengan diri dia, dengan kerajaan sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Kinabatangan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jadi dia tidak kacau orang. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat? Macam Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat sebagai wakil rakyat, Yang Berhormat masak kambing cukup sedap.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya ingat pegawai macam ini, bukan lagi kursus, harus di'pacat' serta-merta... [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Di'pacat'? Pecat... [Ketawa] [Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ya cukuplah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya punya *floor*kan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya.

Seorang Ahli: Janji orang punya *floor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kalabakan...

Seorang Ahli: Boleh, boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ya lah Yang Berhormat bagi Kalabakan. Apa kita hendak buat perkara yang macam ini, Yang Berhormat bagi Kalabakan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta gulunglah Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Mesti ada masa kecederaan juga sebab banyak ganggu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, satu lagi mungkin semua orang sudah baca. "*Ibu Derita HIV*"... [Membaca petikan surat akhbar] Ini dalam akhbar, "*Ibu Derita HIV*". Bila ada pemindahan darah, ibu ini terkena darah yang ada HIV...

Seorang Ahli: Darah! Bukan dara.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Darah, darah. Dalam akhbar *Berita Harian*....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, please. Yang Berhormat, sikit Yang Berhormat. Fasal darah ini Yang Berhormat, sikit... [Ketawa] Saya ingat Yang Berhormat setuju dengan saya, hospital-hospital kerajaan ada tabung darah. Masalahnya tabung darah ini bila dipinjamkan kepada hospital swasta, darah itu dijual dan mengikut harga yang tidak menentu.

Seorang Ahli: Oh!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ini pun menjadi masalah. Apakah Yang Berhormat setuju supaya disegerakan, walaupun pada i hari bulan ini, Menteri sudah memberitahu bahawa mulai 1 hari bulan ini, standard akan diseragamkan, semua harga kes perubatan di hospital-hospital swasta. Jadi apa pandangan Yang Berhormat, sikap mereka yang mengambil kesempatan ke atas darah-darah yang telah didermakan kepada tabung darah hospital kerajaan ini disalahgunakan. Apabila diberi kepada hospital swasta, dijual dengan harga yang tidak berpatutan. Apa pandangan Yang Berhormat? Ini akan menimbulkan masalah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Itu kita minta cadangan daripada Yang Berhormat bagi Larut itu dikemukakan dan mungkin pihak kementerian akan mengambil tindakan. Jadi, "Darah Ibu Derita", kerana darah yang diberi mengandungi HIV. Dalam surat khabar, ibu ini telah meninggal dunia... [Memegang surat akhbar berkaitan]

Ibu ini Tuan Yang di-Pertua, telah meninggal dunia tetapi apa yang mendukacitakan, apabila sudah meninggal dunia, mayat ini mahu diangkat, orang miskin ini tidak ada kewangan. Hospital kata, mesti mahu bayar RM450 untuk gunakan kenderaan hospital untuk mengangkat mayat ini. Tidak ada duit satu sen pun..., dalam akhbar, dia tidak ada kewangan. Kemudian, dengan beberapa jam memujuk, kemudian barulah ada satu pegawai membenarkan untuk gunakan kereta dengan tidak ada bayaran.

Jadi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Banyak perkara kesihatan. Menteri harus bertanggungjawab mengenai perkara ini. Kalau tidak, mungkin satu hari kita cadang Menteri pun mahu kena potong gaji juga walau RM10.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung tetapi ada satu, dua perkara yang penting, tidak sampai bermasalah. Sistem *delivery* yang saya katakan tadi ini, ada masalah banyak lagi. Kadangkala, Pak Lah sudah beri arahan. Nombor satu bagi kuasa kepada nombor dua. Nombor dua bagi kuasa kepada orang bawahan tetapi belum dijalankan Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita telefon Jabatan Tanah misalnya, jabatan mana pun, mahu cakap sama dia punya pengarah, dia kata dia keluar. Hanya timbalan, dia cakap sama kita. Bila dia cakap, saya tidak ada kuasa.

Jadi, kalau begini, pengarah duduk dalam pejabat, dia datang pukul lapan, dia duduk sini pukul sembilan, kemudian dia keluar dua jam, rakyat derita. Jadi siapa memantau keadaan ini semua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat. Ya, habiskan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Ini kita mahu pantau juga, mahu dipantau.

Yang kedua, saya ringkaskan. Ini PUSPAKOM, JPJ ini Tuan Yang di-Pertua. PUSPAKOM, JPJ ini di Sabah dia pungut semua hasil, semua. Kenderaan, asal nama kenderaan, dia pun pungut tetapi bermasalah pula apabila ada jalan raya rosak, kita minta JKR, JKR kata ini majlis punya tanggungjawab tetapi ini saya fikir tidak adil. PUSPAKOM ambil semua hasil kenderaan-kenderaan. Kenderaan ini rosakkan jalan, kerajaan pula yang mahu dapat cari peruntukan untuk bina semua kemudahan-kemudahan ini.

Jadi saya cadangkan di Sabah dan Sarawak, PUSPAKOM, JPJ, berapa mereka pungut RM1 bilion, sekurang-kurangnya 30% bagi kerajaan negeri untuk memperbaiki keadaan yang dirosakkan oleh kenderaan-kenderaan ini. Ini kita mahu cadang.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya punya sahabat daripada Mambong tidak ada di sini. Mungkin sahabat-sahabat lain dengar dulu. Saya ada ceritakan fasal pencemaran alam sekitar. Pencemaran alam sekitar Kampung Tanjong Batu di mana kita ada 2000 buah rumah di cemar oleh kuari yang dijalkan oleh satu syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat sudah panggil Karam Singh hari itu... *[Ketawa] [Dewan gamat]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sekejap. Ini kita mahu sampai ke sana. Sehingga saya cadangkan kalau kementerian tidak boleh buat, saya panggil Karam Singh.

Seorang Ahli: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya sudah panggil Karam Singh, sudah *dihighlight* dalam TV....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Belum selesai lagi...

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Keadaannya sudah mulai reda. Ditutup sementara kerana mereka fikir ini sudah jadi isu, bukan isu di daerah, di kampung, bahkan di kawasan Parlimen saya juga, bahkan di Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Sekarang, kuari ini beroperasi semula. Ini bererti, Karam Singh tidak lagi boleh digunakan.

Seorang Ahli: Sudah karam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat, ya.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kalau Karam Singh tidak boleh digunakan, dengan siapa saya mahu mengadu?... *[Ketawa]* Jadi Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, cukuplah.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dicadangkan *Edisi Siasat* pula Yang Berhormat, NTV7 di Jepun... *[Ketawa]*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *anti corruption agency* masuk kerana kalau Karam Singh *highlight*, sudah tutup, sudah apa, dengan tidak ada perubahan daripada apa juga, buka semula mesti ada orang yang terima. Saya tidak tahu mahu terima apalah. Kalau saya terima, saya katakan sesuatu, mungkin orang kata, saya tuduh menuduh sahaja tetapi *anti corruption* masuklah, lihatlah apa sebab perkara ini sudah *dihighlight*.

Saya minta supaya Karam Singh juga *highlight* kan ucapan saya ini dalam TV3 malam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Saya, Tuan Yang di-Pertua mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan saya berharap berdoa supaya Rancangan Malaysia Kesembilan ini berjaya dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat kerana dengan begitu bersungguh-sungguh dapat membela nasib rakyat kita di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat.

12.40 tgh.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kesembilan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, sudah banyak diperkatakan di Dewan yang mulia ini berkenaan dengan kemiskinan yang berlaku di luar bandar. Sudah banyak perkara yang dibangkitkan serta cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan cadangan serta polisi yang harus dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar. Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat telah menekankan betapa pentingnya pembangunan seimbang yang memberi peruntukan yang besar kepada kawasan luar bandar bagi memastikan bahawa masalah-masalah yang timbul di luar bandar ini dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, ada jua Ahli-ahli Yang Berhormat dengan secara yakinnya menyatakan bahawa sokongan yang diterima oleh kerajaan adalah kebanyakannya daripada penduduk-penduduk luar bandar. Saya ingin menyatakan sebaliknya. Sebahagian daripada sokongan yang diterima oleh pihak kerajaan ketika ini bukan sahaja diterima daripada penduduk-penduduk luar bandar, malah juga didokong oleh penduduk-penduduk terutama sekali yang miskin daripada dalam bandar.

Saya ingin mengambil contoh kawasan Johor Bahru misalnya, memberi sokongan yang padu kepada kepimpinan kerajaan sekarang. Penduduk di Shah Alam, penduduk di Puchong, penduduk di Arau dan penduduk-penduduk miskin dalam kawasan-kawasan Parlimen yang lain juga memberi sokongan kepada pihak kerajaan. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada perkara yang berkaitan dengan kemiskinan di bandar dan separuh bandar.

Tuan Yang di-Pertua antara penyebab utama kemiskinan di bandar ialah kurangnya peluang pekerjaan dapat disediakan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta. Kebanyakan penghijrah dari luar bandar yang datang ke kawasan bandar bagi mendapat peluang pekerjaan dan pendapatan tidak mempunyai daya saing yang cukup tinggi bagi merebut peluang pekerjaan. Kebanyakan pekerjaan-pekerjaan yang ditawarkan pula tidak bersesuaian dengan kepakaran yang ada pada mereka. Persaingan ini juga disebabkan mereka tidak akan mendapat gaji yang lumayan bagi menampung kos hidup yang tinggi di kawasan bandar. Akibatnya timbullah keadaan jurang pendapatan di antara yang kaya dengan yang miskin, di antara mereka yang mempunyai pengalaman serta pendidikan yang tinggi dengan pengalaman serta pendidikan orang-orang yang berpindah daripada kawasan luar bandar ke kawasan bandar.

Migrasi penduduk yang bertambah dari tahun ke tahun juga merupakan penyebab utama kemiskinan dalam bandar. Jurang ekonomi antara kaum serta peluang untuk mendapat pekerjaan di antara kaum-kaum juga menjadi punca utama berlakunya kemiskinan di dalam bandar. Kesan daripada kemelesetan ekonomi yang berlaku akhir-akhir ini juga menyebabkan ramai di kalangan penghijrah di luar bandar hilang pekerjaan dan akibatnya mereka terpaksa menerima apa jua bentuk pekerjaan tanpa mengira pendapatan yang mereka terima dan ini juga menyebabkan kesan kemiskinan di kalangan penduduk bandar.

Tuan Yang di-Pertua, terlalu bergantung pada peluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam sektor formal di bandar yang tidak berupaya menyerap pekerja-pekerja ini juga adalah kesan daripada kemiskinan di dalam bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh akibat daripada penyebab-penyebab ini kemiskinan di dalam bandar menjadi lebih teruk. Kemiskinan dalam bandar menyebabkan banyak perkara sosial yang tidak diinginkan berlaku. Kesan daripada kemiskinan di bandar adalah jauh lebih teruk daripada kemiskinan di luar bandar. Kesan yang pertama yang saya ingin sentuh ialah peningkatan kadar jenayah yang disebabkan desakan untuk memenuhi keperluan hidup. Misalnya, kejadian ragut yang berlaku di kawasan bandar disebabkan oleh sikap manusia yang ingin mengambil jalan mudah bagi menyara kehidupan mereka.

Kedua, tekanan hidup yang lebih tinggi berbanding dengan penduduk miskin di luar bandar kerana mereka perlu berhadapan dengan keadaan realiti kehidupan bandar juga memberi kesan kepada peningkatan berlakunya jenayah-jenayah kecil.

Perkara yang ketiga, faktor kemiskinan boleh menyebabkan pelajar menjadi lemah, pencapaian akademik mereka merosot dan seterusnya tercicir dalam bidang pendidikan. Tanpa pendidikan yang mencukupi, anak-anak daripada golongan miskin bandar ini akan tercicir dan akibatnya terus kekal dalam putaran ganas kemiskinan yang dilalui oleh ibu bapa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu saya ingin mencadangkan supaya beberapa langkah perlu diambil oleh pihak kerajaan bagi mengurangkan kadar serta kesan kemiskinan penduduk-penduduk di dalam bandar ini.

Perkara yang pertama yang saya ingin cadangkan ialah pihak kementerian, mungkin Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu menggunakan sistem yang sedia ada untuk memberi peruntukan yang lebih besar seperti yang disediakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi diagihkan melalui pihak-pihak berkuasa tempatan bagi memastikan bahawa program-program untuk meningkatkan keupayaan penduduk miskin bandar bagi menyara hidup mereka serta memajukan diri, bagi meninggikan pendapatan.

Perkara yang kedua, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di dalam bandar dan di dalam sektor-sektor formal dan tidak formal. Peranan sektor swasta untuk memberi bantuan sama ada dari segi kewangan, peluang pekerjaan, latihan, peluang-peluang perniagaan kepada golongan ini sangat di alu-alukan.

Sebelum ini Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan penduduk-penduduk diukur dari pendapatan garis kemiskinan atau PGK, iaitu dengan mengambil kira keperluan minimum untuk makanan, pakaian, tempat tinggal serta perbelanjaan lain yang perlu untuk mengekalkan sesebuah isi rumah dalam keadaan hidup yang selesa. Kadar kemiskinan dianggarkan secara mengira bilangan isi rumah yang mempunyai pendapatan di bawah garis tersebut sebagai peratusan daripada bilangan isi rumah keseluruhan.

Bagi menganggarkan kadar kemiskinan golongan termiskin ini paras pendapatan yang digunakan adalah daripada kadar PGK. Maka kita perlu mewujudkan ukuran PGK yang baru dan relevan dari semasa ke semasa untuk mengukur taraf kemiskinan di dalam bandar bagi menentukan *target* atau objektif bantuan yang perlu disalurkan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua-dua bangun. Hendak beri jalan?

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Belakang dahulu.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Bagi Puchong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong, sila.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya tertarik dengan saranan Yang Berhormat tadi yang menyatakan bahawa kita mesti memberikan peluang ataupun satu program yang dalam cadangan Yang Berhormat bahawa KPKT ini mesti berusaha gigih tetapi sedarkah

Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kalau kita baca betul-betul hanya satu paragraf sahaja yang menyatakan bagaimana kita untuk mengatasi kemiskinan khususnya di kawasan-kawasan bandar ataupun pinggiran bandar. Ini menunjukkan bahawa kesungguhan ataupun kegigihan daripada kerajaan khususnya kementerian yang bertanggungjawab tidak bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah ini.

Sebagai contoh, tadi Yang Berhormat telah menyatakan bahawa kita mesti menyediakan peluang perniagaan kecil-kecilan kepada orang-orang miskin di bandar ini tetapi sedarkah Yang Berhormat bahawa kalau mereka untuk memohon lesen penjaja di PBT tertentu mereka terpaksa mengambil masa terlalu lama untuk mendapat kelulusan daripada PBT dan ini telah memberi kesukaran ataupun kesusahan kepada mereka untuk menyara hidup atau mempertingkatkan lagi kos ataupun standard hidup mereka di bandar ini.

Adakah Yang Berhormat mencadangkan kepada Kementerian atau KPKT supaya mesti bersungguh-sungguh memilih program yang tertentu selain daripada memberikan peluang pekerjaan ataupun peluang perniagaan. Kita mesti ada satu program yang bersungguh-sungguh untuk meningkatkan lagi kemahiran ataupun pengetahuan mereka dalam menyesuaikan diri dalam bandar. Apakah pandangan Yang Berhormat Hulu Langat?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya minta Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Saya tersentuh dengan kemiskinan yang berlaku di negara kita khususnya di luar dan dalam bandar. Apa tertarik tentang kemiskinan dalam bandar. Saya rasa bahawa tidak patut berlaku kemiskinan dalam bandar kerana yang hidup dalam bandar ini orang cerdik dan orang yang mempunyai pengetahuan yang tinggi dan sebagainya tetapi berlaku juga dan dikaitkan dengan anak-anak orang miskin di bandar lain dengan anak-anak miskin di luar bandar.

Anak miskin di dalam bandar membawa banyak masalah tetapi apa Yang Berhormat bersetuju bahawa anak-anak orang miskin di luar bandar walaupun dia miskin dia sedar dia miskin. Hasil dari kesedaran bahawa dia miskin dia belajar bersungguh-sungguh sehingga ramai di kalangan anak orang miskin dapat 5A di dalam peperiksaan mereka dan ternyata bahawa lonjakan daripada kemiskinan yang mereka rasa itu akhirnya mereka berjaya. Sebagai contoh, Yang Berhormat Pasir Puteh saya rasa ayah dia orang miskin tetapi oleh kerana dia sedar dia orang miskin lalu dia belajar bersungguh-sungguh. Dia belajar bersungguh-sungguh hingga menjadi orang kaya.

Satu lagi apakah di bandar ini Yang Berhormat bagi Hulu Langat, di bandar ini kita ada banyak bank gergasi dengan mengaut keuntungan yang begitu banyak. Golongan yang kaya raya juga disebut sebagainya *sakhawatul anbiyak...*, maknanya orang-orang kaya di bandar ini mesti bersifat pemurah jangan kaya hanya untuk diri mereka sendiri. Badan zakat di Selangor misalnya begitu banyak. Saya rasa lebih daripada RM20 juta Selangor boleh dapat barangkalilah. Saya tidak ada angka yang rasmi. Kalau silap saya minta maaf kalau ada pegawai zakat di sini. Jadi apakah badan-badan zakat ini tidak boleh sedikit sebanyak menghulur secara langsung kepada orang-orang miskin. Bukan menghulur wang tetapi menghulur bentuk-bentuk bantuan yang boleh mereka boleh berdikari dengan kewangan yang dibagi. Jadi tiga perkara tadi kalau dapat menyumbangkan kepada orang-orang miskin dalam bandar. Yang di luar bandar itu biarlah kita kata barangkali ada kementeriannya tetapi dalam bandar yang tersusun rumah-rumah setinggan dan sebagainya. Barangkali Jerai akan jawab yang setinggan itu pun orang Kelantan juga katanya. Saya kata bukan orang Kelantan sahaja yang di ...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Pasir Puteh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: ...Jadi saya minta supaya mendapat reaksi yang baik daripada...

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Pasir Puteh.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Pasir Mas.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas, minta maaf. Saya ingin menyentuh pandangan daripada rakan saya dahulu berkenaan pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong. Saya bersetuju bahawa kemiskinan di dalam bandar ini perlu mendapat perhatian daripada pihak kerajaan terutama sekali berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen penjaja bagi tujuan mendapatkan pendapatan.

Saya juga bersetuju bahawa sesetengah permohonan untuk mendapatkan lesen penjaja begitu sukar, begitu lama kadang-kadang mengambil masa yang begitu mendukacitakan, dua hingga tiga tahun. Keadaan ini menyebabkan semangat orang-orang miskin untuk berniaga di kawasan-kawasan bandar bagi tujuan meningkatkan pendapatan menjadi muram dan kemudiannya kecewa...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasir Puteh bangun, hendak beri jalan?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Nanti sekejap. Satu sahaja lagi. Saya ingin menyentuh juga pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas yang menyatakan bahawa orang-orang miskin tidak sepatutnya berlaku di dalam bandar tetapi untuk perhatian Yang Berhormat bagi Pasir Mas bahawa ramai daripada orang-orang miskin di bandar ini kebanyakannya malangnya Yang Berhormat datang dari Kelantan yang tidak mendapat peluang pekerjaan di negeri masing-masing. Akibatnya mereka merantau walaupun tidak mempunyai keupayaan yang cukup bagi bersaing di bandar-bandar atau di kawasan-kawasan metropolitan.

Mengenai bank gergasi yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi, saya ingin menyentuh bahawa bank-bank ini telah pun membayar cukai yang cukup tinggi, membayar jumlah yang besar bagi membantu kerajaan untuk membangunkan negara. Menyentuh tentang zakat yang dipungut oleh negeri Selangor misalnya Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kerajaan negeri Selangor pada tahun 2005 telah mengutip bukan RM20 juta tetapi memungut RM150 juta pungutan zakat dan adalah menjadi peraturan kepada Lembaga Zakat Selangor untuk membelanjakan jumlah yang sama bagi membantu orang-orang miskin. Kalau kita kutip RM150 juta kita akan belanjakan juga RM150 juta itu bagi tujuan menolong orang-orang miskin. Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Hulu Langat, kerana masa kita, kalau kita boleh kutip zakat di mana Selangor sahaja RM150 juta kenapa kita tidak boleh atau setuju tak kita ambil sebahagian itu buat R&D buat *database* biar semua sekali sampai tegar atau tidak tegar pun miskin ini biarlah ada *database* untuk kita merancang dan mengatur juga melaksanakan. Bolehkah? Barulah kita buat kerja tidak dalam gelap.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Saya bersetuju Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Sebenarnya tahun demi tahun kita mempunyai data yang lengkap berkenaan dengan keluarga miskin di negeri Selangor dan setiap tahun pegawai-pegawai dihantar untuk meneliti dan menyemak semula nama-nama yang disebutkan dalam data bagi memastikan bahawa sama ada keluarga ini masih terjumlah di bawah keluarga yang dikategorikan sebagai miskin dan memerlukan bantuan. Untuk perhatian Yang Berhormat bagi Pasir Puteh data ini dari tahun ke tahun sentiasa dikaji dan sentiasa disemak bagi memastikan bahawa ia tidak disalahgunakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan...

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: [Bangun]

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ada lagi, ada lagi? Sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Yang Berhormat. Bukan saya tidak bersetuju tetapi saya bersetuju bahawa orang Kelantan miskin dan datang ke sini untuk mencari makan, saya bersetuju dan itulah rajinya orang Kelantan tetapi orang Kelantan apabila pergi ke sesuatu tempat dia miskin setahun sahaja, pada tahun yang kedua dia senang, pada tahun yang ketiga dia kaya. Ini polisi orang Kelantan. Kita hendak

biar orang Kelantan datang ke Selangor ramai-ramai lalu zakat orang Selangor ini beri kepada orang Kelantan sehingga kemiskinan di Kelantan itu berpindah ke sini menjadi orang kaya. Dan akhirnya orang Kelantan menjadi orang kaya di Selangor. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Tidak semua Yang Berhormat orang Kelantan yang datang ke Selangor atau ke Kuala Lumpur ini jadi kaya tetapi sebaliknya ada juga yang kemudiannya menjadi lebih miskin dan kemudian terlibat dalam gejala sosial yang lain yang saya tidak hendak sebut sosial apa yang dipelopori oleh rakan-rakan kita dari negeri Yang Berhormat.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskan oleh hendak sambung sebelah petang?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Sambung.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh sambung petang.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat bagi Hulu Langat untuk menyambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin teruskan perbahasan saya mengenai kadar kemiskinan di dalam bandar. Perkara yang keempat yang saya ingin nyatakan ialah usaha kerajaan supaya memberi peluang dan galakan kepada golongan miskin yang dikenal pasti di dalam bandar untuk mendapat pinjaman dalam skala yang kecil bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan. Memandangkan bahawa sebahagian besar golongan miskin di dalam bandar banyak bergantung kepada perniagaan kecil-kecilan sebagai sumber pendapatan sampingan.

Perkara berikutnya yang saya ingin mencadangkan ialah mengurangkan kerenah birokrasi bagi pemilikan perumahan kos rendah bagi golongan miskin ini. Pihak berkuasa tempatan seharusnya memandang perkara ini sebagai satu pandangan yang serius kerana tanpa kualiti hidup yang selesa, matlamat kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 bagi mengurangkan kadar kemiskinan di luar bandar dan di bandar tidak akan tercapai. Tidak akan ada gunanya pembangunan infrastruktur yang canggih di kawasan bandar, tetapi rakyat....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat bagi Ledang....

Tuan Haji Ismail bin Noh: Minta sedikit...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Kacau sahajalah. Okey, Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Pendek sahaja, ya... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Hulu Langat. Yang Berhormat bagi Hulu Langat pun berpandangan dan

berperasaan macam saya juga iaitu membina nasib orang-orang yang tidak ada rumah, Tuan Yang di-Pertua.

Dalam hidup, Tuan Yang di-Pertua, rumah adalah tempat berteduh. Di sinilah hidup matinya seseorang. Kalau orang itu tidak ada rumah, maka dia akan bercelaru, fikiran dia akan bercelaru. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya, kita berterima kasih kepada kerajaan. Rumah PPRP telah dinaikkan daripada RM31 ribu ke RM17 ribu, ia akan lebih selesa tetapi rumah mesra rakyat ini, saya dapati bahawa, okey, program itu pun cukup baik, amat baik kerana pada orang yang sederhana dan miskin bukan miskin tegar, tetapi miskin boleh memiliki rumah tetapi Yang Berhormat, saya dapati bahawa kontrak yang diberikan kepada syarikat yang membuat rumah itu, ia berbeza.

Satu kontrak buat badan rumah, bumbung rumah itu orang lain. Jadi, ada dalam kawasan saya, rumah siap, bumbung tidak ada... *[Ketawa]* Jadi, saya tidak berapa faham, Tuan Yang di-Pertua. Ini benda pelik, tetapi benar, Tuan Yang di-Pertua. Badan rumah siap, bumbung rumah ini kontraktor lain yang buat. Jadi, bolehkah Yang Berhormat....

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bagi Yang Berhormat bagi Ledang sambung sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan *cross* Yang Berhormat bagi Ledang. Yang Berhormat bagi Ledang, *cross*...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dia sudah beri... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Okey, okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat bagi Hulu Langat tentang kadar kemiskinan, tentang pendapatan rakyat yang miskin dari bandar ini tetapi ada satu perkara yang saya perlu mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat ialah tentang *trend* syarikat-syarikat ataupun pihak-pihak tertentu yang suka mengambil, yang lebih gemar mengambil pekerja asing, bawa ke Malaysia dengan gaji yang rendah dan sekali gus melenyapkan, menutup peluang rakyat tempatan di bandar-bandar mendapat kerja di bandar-bandar. Kalau mereka hendak di bandar-bandar mereka kena terima hakikat dengan gaji yang rendah. Jadi, adakah Yang Berhormat bagi Hulu Langat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya gaji mesti ditentukan berapakah gaji yang minimum kepada pekerja-pekerja di bandar-bandar mahu pun di tempat-tempat lain. Adakah Yang Berhormat bagi Hulu setuju?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang, terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ledang ini saya cukup setuju. Sebenarnya kebanyakan daripada majikan yang lintah darat ini, dengan izin, bahasa yang agak kasar, mementingkan keuntungan semata-mata tanpa mengira kepentingan warga negara Malaysia.

Mereka beranggapan bahawa pekerja asing boleh dikerah bekerja untuk hari Sabtu atau hari Ahad atau untuk hari-hari cuti umum yang lain tanpa bertanggungjawab terhadap keluarga serta anak-anak tetapi masalah yang berlaku kepada pekerja-pekerja dari negara kita sendiri, mereka mempunyai tanggungjawab yang lain, tanggungjawab sosial dan akibatnya pekerja-pekerja dari luar negara lebih mendapat pilihan daripada majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan cadangan saya yang berikutnya. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan banyak membantu golongan miskin di dalam bandar.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sedikit, satu sahaja. Akhir, akhir.

Tuan Yang di-Pertua: Masa tidak ada lagi, habis... *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Hulu Langat. Pandangan dari Yang Berhormat bagi Hulu Langat tadi iaitu dengan cara kerajaan membantu kewangan kepada golongan-golongan miskin di dalam bandar bagi membolehkan mereka bersaing dengan orang kaya ataupun peniaga-

peniaga yang sudah begitu maju di bandar. Saya rasa itu pandangan Yang Berhormat, bagi saya, saya tidak berpandangan sedemikian kerana mereka begitu miskin.

Kalau kita bagi wang, kita katalah RM5,000 bantu dia, dia hendak bersaing dengan orang yang sudah berjaya dalam bandar ini tidak mungkin. Lebih baik kita pindahkan mereka, kita pindahkan mereka yang tinggal dalam bandar ini kita tempatkan mereka pada satu tempat yang sesuai bagi mereka kemudian waktu itu kita bantu mereka. Saya rasa itu lebih manfaat daripada cara kita bagi sedemikian. Kerana bagi sedemikian saya rasa tidak mampu dia berhadapan dengan orang kaya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya ingin pergi kepada tajuk itu, tetapi saya punya cadangan lebih berbeza daripada Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya ingin mencadangkan bahawa pihak kerajaan sekarang ini membantu golongan miskin di luar bandar dengan memberi subsidi binatang ternakan, baja, benih tanaman, ikan dan sebagainya tetapi, bantuan yang serupa tidak boleh diberikan kepada golongan miskin di dalam bandar. Apa yang saya cadangkan ialah golongan ini seharusnya diberi latihan, kursus dan peluang supaya mereka dapat berdikari. Maksud saya peluang perniagaan ini bukanlah dibuat secara keseluruhan, secara sepenuh masa, malah dibuat secara sambilan selepas daripada menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai kakitangan kerajaan atau sebagai kakitangan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya yang berikutnya ialah saya ingin mencadangkan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan untuk menggunakan saluran Ahli-ahli Parlimen bagi menyampaikan peruntukan kepada....

Seorang Ahli: Penjelasan.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]:Golongan miskin di kawasan bandar seperti yang dilakukan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan ini sedikit sebanyak akan dapat membantu pemimpin-pemimpin terutama sekali daripada ahli-ahli Wakil Rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu golongan-golongan miskin di dalam bandar.

Soalan saya kepada kerajaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, kepada Kementerian Pembangunan Usahawan Dan koperasi setakat manakah usaha kementerian-kementerian ini membantu golongan-golongan miskin dalam bandar untuk keluar daripada kemelut kemiskinan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya berpindah kepada suatu tajuk lain yang agak ringkas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh berkenaan sistem pengangkutan awam yang juga merupakan suatu sistem yang seharusnya dipertingkatkan dalam kawasan bandar. Beberapa usaha telah dijalankan oleh semua pihak, oleh pihak kerajaan terutama sekali melalui Kementerian Pengangkutan, oleh Kementerian Kerja Raya misalnya bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Terdapat beberapa polisi-polisi tertentu seperti *carpool* atau berkongsi kereta dengan izin. Dengan usaha pembinaan rangkaian sistem pengangkutan awam, LRT, Komuter, bas, teksi, ERL dan sebagainya tetapi malangnya walau pun peruntukan yang begitu besar diperuntukkan bagi menyelesaikan masalah pengangkutan dalam bandar ini masih terdapat masalah-masalah yang begitu meruncing.

Saya ingin mencadangkan supaya sistem LRT yang didapati dan terbukti berkesan, diperluaskan ke seluruh kawasan Lembah Kelang termasuk kawasan Kajang atau Hulu Langat. Sistem LRT yang lebih berintegrasi ini perlu diperkembangkan ke kawasan penduduk-penduduk yang tinggi bilangannya.

Saya ingin juga mencadangkan supaya kos *electricity* yang perlu digunakan terhadap sistem ini boleh dijana melalui sistem RDF iaitu suatu sistem pelupusan sampah yang buat pertama kalinya diperkenalkan di Kajang.

Sistem ini dikatakan dapat membekalkan lebih kurang 5,000 kilowatt tenaga elektrik dan ini boleh juga mengurangkan kos penyenggaraan sistem pengangkutan jenis ini. Saya ingin menyatakan bahawa terdapat kesilapan-kesilapan yang lampau ketika kita merancang untuk membina Projek Lebuh Raya Utara-Selatan misalnya.

Projek Lebuh Raya Utara Selatan dahulunya dibina dan berakhir di tengah-tengah pusat bandar. Akibatnya walau pun pengguna-pengguna jalan raya mempunyai apa-apa kepentingan atau urusan di tengah Bandaraya Kuala Lumpur tetapi mereka terpaksa juga melintasi Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyambung perjalanan mereka ke utara atau ke selatan. Saya berharap kesilapan ini tidak akan diulangi pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, satu tajuk ringkas lagi yang ingin saya katakan ialah berkenaan dengan pembinaan infrastruktur sekolah di kawasan bandar juga. Banyak sekolah-sekolah baru perlu didirikan di kawasan bandar. Banyak keperluan-keperluan ini diperlukan anak-anak bersekolah. Saya ingin mengambil satu contoh, Sekolah Menengah Pandan Indah, di Ampang. Yang Berhormat bagi Ampang tidak ada bersama kita Tuan Yang di-Pertua.

Sekolah ini mempunyai 2,700 pelajar tetapi hanya mempunyai lima buah tandas. Ini menggambarkan bahawa pihak kementerian tidak mengambil kira bilangan pelajar berbanding dengan bilangan kemudahan asas. Negeri Selangor dalam sistem perancangannya ketika meluluskan projek-projek perumahan telah menetapkan keluasan tanah tertentu bagi mendirikan bangunan sekolah tetapi malangnya terdapat beberapa keadaan di mana Kementerian Pelajaran tidak berusaha untuk mengambil petak atau lot yang telah disediakan untuk tujuan pembangunan sekolah ini bagi membina bangunan sekolah dan akhir tapak-tapak ini kemudiannya telah dipohon semula oleh pemaju perumahan bagi mendirikan bangunan-bangunan komersial atau perumahan.

Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya lebih berhati-hati dan memberi perhatian sepenuhnya kepada penduduk-penduduk terutama sekali di kawasan perumahan yang memerlukan sekolah yang lengkap prasarana serta kemudahannya bagi tujuan persekolahan.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya katakan. Itu sahaja yang dapat saya cadangkan bagi memperbaiki serta menambah baik kepada perancangan-perancangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

2.46 ptg.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnianya dapat mengambil bahagian dalam membahaskan dan menyokong sepenuhnya ucapan pembentangan RMK-9 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 31 Mac 2006 yang lalu.

Saya rasa amat berbangga kerana pada kali ini saya dapat turut serta mengambil bahagian membahaskan dan memberi cadangan ke atas Usul Rancangan Malaysia Kesembilan sedangkan sebelum ini saya hanya mendengar dan membaca sahaja rancangan-rancangan Malaysia yang lain sehingga Rancangan Malaysia Kelapan.

Terlebih dahulu izinkan saya untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang telah membentangkan RMK-9 yang bertemakan, *Membina Tamadun Menjulung Martabat Bangsa*.

Saya yakin dan percaya bahawa misi nasional yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah suatu perancangan masa depan yang menyeluruh dan terperinci dengan pendekatan yang lebih komprehensif, lebih pragmatik serta yang paling

nyata dan sangat memberangsangkan ialah mempunyai ciri-ciri keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat. Ia meliputi semua sektor, bidang dan kumpulan sasaran dan paling tidak dilupakan ialah kumpulan Orang Kurang Upaya (OKU) juga mendapat manfaat dari RMK-9.

Kita semua tahu bahawa RMK-9 adalah langkah fasa kedua ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020. Kita mahu menjadi negara maju yang bersifat holistik. Kita mahu semua rakyat berpeluang menikmati dan mengecapi kemajuan yang kita impikan ini. Tidak seorang pun yang tercicir.

Sebagai seorang Ahli Parlimen yang diamanahkan oleh rakyat semasa pilihan raya semestilah kita yang terlebih dahulu mengetahui, memahami, menyedari dan menginsafi, menghayati dan melaksanakan, mengamalkan dan membudayakan apa yang terkandung dalam misi nasional. Ke mana pun kita sama ada siang atau malam, misi nasional hendaklah sentiasa di hati.

Lima terasnya sentiasa terbayang di mata, terngiang di telinga dan terungkap oleh kata-kata:

- (i) meningkatkan ekonomi dalam rantai nilai lebih tinggi,
- (ii) meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan inovasi negara dan memupuk minda kelas pertama,
- (iii) menangani masalah ketidaksamaan sosioekonomi yang berterusan serta membina dan produktif,
- (iv) meningkatkan tahap dan kualiti hidup; dan
- (v) mengukuhkan keupayaan institusi.

Tuan Yang di-Pertua, RMK-9 adalah kesinambungan daripada RMK-8 yang dilaksanakan pada tahun 2001 hingga 2005. Kita perlu menilai dengan teliti dan sistematik, menilai dengan jujur dan berani sejauh manakah RMK-8 berjaya dilaksanakan berasaskan semangat perancangannya yang sebenar. Hasil daripada pengamatan inilah kita perbaiki dan memperteguhkan pelaksanaan RMK-9 misi nasional ini tidak lagi ada kelemahan, tidak lagi ada kepincangan, tidak ada lagi penyelewengan dan tidak ada lagi ketirisan.

Doa dan harapan saya semoga pelaksanaan RMK-9 berjalan dengan lancar dan mencapai sepenuhnya hasrat dan misi negara. Kita perlu bergerak ke hadapan tanpa membuang masa lantaran diganggu oleh persoalan dan isu remeh temeh kerana masa tidak menunggu kita. Kita sekarang telah memasuki fasa kedua iaitu 15 tahun kedua bagi mencapai negara maju sepenuhnya tahun 2020.

Dengan itu pengalaman negara dalam melaksanakan RMK-8 haruslah menjadikan panduan dan iktibar kepada kita untuk melaksanakan misi negara. RMK-9 mudah-mudahan ianya akan lebih cepat dan mantap, lebih berkesan, lebih cemerlang dan kalau boleh pencapaiannya, pelaksanaannya di luar jangkaan kita. Kalau ini dapat dilakukan saya percaya hasrat kita untuk mencapai menjadi negara maju menjelang 2020 insya-Allah akan tercapai.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, walaupun RMK-8 telah mencapai kejayaan tetapi tidak semua projek dan program RMK-8 dapat dilaksanakan sepenuhnya sebagaimana yang dirancang. Memang ada projek yang dilaksanakan mengikut jadual malahan ada yang mendahului jadual tetapi kita juga tahu ada projek yang lewat jadual. Projek sakit, malahan ada projek yang terbengkalai dan tidak dapat dimulakan. Ada projek yang sepatutnya siap dalam tempoh RMK-8 tetapi terpaksa disambung dalam RMK-9. Keadaan ini akan merugikan rakyat, tambahan pula pelaksanaannya nanti akan melibatkan pertambahan kos yang pasti akan menjejaskan peruntukan...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua biar saya habiskan Tuan Yang di-Pertua Jerai mengacaulah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Bukan mengacau Tuan Yang di-Pertua hendak beri pandangan yang terbaik ini.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya bagi kejam lagi. Di antara puncanya berlaku kelewatan dalam proses mendapatkan tanah atau tapak projek. Melantik kontraktor yang tidak berwibawa, kerenah birokrasi, lambat mendapatkan sijil kelayakan menduduki atau CF, sistem-sistem yang berkaitan tergendala serta tiada kesungguhan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakannya.

Saya hairan kenapa perkara ini boleh terjadi? Sedangkan kita telah mempunyai undang-undang, peraturan, prosedur mahupun sistem yang berorientasikan rancangan IT bagi mempercepatkan pelaksanaannya. Keadaan seperti inilah yang menyebabkan kita sering kali mempertikaikan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan, lambat, kurang cekap, tidak mesra pelanggan dan sebagainya. Walaupun kita mungkin mempunyai seribu alasan untuk menafikannya tetapi perkara ini telah menjadi tanggapan umum, tanggapan seperti ini perlu diperbetulkan segera sebab imej kerajaan tidak terus tercemar. Sila Jerai.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Padang Terap. Selamat datang Timbalan Yang Berhormat, Timbalan Perdana Menteri. Saya khusyuk tentang pandangan-pandangan Yang Berhormat kerana kelewatan-kelewatan projek dan sebagainya. Projek-projek pembangunan, *construction* dan sebagainya. Dia ada dua benda, satunya mungkin kelewatan dari segi birokrasi dan sebagainya tetapi juga ada juga pemborong-pemborong, kontraktor-kontraktor yang mengadu hal mengatakan kadang-kadang kelewatan pembayaran menyebabkan putaran kewangan ataupun *cash flow* mereka ini tersangkut. Dan akhirnya menyebabkan projek-projek ini terbengkalai, jadi Yang Berhormat juga ingin mencadangkan dalam ucapan Yang Berhormat supaya kerajaan juga harus melihat dari sudut bayaran kemajuan supaya walaupun mereka ini kita berterima kasih kerana kerajaan telah *advance payment* kepada mereka.

Saya difahamkan 15% apabila mereka mendapat projek, tetapi apabila projek itu berjalan, kadang-kadang disebabkan oleh masalah-masalah tertentu, maka kontraktor-kontraktor ini tidak mendapat bayaran mengikut jadual. Dan ini menyebabkan masalah *cash flow* dan kadang-kadang akhirnya maka terbengkalailah projek mereka kerana tidak dapat bekalan-bekalan kerana pembayaran kepada *sub-co* dan juga pembekalan itu tidak dapat diberi dalam masa yang dipersetujui. Macam mana pandangan Yang Berhormat bolehkah masuk sedikit dalam ucapan Yang Berhormat itu, ini pandangan yang cukup baik dari pandangan sayalah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Jerai baik semua, saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Hendak sambung sedikit, boleh sambung sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Padang Terap. Yang Berhormat Padang Terap tadi menyebut tentang projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Kelapan, yang hebat disiapkan, yang tertinggal kerana..., tetapi saya ingin hendak bertanya kepada Yang Berhormat Padang Terap, *Budget* Rancangan Malaysia Kelapan 170 bilion, dan mengikut laporan ICU, EPU kerajaan telah pun membelanjakan 170 bilion. Maknanya 100% perbelanjaan cekap, tidak ada yang tertinggal, tidak ada kelewatan dan sebagainya. Dan apakah pandangan Padang Terap?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Ledang, saya pun tidak pasti Tuan Yang di-Pertua. Di Kedah 80%, 80.2% dapat dilaksanakan. Di Sabah lagi teruk daripada di Sarawak, tidak mungkin 100% dapat dilaksanakan, mungkin sebab-sebab yang akan saya huraikan ataupun yang telah saya terangkan tadi.

Tentang Jerai memang, saya ingat ada sebab musabab akibatnya daripada kelewatan pembayaran, akibatkan bahawa terbengkalai ataupun tergendala projek yang berkenaan. Jadi kita harap kerajaan boleh memastikan pembayaran yang lebih cepat pada semua kontraktor.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya menyokong cadangan supaya kerajaan mengambil tindakan yang tegas dan positif untuk mengkaji dan menstrukturkan semula jabatan atau agensi yang berkaitan. Misalnya hasrat kerajaan memperkasa entiti utama di peringkat pentadbiran daerah, pejabat daerah, pejabat tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekali pandang, saya lihat kita telah mempunyai mekanisme yang mencukupi bagi memastikan RMK-9 dilaksanakan dengan lancar dan berkesan. Sekiranya semua pihak yang terlibat patuh dan memenuhi kehendak mekanisme berkenaan tetapi kegagalan pelaksanaan beberapa projek dan program RMK-8 tentulah menjadi iktibar kepada kita. Sebab itulah, walaupun kita sudah mempunyai banyak mekanisme, pelaksanaan, dan pemantauan. Saya menyokong sepenuhnya penubuhan badan bertindak pelaksanaan negara.

Kerana yakin dan percaya bahawa BNPJ yang dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dapat menyemaikan peranan yang berkesan dalam memantau dan menyelaras pelaksanaan projek yang disenaraikan dalam RMK-9 serta memperkasa pada peringkat tertinggi bagi mengambil tindakan terhadap projek bermasalah supaya tidak terbengkalai.

Saya juga sangat bersetuju dengan amaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berucap di Dewan Warisan Kangar, Perlis pada 10 April yang lalu iaitu pemimpin politik dan kakitangan kerajaan yang tidak mampu melaksanakan RMK-9 berhenti daripada tugas mereka supaya projek nasional ini dapat berjalan dengan lancar. Pemimpin politik seharusnya memainkan peranan dengan menunjukkan kepimpinan melalui teladan, manakala kakitangan kerajaan melaksanakan projek pembangunan dengan bersungguh-sungguh.

Negeri Kedah adalah negeri berasaskan pertanian, malahan Padang Terap iaitu kawasan yang saya wakili adalah kawasan pertanian. Justeru apabila Kementerian Pertanian di tukar namanya kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Saya amat gembira dan menghargainya. Saya bayangkan negeri Kedah akan bertukar wajah kerana bukan sahaja aktiviti ekonominya bertambah malahan hasilnya juga meningkat seiring dengan penggunaan teknologi moden yang kesemuanya ini akan memberi manfaat kepada rakyat.

Namun begitu, apabila disemak perubahan nama kementerian ini tidak mengubah minda, strategi, kaedah bekerja apatah lagi paradigma sebahagian besar pekerja yang terlibat dalam bidang berkenaan, termasuklah kakitangan kerajaan. Dengan itu, tidak hairanlah jika prestasi sektor pertanian terutamanya di kawasan saya masih lagi berada ditakuk lama. Hanya meneruskan sahaja apa yang ada, tidak ada peningkatan. Belia-belia berhijrah ke bandar mencari pekerjaan yang menyara hidup mereka dan keluarga. Yang tinggal hanyalah warga tua yang tidak produktif dan tidak berupaya untuk mempertingkatkan kemajuan kampung-kampung.

Dengan terbentangnya RMK-9 ini, kita berharap pembangunan sektor pertanian yang tertumpukan kepada pembangunan pertanian baru ini disambut dengan jiwa dan semangat baru oleh semua pihak yang terlibat.

Pendekatan baru yang melibatkan perkembangan pertanian berskala besar yang meluas, penerokaan aktiviti pengeluaran dan pemprosesan berkualiti yang mempunyai nilai tambah yang tinggi serta memanfaatkan sepenuhnya potensi bioteknologi akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat...

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Jiran boleh kot.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Geng juga. Okey, sila... [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Selain daripada mengubah minda agensi, yang paling penting yang menjadi cabaran utama kita ialah mengubah minda petani itu sendiri ataupun mereka yang terlibat di dalam sektor pertanian ini. Saya ambil contoh, Yang Berhormat bagi Padang Terap, kawasan saya, kawasan Parlimen Parit merupakan satu kawasan bukan jelapang padi. Bermakna ada orang bertanam padi tetapi dia tidak mendapat faedah-faedah sebagai kawasan jelapang padi termasuk dari segi subsidi dan sebagainya.

Jadi di kalangan petani pula, kita misalnya mensasarkan supaya mereka ini mengubah pertanian daripada bertanam padi kepada tanaman kontan yang lain, tanaman jangka pendek yang boleh menguntungkan tetapi untuk meyakinkan petani ini supaya menanam buah-buahan, sayur-sayuran dan sebagainya juga bukan satu perkara yang mudah kerana mereka melihat pemasaran barang-barang pertanian ini tidak semudah yang seperti yang kita jangkakan.

Ada petani yang telah menanam sayur-sayuran, akhirnya sayur-sayuran ini tidak dapat dipasarkan ataupun harganya tidak menentu. Jadi ini yang menjadi kesulitan kepada kita untuk mengubah daripada bertanam padi kepada tanaman kontan yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat, apa yang harus kita buat? Terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Parit. Ini cerita lama ini, Tuan Yang di-Pertua. Kita samalah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Yang belum selesai.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Belum selesai. Ini FAMA ambil tindakan tentang dia punya pemasaran dalam bidang-bidang pertanian ini.

Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Dengan berkembangnya aktiviti pertanian yang diyakini ini boleh menjamin pendapatan serta wujud kilang-kilang yang memproses produk pertanian di kawasan-kawasan pertanian atau mengikut zon-zon pertanian, maka saya yakin para belia tidak lagi berhijrah ke bandar-bandar mencari pekerjaan kerana pekerjaan telah ada di depan mata. Dengan terbinanya kilang-kilang minuman dan memproses jus-jus buah-buahan, terbinanya kilang-kilang baja dan lain-lain di kawasan ataupun kampung yang berasaskan pertanian, maka suasana akan menjadi meriah dan aktiviti ekonomi akan bertambah rancak. Kesemuanya ini...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini baik punya... [Ketawa]

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Seorang sekali ya, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tidak, ini...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tidak boleh dua kali, seorang sekali sahaja.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Ini berkenaan dengan masalah kawasan Yang Berhormat sendiri yang Yang Berhormat terlupa.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Biar saya habiskan ini dahulu, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dan habiskan itu terlepas, tidak boleh dah.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Hendak bagi sekejap lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang ini cukup baik. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, bolehkah?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sat lagi, sat lagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia bagi-bagi, dia tidak bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya tidak bagi, hendak perhabis sat, perhabis, perhabis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hendak balik Padang Terap kena melalui Jerai.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti dia habis, Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Janganlah ugut... *[Ketawa]* Dia ugut kita pula.

Tuan Yang di-Pertua: Hilang cerita dia nanti.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tambahan pula kejayaan sektor pertanian akan membolehkan negara tidak lagi mengimport hasil-hasil pertanian dari negara luar. Kita tidak perlu lagi mengimport daging, sayur dan lain-lain malahan dengan pertumbuhan yang memberangsangkan, negara kita boleh menjadi pengeksport produk tersebut. Dari segi imbalan pembayaran, ini sangat menguntungkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sektor pertanian ini sangat mustahak, maka saya berpandangan peruntukan sektor pembangunan pertanian sebanyak RM11.435 bilion iaitu 5.7% daripada peruntukan keseluruhan seharusnya ditambah lagi supaya sektor ini benar-benar dapat dibangunkan sebagaimana yang dihasratkan. Pertambahan peruntukan ini tentulah membolehkan sektor pertanian ini dibangunkan sehebat mungkin kerana potensinya saya rasa melampaui jangkaan kita. Dengan itu kerja-kerja meningkatkan produktiviti, kecekapan serta potensi dalam penjanaaan pendapatan dan kekayaan melalui kaedah pertanian moden dan ICT mengukuhkan pembangunan, penyelidikan dan inovasi serta keupayaan pemasaran dan penyertaan sektor swasta.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Banyak ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak perhabis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, hendak bagi Yang Berhormat?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ini lima tahun punya cerita ini, Tuan Yang di-Pertua, biar saya perhabislah.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Setiu, Setiu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ini tiap-tiap lima tahun, saya hendak perhabis banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, nanti dahulu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Setiu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Berkenaan dengan kilang-kilang gula dalam kawasan Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tidak, tidak, gula tidak ada... *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat lupa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, sila duduk dahulu.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ha, duduk dahulu. Kena arah dahulu baru boleh duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kedekut, Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Setiu.

Beberapa Ahli: Setiu, Setiu!

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Setiu sekali.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sedikit lagi ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Pertanian.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, terus.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bagi dekat Setiu sedikitlah, Terengganu... [Ketawa]

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkait dengan pertanian ini saya pun kawasan pertanian juga dan sekarang ini mereka dok tanam tanaman tembikai. Saya melihat kadang-kadang tersangat kasihanlah kepada penanam-penanam ini kerana apabila tanaman ini dibuat secara besar-besaran sehinggakan harga tembikai ini jatuh sampai 25 sen satu kilo, yang kualitinya baik dan sebagainya. Ertinya usaha mereka ini..., ada rasa kecewa. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Padang Terap. Mungkin kena ada sistem *zoning* supaya penanaman ini tidak menjejaskan pendapatan. Jadi belia-belia kita ini yang hendak tanam ini sudah jadi tidak minat hendak menanam.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasihlah Yang Berhormat bagi Setiu. Samalah kita, Parit pun ada. Saya ingat Yang Berhormat bagi Setiu faham jugalah, saya pun..., yang itu. Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua. Banyak gangguan ini, saya hendak perhabis ini.

Beberapa Ahli: Habiskan, habiskan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat menghargai kesungguhan jabatan dan agensi yang melahirkan pelbagai panduan, nilai dan etika untuk kegunaan perkhidmatan awam. Misalnya seawal tahun 1979 telah terbit buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Negara ketika itu, Tan Sri Abdullah bin Mohd. Salleh. Dalam buku itu ditekankan jujur, cekap dan berkesan. Pada akhir buku panduan itu sekali lagi dibuat penegasan adalah menjadi kewajipan kita semua untuk berkhidmat dengan jujur, cekap dan berkesan berpandukan cogan kata "Berkhidmat Untuk Negara".

Kemudian kita diikuti dengan yang lain-lain lagi – penggunaan Kad Perakam Waktu, kempen Bersih, Cekap dan Amanah, penggunaan Tanda Nama, Kepimpinan Melalui Teladan, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam pentadbiran, Gerakan Daya Kerja Cemerlang dan puluhan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam, Misi, Cogan Kata, Piagam Pelanggan, Tonggak 12, Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Kod Etika dan banyak lagi yang kita gariskan di semua jabatan.

Kod etika bagi sesebuah jabatan atau agensi misalnya, akan menggariskan secara terperinci apakah nilai teras, nilai kebangsaan dan nilai tata kelakuan yang mesti dihayati dan diamalkan oleh kakitangan awam kita.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Hendak perhabis, pergi tanya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini pasal ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini, ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, mana satu, Yang Berhormat, mana satu?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tidak. Saya gulung sedikit, nanti kita perhabislah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah faham ini, pasal ini, seruan-seruan ini.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu dahululah, sahabat belakang.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Eh, jumpa sini, kenapa bagi belakang?... *[Ketawa]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tangga Batu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah tidak boleh? Ha, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap. Apabila Yang Berhormat menyebut tentang kempen-kempen kesedaran yang telah digagaskan oleh kerajaan puluhan tahun yang dulu dan sehingga hari ini kita masih lagi menghadapi satu masalah besar iaitu penyampaian perkhidmatan di peringkat akar umbi terutamanya di pihak-pihak berkuasa tempatan.

Yang Berhormat, pada hemat Yang Berhormat, adakah kekurangan sistem komunikasi yang berkesan daripada pihak pembuat dasar sehinggalah kepada pelaksana dasar menyebabkan banyak perkara yang dihasratkan oleh kerajaan tidak dapat dilaksanakan mengikut aspirasi pembuat dasar tadi. Sistem komunikasi yang berkesan ini tidak ada di dalam pentadbiran kerajaan kita. Apa pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini? Terima kasih.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Saya fikir sistem sudah ada, konvensi tidak *breakdown*, cuma pegawai tidak berapa faham hasrat kerajaan, itu sahajalah. Sistem kita lebih canggih dengan adanya sistem-sistem yang ada pada hari ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh Yang Berhormat?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sedikit lagi Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini janji ini.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Janji apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* janji kata hendak bagi.... *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh bagikah?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sekejap lagi saya bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap lagi.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ini susah, sekejap lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Kemudian, nilai-nilai murni yang digariskan sebagai panduan kandungan piagam pelanggan yang tertera pada papan kenyataan sahaja setiap agensi lambang dan slogan terpampang indah dan lain-lain perlambangan kadangkala tidak diendahkan. Rungutan-rungutan rakyat timbul sehingga kemudiannya bergema mengatakan sistem penyampaian kerajaan tidak berkesan.

Akhirnya, kerajaan pula perlu menggubal Pelan Integriti Nasional iaitu PIN serta menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM), kesemuanya antara lain adalah bertujuan meningkatkan kecekapan tadbir urus di kalangan kakitangan kerajaan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, tidak bagikah?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:Keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. Sedikit lagi Yang Berhormat bagi Kinabatangan... [Ketawa] Memandangkan kepada perkara-perkara tersebut, maka saya mencadangkan supaya langkah-langkah dan tindakan yang lebih tegas diambil ke atas kakitangan kerajaan atau mana-mana pihak yang kurang berintegriti dan kurang cekap dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Apatah lagi amaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 April yang lalu hendaklah sentiasa diingatkan dan dipatuhi. Sekiranya semua yang terlibat dalam mengamalkan sepenuhnya semua nilai dan etika serta pekeliling dan peraturan yang telah diberikan termasuklah apa yang dijanjikan dalam misi dan piagam pelanggan, saya sangat yakin sistem penyampaian kerajaan akan berkesan dan dihormati. Sila, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mendengar ucapan daripada Yang Berhormat bagi Padang Terap saya memang terpanggil sebetulnya iaitu berbagai-bagai arahan telah dikeluarkan oleh berbagai-bagai pihak. Gagasan sudah, gesaan sudah, *punch card* sudah, amaran sudah, surat pekeliling sudah, nasihat sudah, aku janji sudah, macam-macam sudah tetapi gagal juga sistem penyampaian dalam negara kita.

Agaknya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya disatukan seluruh rangkaian gesaan dan surat pekeliling ini disatukan supaya dikeluarkan satu sahaja arahan dan seorang sahaja yang menandatangani. Mungkin baru ada transformasi di kalangan kakitangan-kakitangan kerajaan ini ke arah menjurus seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Hari-hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengeluarkan berbagai-bagai idea.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kelmarin dahulu Yang Berhormat bagi Kalabakan mungkin dia tidak terbaca surat khabar atau tidak mendengar TV iaitu.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: *Napoleon* kecil.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:*Napoleons* kecil yang ada kuasa tetapi menggunakan kuasa ke jalan yang salah. Minta Yang Berhormat jelaskan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita simpulkan kesemuanya kegagalan RMK-8 adalah disebabkan oleh sikap sesetengah pegawai, bukan semua. Kedah 82%, Sabah dan Sarawak mungkin lagi kurang tetapi saya menyokong penuh cadangan Yang Berhormat bagi Kinabatangan supaya satu tindakan tegas perlu diambil. Kalau tidak kita bercakap, kalau Perdana Menteri bercakap, Timbalan Perdana Menteri bercakap, saya yakin bahawa misi nasional tidak akan berjaya jika sekiranya pegawai kita tidak menghayati, tidak mengikuti dan tidak melaksanakan tugas dengan sempurna.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh. Tambah sedikit Pasir Puteh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh Larut?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sedikit Yang Berhormat, sedikit sahaja saya sambung...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia baru masuk ini! Yang lama sana.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Pasir Puteh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Padang Terap ini abang saya sebab itu dia bagi. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sedikit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Padang Terap bagi peluang pada dia sahaja?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tanya sedikit sahaja sebab saya dengar Yang Berhormat bagi Ledang tadi dia sudah baca dalam buku laporan itu 100% belanja RMK-8. Saya rasa tidak ikut... [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Itu bahasa Arab. Minta maaf, Yang Berhormat bagi Jerai. Siapa berjalan atas rel, akan sampai ke destinasi. Kalau 100% tidak sampai juga ertinya dia tidak berjalan di atas rel. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Padang Terap?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Penjelasan sedikit.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Setuju ataupun tidak? Ertinya duit-duit itu di *corner* ikut lain. Tidak *corner* apa yang kita rancang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Kalau berjalan atas rel bahaya, Tuan Yang di-Pertua. Mana boleh berjalan atas rel?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, saya minta Yang Berhormat bagi Jerai, saya minta Yang Berhormat bagi Padang Terap kena semak balik semula RMK-8, ke mana duit itu di *corner*. Itu sahaja. Setuju tidak?

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya setuju semua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, boleh sekali Yang Berhormat, jawab sekali, boleh?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi saya.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya rasa Yang Berhormat sistem yang ada ini....

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bagi, bagi itu Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, okay.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Bolakah apa ini?... [*Ketawa*]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tidak, tidak... [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kita sudah bercakap soal sistem penyampaian ini boleh dikatakan kita memang faham, Yang Berhormat. Saya rasa mesti ada yang tidak kena. Mungkin ada kepentingan. Kalau selagi mana-mana pihak ada kepentingan dalam pelaksanaan projek ini selagi itulah sasarannya tidak akan mengena tetapi kalau kita betul-betul jujur dan ikhlas demi rakyat, kita niat kerana rakyat masyarakat yang bagi kita mandat, memberikan kita tempat menjadi pegawai kerajaan, pentadbir dan sebagainya. Macam kita di sini, insya-Allah, sistem yang sedang kita sebut ini

akan tercapai sasarannya mungkin dari segi tolak birokrasi kepentingan. Apa juga ada kepentingan memang kita tidak akan tercapai. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Sila gulung.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Ya, gulung... *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Sedikit sahaja, saya hendak gulung. Lepas Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya gulung.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sahabat saya Yang Berhormat bagi Padang Terap, saya agak sedikit berbeza. Ada perbezaan Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat menerima kalau Rancangan Malaysia Kelapan itu gagal. Ia sebenarnya berjaya. Jangan lupa kerajaan hari ini berjaya dari dasar Rancangan Malaysia Kelapan. Kalau ada kegagalan di sana sini biasalah, Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga tidak bersetuju seolah-olah kakitangan kerajaan hari ini tidak memikul amanah dengan begitu jujur. Memang ada, memang ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Satu dua kelompok tetapi pada hakikatnya mereka telah memberikan khidmat dengan cemerlang. Apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini ialah bagi hendak meningkat yang baik kepada yang terbaik kerana wawasan Rancangan Malaysia Kesembilan ini satu wawasan yang terpenting.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dalam setengah masa sebelum kita sampai kepada 2020.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, kalau kita hendak mengkritik kita terima tetapi jangan juga lupa bahawa mereka juga memberikan khidmat bakti dengan amat cemerlang. Kalau ada dua tiga almaklum, Tuan Yang di-Pertua pepatah kita ada....

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:Kelapa yang setandan adalah satu dua yang komen. Tidak bermakna pokok kelapa itu tidak berguna. Jadi, itu untuk makluman dan kebetulan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menyatakan bahawa berlaku kegagalan RMK-8. Ia berjaya, banyak memberi faedah kepada rakyat di semua peringkat. Saya juga hendak menyatakan bahawa sebilangan besar pegawai kerajaan telah menjalankan tugas dengan sempurna sementara bilangan kecil sahaja yang masih belum faham kehendak kerajaan. Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai kesimpulannya, RMK-9 akan berjaya jika semua pihak memainkan peranan masing-masing. Maju mundurnya sesebuah negara banyak bergantung kepada kualiti tenaga manusia atau modal insan yang dimiliki. Harus kita akui bahawa walaupun sebanyak mana pun usaha yang kita telah curahkan atau sebanyak mana pun program atau projek yang telah kita perkenalkan, namun akhirnya ketinggian kualiti modal insanlah yang menjadi penentu sama ada usaha yang telah kita laksanakan selama ini berjaya.

Kita pasti bahawa kita tidak pernah bertolak ansur terhadap sebarang rupa bentuk yang boleh ditafsirkan sebagai lemah, tidak cekap, penyelewengan, rasuah, berlaku ketirisan dan seumpamanya kerana ianya boleh menjejaskan imej kerajaan. Misalnya prosedur usang yang memberi peluang kepada penyelewengan atau kelakuan anggota yang bertentangan dengan prinsip moral dan etika serta keengganan mengambil tindakan

tatatertib terhadap anggota yang melanggar peraturan, lebih-lebih lagi bagi mereka yang sentiasa berhadapan dengan orang awam.

Justeru kita semua kakitangan kerajaan serta siapa atau pihak mana jua yang terlibat dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan wajiblah memahami, menghayati serta mengamalkan apa-apa yang telah digubal sebagai panduan. Marilah kita sama-sama berusaha meningkatkan integriti diri dan menghayati kehendak-kehendak dan tindakan pelaksanaan yang telah terkandung di dalam pelan integriti nasional yang akhirnya disasarkan ke arah melengkapkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya begitu yakin dan percaya bahawa Rancangan Malaysia Kesembilan akan berjaya jika semua kakitangan kerajaan atau pihak-pihak yang lain yang terlibat mempunyai integriti yang tinggi serta kecekapan dalam pengurusan masing-masing. Dengan mempunyai integriti yang tinggi dan kecekapan pengurusan tersebut, sistem penyampaian kerajaan menjadi berkesan dan licin dan seterusnya akan menjayakan semua projek-projek dan aktiviti-aktiviti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Dengan itu, marilah kita sama-sama menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan ke arah membawa negara, membawa bangsa dan agama kita ke arah yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Dengan kata-kata itu saya menyokong sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tawau.

3.21 ptg.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk menyokong usul pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan. Rancangan Malaysia Kesembilan merupakan suatu pelan yang gagah dan mulia dengan lebih tepat eloklah ianya digelar misi nasional yang merangkumi segala lingkungan dan aspek kemanusiaan yang jelas membawa manfaat kepada semua sektor dan setiap rakyat tanpa mengira bangsa atau etnik keturunan. Pelan Rancangan Malaysia Kesembilan ini juga menandakan penyertaan fasa kedua pelan 30 tahun kita ke arah negara maju menjelang 2020. Justeru itu kita perlu dari sekarang melaksanakan pelan ini semaksimum yang mungkin dengan menepati jadual yang telah dilakarkan kerajaan.

Hal ini adalah sangat penting jika kita hendak letakkan asas atau dengan izin, *foundation* untuk melaksanakan pelan suku akhir dan terakhir bagi mencapai misi 2020. Oleh yang demikian, kita mesti pastikan Rancangan Malaysia Kesembilan dilaksanakan dengan efektif dan menepati jadual dan masa yang dirancang. Jika kita benarkan pelaksanaan program-program dan projek-projek di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, menerima nasib yang sama dengan kejadian yang menimpa rancangan Malaysia yang terdahulu di mana projek dan program kerajaan dibiarkan terbengkalai atau lambat disiapkan atau sebab ketidakcekapan dari segi pelaksanaan dan lain-lain kekurangan maka Wawasan 2020 berada dalam keadaan terancam memandangkan *backlog* dan kesesakan pelaksanaan pelan-pelan kerajaan sudah tentunya akan membantutkan kemajuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, apa jua pelan macam mana menarik dan mulia sekalipun akan hanya dilihatkan cantik di atas kertas sahaja dan objektif dan niat murni kerajaan akan menjadi sia-sia belaka jika Rancangan Malaysia Kesembilan gagal dilaksanakan secara efektif dan cekap. Kami mesti...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tawau. Apabila kita hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri begitu murni, begitu besar sebagai amanah, sebagai pemimpin khalifah, setuju tidak kalau di peringkat daerah kita perlu juga badan pemantau peringkat daerah jajahan, kerana kita tengok di peringkat pusat ialah badan bertindak pelaksana negara, Perdana

Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kabinet untuk menjaga memastikan projek-projek itu berjalan Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak ada dalam Rancangan Malaysia Kelapan jawatankuasa ini. Maka setuju tidak peringkat jajahan, daerah, kita wujudkan pemantau ini pengurusinya ialah bagi mandat kepada Parlimen bukan kita hendak ambil tanggungjawab besar ini tetapi kerana kita hendak supaya pastikan benda itu berjaya. Setuju tidak? Terima kasih.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih, saya setuju sekali kerana ini *committee* pemantauan telah diwujudkan di peringkat pusat dan ia akan dilaksanakan di peringkat umbi, *you know filtered down* ke akar umbi, terima kasih. Kita mesti mempunyai dengan izin, *good planners and good executioners*. Mereka ini mestilah komited dan berdedikasi dalam merealisasikan misi nasional ini kerana kejayaan Rancangan Malaysia Kesembilan bergantung pada etika dan budaya kerja dan pengorbanan secara sukarela oleh semua pihak maka faktor kemanusiaan atau sumber manusia memainkan peranan yang utama dalam kejayaan atau kegagalan Rancangan Malaysia Kesembilan. Kita mesti memperbaiki sistem penyampaian awam yang sering menerima kritikan umum dan mengurangkan kerenah birokrasi.

Memandangkan hal-hal sebeginilah yang menjadi penghalang bagi pelaksanaan projek-projek kerajaan. Peranan pelaksana adalah untuk memudahkan pelaksanaan bukannya menyukarkan pelaksanaan. Dengan izin, *to facilitate and not to frustrate*. *Millennium* ini menuntut rakyat mengubah cara berfikir maka kita seharusnya memupuk suatu budaya yang berusaha mencapai ke arah keunggulan dan budaya *result orientated*. *Impact* globalisasi dan kemunculan era teknologi ICT telah mengubah persada antarabangsa dan mereka yang tidak sedar atau acuh tidak acuh dan tidak berusaha untuk menaiktarafkan tahap persaingan akan ketinggalan dalam kemaraan arus globalisasi.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang prihatin kerana telah meletakkan penekanan khusus dalam mengimbangi pembangunan daerah dengan membantu negeri-negeri yang miskin. Rancangan Malaysia Kesembilan telah memperuntukkan sebanyak RM15.7 bilion untuk Sabah. Walau bagaimanapun, dalam titah memfokuskan pembangunan Sabah dalam masa lima tahun yang akan datang ini adalah menjadi tanggungjawab saya selaku wakil dari Sabah memperdengarkan beberapa perkara berkenaan kedudukan serta situasi sebenar di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah adalah merupakan negeri yang termiskin di Malaysia dan mempunyai rakyat yang boleh dikategorikan sebagai mengalami kemiskinan tegar atau *hard core poor*. Walaupun Sabah memperoleh peruntukan yang tertinggi secara berterusan daripada kerajaan pusat setiap tahun namun jurang sosioekonominya jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia adalah amat lebar sekali. Punca utama adalah apabila Sabah memperoleh kemerdekaannya pada tahun 1963 semasa turut serta membentuk Malaysia.

Sabah memang sudah 20-30 tahun ketinggalan jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia yang sudah boleh dikatakan agak jauh lebih maju jika dibandingkan dengan negeri Sabah. Di kawasan pedalaman, kekurangan kemudahan infrastruktur, bekalan air minum yang bersih, bekalan elektrik, klinik-klinik kesihatan dan sekolah masih daif. Kesemua faktor ini telah menyumbang ke arah kadar kemiskinan yang tinggi bagi negeri Sabah. Malahan di bandar-bandar besar di Sabah pun bekalan air bersih dan elektrik terputus sudah menjadi perkara biasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Mesyuarat]**

Sejak beberapa dekad kebelakangan ini, ramai rakyat Sabah telah pun berhijrah ke Semenanjung Malaysia untuk mencari punca pendapatan dan peluang-peluang pekerjaan yang lebih menarik. Majoriti anak muda dari Sabah tidak pulang ke Sabah kerana kekurangan peluang pekerjaan dalam bidang yang telah mereka pelajari di universiti-universiti. Oleh sebab itu, Sabah sedang mengalami suatu situasi kekurangan tenaga mahir dengan izin, *Sabah is suffering from a serious brain drain*. Keadaan ini akan berterusan kecuali ekonomi di Sabah diaktifkan dan dipertingkatkan. Jurang ekonomi di antara Sabah

dan Semenanjung Malaysia akan terus menjadi lebar kecuali suatu pelan tindakan dirangka oleh kerajaan dalam RMK-9 ini dan RMK yang akan datang.

Kerajaan persekutuan disarankan agar mengadakan program-program khas untuk Sabah bagi jangka masa 15 tahun yang akan datang supaya Sabah dapat seiring mengejar aspirasi 2020 agar ia dan lain-lain negeri dapat menjadi sebuah negara maju. Adalah agak melucukan sekiranya lain-lain negeri di Malaysia memperolehi status negeri maju menjelang 2020 sedangkan Sabah masih miskin, ketinggalan dan tidak mencapai kemajuan setanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Tentunya sekiranya jurang ekonomi antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak dirapatkan, ia akan dapat mempertingkatkan perpaduan dan integrasi serantau antara kita. Maka kerajaan mestilah mengambil langkah dan inisiatif untuk membantu Sabah mempercepatkan proses kemajuannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi topik hangat yang bakal diutarakan di Dewan yang mulia ini oleh kebanyakan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sabah adalah berkenaan kehadiran pendatang tanpa izin. Masalah ini sudah menjadi seperti satu wabak dan duri dalam daging, *thorn in the flesh*, dengan izin. Untuk negeri Sabah, selama 30 tahun kehadiran berterusan pendatang tanpa izin telah menggugat dan akan terus menggugat keselamatan dalam negeri Sabah. Walaupun dua operasi bersepadu iaitu OPS Nyah I dan OPS Nyah II telah dijalankan oleh kerajaan beberapa tahun yang lepas, namun jumlah kehadiran pendatang tanpa izin ini kian meningkat di mana anggaran terkini adalah lebih kurang 400 ribu.

Salah satu masalah yang bercambah atau "bayi" produk dari kehadiran pendatang tanpa izin ini adalah *the stateless children*, anak-anak pendatang yang tidak mempunyai warganegara yang berkeliaran di pekan-pekan Sabah. Ada yang telah dikumpulkan dan ditempatkan di pusat pertahanan sementara menunggu pengesahan identiti dan kewarganegaraan diri dan ada juga yang menunggu dituntut oleh ibu bapa mereka. Anak-anak ini adalah hasil daripada pendatang tanpa izin yang memegang kad-kad IMM13 secara haram atau palsu. Ada pula anak-anak ini yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka begitu sahaja di mana ibu-ibu bapa ini telah pun dihantar pulang ke negara asal mereka. Ketika perkara ini mula-mula muncul dulu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Tawau. Saya terpanggil berdiri kerana sentuh tempat penempatan PTI di negeri Sabah ini, sabar Bandar Kuching. Saya baru-baru ini berjumpa dengan orang yang telah melawat kepada tempat-tempat ini pada minggu yang lepas dan saya bagi fahaman bahawa kebanyakan yang ditahan itu telah pun berada pada tempat penempatan itu beberapa tahun, ada yang 5 tahun, belum dihantar balik. Ini tidak ada satu penyelarasan antara jabatan-jabatan atau pihak-pihak yang berkuasa termasuklah Jabatan Imigresen, polis, Jabatan Penjara, Jabatan Dalam Negeri.

Dan soal yang aneh sekali adalah pihak-pihak urusan ini tidak ada keselarasan bila akan orang-orang tahanan dihantar balik. Maka ada yang bercadang untuk suka bahawa ada ramai orang yang ditangkap itu berada di situ supaya ada kegiatan perniagaan seperti *supply* membekal makanan dan sebagainya. Jadi apa pendapat Yang Berhormat, adakah kerajaan ini tidak ada satu sistem supaya mereka ini dihantar balik ataupun dibicarakan kalau ada terbabit dengan kesalahan. Minta penjelasan.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Putatan, saya setuju pandangan Yang Berhormat. *If you bear with me* nanti saya ada satu cadangan yang boleh menjawab penjelasan Yang Berhormat bagi Putatan. Saya sambung ya. Ketika perkara ini mula-mula muncul dulu, kita terlepas pandang dan tidak menanganinya. Sekarang ia telah menimbulkan masalah sosial yang amat serius di Sabah. Lagi satu yang menghantui Sabah adalah berhubung pertumbuhan populasi yang agak luar biasa pada 80-an dan 90-

an, di mana pertumbuhan populasi Sabah telah meningkat lebih kurang 4 kali ganda secara mendadak.

Umum di Sabah menyedari punca ini datang dari kehadiran pendatang tanpa izin ini yang memegang kad IMM13 yang palsu. Manakala kad pengenalan sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Sabah pula disokong oleh dokumen-dokumen pengesahan diri yang palsu. Malahan telah dilaporkan secara meluas bahawa terdapat orang-orang asing di Sabah yang memegang kad pengenalan palsu dan kad IMM13 didakwa di mahkamah. Pusat mencetak kad pengenalan palsu juga telah dibongkar.

Sindiket pemalsuan kad pengenalan juga telah ditumpaskan dan didakwa di mahkamah. Tidak kurang juga yang telah ditahan di bawah ISA. Paling serius mereka yang memegang kad pengenalan palsu telah pun terlepas mengundi pilihan raya. Malahan ketika saya memegang jawatan kaunselor di Majlis Perbandaran Tawau pada tahun 1995 seorang kaunselor Tuan Yang di-Pertua, yang duduk di bersebelahan dengan saya telah dipenjarakan kerana memiliki kad pengenalan palsu. Persoalannya, bagaimanakah perkara ini terlepas pandang oleh pihak berkuasa sehinggakan beliau ini boleh menjadi kaunselor di Majlis Perbandaran Tawau? Beginilah seriusnya masalah ini. Saya tidak akan berasa terperanjat sekiranya suatu hari nanti pendatang-pendatang haram ini dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri mahupun duduk sebaris bersama kita sebagai salah seorang Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sentimen penduduk tempatan amat tinggi berkenaan hal kebanyakan pendatang tanpa izin ini yang latar belakangnya diragui dan di sangsi. Salah satu sebab mengapa penduduk di Kampung Ma'ang di Sabah menentang pemindahan setingan dari Kampung Sri Tanjung ke kampung mereka ketika Lapangan Terbang Kota Kinabalu dibesarkan adalah kerana penduduk tempatan gusar dan gelisah akan latar belakang mereka ini yang sering menimbulkan tanda tanya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tawau. Saya ingin tanya Yang Berhormat bagi Tawau, dalam Jabatan Pendaftaran bukan sahaja di Sabah Sarawak tetapi di Semenanjung juga ada macam-macam kerenah di mana ramai yang dulunya memegang kad pengenalan merah itu tidak diberi kad pengenalan biru walaupun sudah 20 tahun, 25 tahun memohon. Dan ada juga permohonan-permohonan di mana butiran-butiran seperti agama boleh di salah tulis. Dan apabila berlaku kesalahan-kesalahan dari segi nama, dari segi ejaan dan dari segi agama sendiri, maka ini boleh menyebabkan pelbagai kekeliruan dan juga masalah kepada si pemegang kad pengenalan itu.

Apakah cadangan dan pandangan Yang Berhormat bagi Tawau terhadap masalah ini yang menyebabkan pelbagai isu dan bila masalah itu dibawa kembali kepada jabatan berkenaan untuk diperbetulkan mereka terpaksa balik ke sana tujuh lapan kali itu pun belum selesai lagi. Ini menyebabkan rakyat teraniaya dan rakyat menghadapi pelbagai masalah. Bolehkah kita cadangkan satu jenis mekanisme atau tindakan terhadap jabatan ini yang membuat macam-macam kerenah dan menyusahkan rakyat. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Tawau?

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Itu yang tadi saya sebut kita harus mempertingkatkan *delivery system* kerana ini adalah sebahagian *delivery system* yang agak lemah di negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Sedikit lagi. Wakil-wakil dari Sabah selaku Ahli Parlimen di Dewan ini telah jemu dan telah berkali-kali membangkitkan dan membahaskan permasalahan pendatang-pendatang haram di Sabah ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini telah didokumenkan, cuba lihat *Hansard* Parlimen. Buku

berkenaan pun telah ditulis dan diterbitkan. Memorandum demi memorandum juga telah kami serahkan kepada pihak-pihak yang berwajib dan bukti-bukti kukuh juga telah diserahkan kepada mahkamah. Jadi adalah tidak keterlaluan jika saya suarakan di sini bahawasanya rakyat Sabah berasa amat kecewa sekali. Walaupun segala usaha telah kami lakukan masalah pendatang-pendatang tanpa izin ini masih belum selesai seolah-olah tiada jalan penyelesaian dari kerajaan. Nampaknya Ahli-ahli Parlimen yang mewakili Sabah akan terpaksa terus menerus mengutarakan hal yang sama ini di dalam Dewan yang mulia ini sehingga tahun 2020.

Cuba lihat jiran terdekat kami, Sarawak. Wakil-wakil dari Sarawak tidak membangkitkan hal serupa kami ini sebab itulah Sarawak jauh lebih maju dari Sabah dan sebahagian negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, sedangkan Sabah memiliki kemerdekaan seiring dengan Sarawak ini. Sarawak dapat membangun maju tanpa sebarang gangguan, *no distraction*. Kedudukan Sabah ini, nampaknya kami terpaksa mengejar negeri-negeri lain dari belakang untuk merapatkan jurang ekonomi dan kemiskinan di antara wilayah...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Sekali lagi hendak menyokong tadi, fasal Sabah dengan Sarawak saya sokong sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tawau dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Apabila disebut Sabah dengan Sarawak, Sarawak lebih maju saya rasa sedih sebab dia kata Sabah akan ikut negeri lain kemajuannya.

Sebenarnya saya, Kelantan dok ikut negeri lainnya yang akhirnya sekali sebab Kelantan satu sahaja Parti Pembangkang, lain-lain semua sudah. Boleh katakan setuju atau tidak kalau kita katakan Sabah Sarawak ini sudah lebih maju, satu-satu aspek daripada Semenanjung walaupun soal air, soal api itu, itu memang kerajaan pasti buatlah. Jadi bagi saya, saya hendak supaya seimbangkan pembangunan ini biar seadil-adilnya supaya sampai kepada semua negeri kewajipan kerajaan hak wajibnya ialah air dan api. Hak ini tidak boleh lari dan kemiskinan tegar ini kita hapuskan. Sebab itu saya cadang tadi satu jawatankuasa di peringkat daerah ini biar Parlimen tengok sendiri dengan 'mata lendir' dia laporkan ke dalam Dewan ini. Setuju atau tidak?

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Setuju. Jawapan pendek dari saya adalah *we are in the same boat*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Hah? Sedikit lagi saya gulung. Saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Bukan sahaja terpaksa mengejar, kami di Sabah terpaksa pula menggelek atau mengendong beban hal pendatang haram ini. Hal ini membuatkan kami tidak dapat bergerak ke hadapan dengan lancar. Dalam kes Sabah ini *slow and steady will not win the race* dan tidak sesuai untuk di samakan dengan kisah sang arnab dan si kura-kura, *the rabbit and the tortoise race*. Ini kerana agenda nasional ada jadualnya iaitu pada 2020 Sabah mesti menjadi sebahagian daripada negara Malaysia yang maju. Tinggal 14 tahun sahaja. Habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Habis?

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Sedikit lagi... [*Ketawa*] *One more paragraph*. Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya pohon mencadangkan kepada kerajaan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan, *Commission of Inquiry* untuk mengkaji dan mengemukakan cadangan-cadangan bernas bagaimana masalah ini boleh diselesaikan memandangkan ia melibatkan aspek keselamatan dan kedaulatan negara kita.

Memandangkan kerajaan telah menubuhkan suatu suruhanjaya siasatan untuk menyiasat kes ketuk ketampi seorang tahanan tahun lepas, maka saya tidak nampak sebab mengapa suruhanjaya yang sedemikian tidak boleh ditubuhkan untuk menyiasat hal ini memandangkan terdapat beribu-ribu pendatang asing tanpa izin yang latar belakangnya pun kita tidak tahu, hidup senang, tenang di kalangan rakyat Sabah. Dengan itu saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Kuala Krau.

3.51 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirahim*. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan pada 31 Mac 2006 yang lalu dan telah mendapat sokongan yang cukup padu dan iltizam daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk melaksanakan, untuk memastikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan mencapai menjayakan sepenuhnya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan negara bersama-sama kerajaan ke arah menjadi negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan juga berdaya saing. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah memberi amaran kepada ahli politik dan juga kakitangan kerajaan iaitu berhenti jika tidak mampu.

Pemimpin politik seharusnya sentiasa memainkan peranan dengan menunjukkan Kepimpinan Melalui Teladan manakala kakitangan kerajaan melaksanakan projek pembangunan dengan bersungguh-sungguh dan baru-baru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi amaran supaya kakitangan kerajaan janganlah menjadi *little Napoleon*.

Saya menyokong penuh dengan penubuhan dua badan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu Badan Bertindak Pelaksanaan Negara yang memantau projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga yang keduanya memantau program masyarakat, perdagangan dan juga perindustrian bumiputera generasi baru. Cuma pertanyaan saya dan saya ingin tahu adakah kedua-dua badan ini akan turut dilaksanakan di peringkat negeri dan juga di peringkat daerah dan adakah Ahli-ahli Parlimen diberikan peluang menduduki kedua-dua badan ini bagi memantau pelaksanaan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya ingin pergi kepada topik yang pertama iaitu dalam teras ketiga iaitu membasmi kemiskinan tegar. Pembasmian kemiskinan wajib dijadikan sasaran utama dalam usaha besar menangani ketidakseimbangan pencapaian sosioekonomi negara yang kukuh, perpaduan dan kestabilan negara dikekalkan dan ekonomi negara terus dibangunkan.

Baru-baru Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah mengisytiharkan memerangi atau membasmi kemiskinan adalah suatu jihad kepada kita seluruh rakyat Malaysia. Saya percaya bahawa saya menyambut baik langkah kerajaan untuk mengkaji semula ukuran pendapatan garis kemiskinan iaitu PGK yang telah diperkenalkan pada tahun 1977 yang mana keadaan sosioekonomi telah banyak berubah setelah 30 tahun PGK tersebut telah dilaksanakan. PGK baru iaitu pendapatan garis kemiskinan yang baru telah diwujudkan pada tahun 2004 di mana miskin adalah 5.7%, miskin tegar adalah 1.2% dan saya percaya bahawa Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang telah menjadi urus setia membasmi kemiskinan tegar ini mempunyai perancangan atau mempunyai *database* bilangan berapakah penduduk di dalam negara kita yang dikatakan miskin dan berapakah bilangan penduduk kita yang dikatakan miskin tegar supaya arahan atau wawasan kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar ini pada tahun 2010 mencapai matlamatnya.

Saya percaya di dalam kita untuk menghapuskan kemiskinan tegar kita memerlukan penglibatan semua pihak sama ada badan politik, kerajaan dan juga pihak swasta. Saya yakin sasaran untuk membasmi kemiskinan tegar ini akan dapat dicapai lebih awal lagi jika kita mempunyai suatu jawatankuasa bersepadu di antara kementerian-kementerian yang

ada di dalam kerajaan kita pada hari ini. Contohnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di mana suatu skim FELCRA yang telah kita perkenalkan begitu lama dan kita menjadi bukti FELCRA ini telah berjaya membantu bagi masyarakat luar bandar sama ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekejap ya..sama ada di dalam membuka kawasan-kawasan yang baru atau dalam bentuk memberikan saham dan juga mengenal pasti tanah-tanah terbiar di kawasan luar bandar iaitu di kampung khususnya tanah-tanah orang Melayu.

Kita lihat bagaimana yang telah didedahkan oleh Amanah Raya Berhad yang mana orang Melayu telah mengalami kerugian sejumlah RM38 bilion dalam bentuk cairan kalau kita menjayakan tanah-tanah rizab orang Melayu yang menjadi pertikaian atau kes-kes yang belum diselesaikan di peringkat perbicaraan harta pusaka. Ini melibatkan lebih daripada 900,000 hak orang Melayu yang masih lagi belum diselesaikan dan saya menyeru kepada pihak kerajaan untuk mengenal pasti apakah masalah-masalah yang menyebabkan tanah-tanah orang Melayu dan juga harta-harta pusaka ini tidak dapat diselesaikan dengan segera.

Yang saya lihat dan yang telah saya kenal pasti bahawa begitu kurangnya Pegawai-pegawai Pusaka di peringkat daerah-daerah yang dapat menyelesaikan dengan segera perbicaraan harta pusaka dan akhirnya kerugian yang dialami orang Melayu dan juga masyarakat luar bandar.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Cameron Highlands bangun.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Silakan Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Saya terpanggil untuk berbicara sedikit mengenai kemiskinan tegar yang diperkatakan tadi. Mengikut pengalaman kita di peringkat kawasan yang kita wakili, kita dapati bahawa kemiskinan tegar itu terdapat di kalangan golongan-golongan kampung tradisional dan penduduk di sana dan juga di kalangan Orang Asli dan juga di kalangan golongan-golongan yang berada di estet, ladang dan di pinggiran kawasan-kawasan luar bandar.

Maka saya ingin tanya rancangan yang sedia ada dalam RMK-9 untuk membantu mengatasi masalah ini adalah dari segi fizikal iaitu pemberian projek-projek fizikal untuk mengatasi masalah kemiskinan ini. Saya rasa salah satu perkara yang perlu diberikan perhatian yang tidak ada fokus di Rancangan Malaysia Kesembilan adalah pembangunan modal insan kepada golongan-golongan yang berada dalam tahap kemiskinan tegar kerana apa juga bantuan yang bakal diberi dan telah diberi, gagal mencapai sasarannya.

Saya rasa salah satu masalahnya adalah minda golongan-golongan ini. Keupayaan mereka dari segi psikososial maka saya minta pandangan Yang Berhormat apakah rancangan yang boleh dibuat di RMK-9 untuk mengatasi ini? Sampai sekarang saya rasa saya tidak ternampak pembangunan modal insan disasarkan kepada golongan ini tetapi dilebihkan kepada golongan yang boleh membaca dan terpelajar dan golongan bandar. Minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Cameron Highlands. Sebenarnya saya akan juga menjurus kepada perubahan minda bagi masyarakat yang mengalami masalah miskin dan juga kemiskinan tegar.

Saya bersetuju bahawa kalaulah kita kerajaan memberikan peruntukan yang begitu besar sekali kepada golongan-golongan miskin dan miskin tegar ini tetapi kalau tidak ada perubahan sikap, perubahan minda dan kesedaran, jati diri masyarakat luar bandar maka berapa pun peruntukan yang kita berikan kepada golongan-golongan tersebut tidak akan berjaya.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Amat Berhormat, Setiu.

Tuan Mohd. Yusop bin Majid [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkait dengan kemiskinan tegar, saya melihat suatu kejayaan yang telah dicapai oleh pihak kerajaan apabila hendak membuat *resettlement* kepada peneroka di FELDA-FELDA dan hari ini kita telah melihat bagaimana FELDA itu telah menghapuskan kemiskinan tegar kepada peneroka-peneroka pada suatu ketika dahulu.

Saya percaya pada masa ini banyak tanah-tanah FELDA di Sabah, saya percaya di Semenanjung, khususnya di kawasan saya yang telah diserahkan oleh Pejabat Tanah Daerah kepada FELDA tetapi tidak ditempatkan yang mana pada tujuan asalnya adalah untuk ditempatkan peneroka-peneroka. Kalau kita juga melihat kepada penempatan yang ada sistem, penempatan PPRT dan hari ini saya telah melihat di kawasan saya penempatan yang dalam bentuk sistematik ini telah berjaya menghapuskan kemiskinan tegar dari segi pendapatan, dari segi cara hidup mereka. Sampai di rumah mereka pun ada TV, *Astro*, *ada kereta* dan sebagainya. Saya percaya penempatan-penempatan semula ini adalah sangat-sangat diperlukan untuk membasmi kemiskinan tegar. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kuala Krau?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Setiu, saya pun akan pergi ke arah membincangkan mengenai kejayaan FELDA di dalam membasmi kemiskinan dan juga kemiskinan tegar. Saya menyebut tentang kejayaan kerajaan memajukan, membangunkan orang-orang bumiputera dan juga orang kampung melalui sistem FELCRA.

Yang pertamanya mengenai sistem saham, yang kedua selain daripada memberi sistem saham kepada peserta-peserta, FELCRA juga menyediakan rumah-rumah kepada peserta-peserta FELCRA sebagaimana yang telah diwujudkan perumahan Sri Makmur di kawasan saya di Kuala Krau...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekejap saya habiskan ayat ini. Di mana telah memberikan atau berjaya mengeluarkan masyarakat luar bandar daripada kepompong atau golongan yang dikatakan golongan miskin dan juta miskin tegar. Yang ketiganya, selain daripada sistem saham perumahan kepada orang-orang miskin melalui saham FELCRA juga tentang membangunkan tanah-tanah terbiar yang telah saya sebutkan tadi. Sila, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Kuala Krau. Saya ingin berkongsi pendapat soal tanah kepunyaan bumiputera. Di Sabah kita mempunyai tanah yang tidak mempunyai geran, tidak mempunyai dokumen yang dikatakan *NCR rent*, dengan izin, ataupun tanah hak asasi bumiputera. Yang tidak ada dokumen, yang tidak ada diguna pakai untuk pinjam kolateral dan sebagainya.

Jadi, adakah sahabat saya dari Kuala Krau bersetuju agar kerajaan memberi peruntukan khas untuk menyukat semua tanah-tanah hak asasi bumiputera di Sabah dan Sarawak ini supaya mereka ini mendapat dokumen geran yang boleh didaftarkan di pejabat daerah masing-masing. Adakah Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Krau bersetuju supaya Kerajaan Pusat membantu kerajaan negeri Sabah dan Sarawak ini membangunkan tanah-tanah yang terbiar, terutama sekali tanah kepunyaan bumiputera ini yang tidak ada

keupayaan dan kepakaran untuk membangun tanah masing-masing supaya meningkatkan ekonomi masing-masing dan seterusnya membasmi kemiskinan di negeri-negeri ini.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Putatan. Saya bersetuju bahawa peruntukan atau kerajaan negeri dan juga Kerajaan Pusat perlu membantu bagi menyelesaikan tanah-tanah hak asasi yang masih belum mempunyai dokumen-dokumen atau hak milik kepada masyarakat bumiputera dan juga Sarawak.

Perkara yang kedua, bagi menuntut Kerajaan Pusat untuk membantu kerajaan negeri, sebab itu disebutkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, di mana ada peruntukan yang besar bagi pembukaan atau perwujudan Lembaga Kemajuan Wilayah bagi memajukan tanah-tanah terbiar, memajukan kawasan-kawasan wilayah di negeri Sabah, juga termasuk tanah-tanah adat yang baru-baru ini disebutkan untuk majukan di Sabah dan juga Sarawak. Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Krau. Saya bangun mencelah bukan bermaksud untuk berdebat ataupun untuk menguji dan sebagainya tetapi sekadar untuk berkongsi pandangan dan sedikit pengalaman supaya dia dapat dimanfaatkan semua di kalangan kita.

Tadi, saya ke belakang sedikit di mana Yang Berhormat ada menyebut bahawa membasmi kemiskinan itu adalah jihad. Sebagaimana yang diucap oleh Yang Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi. Bagi saya sebenarnya saya melihat bahawa penggunaan perkataan jihad membasmi kemiskinan itu kalau dari segi... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Dia adalah bertepatan. Dari segi *lughowi* ataupun dari segi penggunaan bahasanya 'boleh' iaitu bekerja kuat... *[Disampuk]* Bekerja keras, bekerja kuat atau bekerja keras untuk membasmi kemiskinan tetapi kalau rojak, bukan rojak makan saja. Kalau kita melihat kepada jihad dari segi syarinya bukan begitu maksud. Jihad dari segi syarie iaitu untuk mengembang, untuk mempertahankan, untuk melaksanakan Islam kerana kalau jihad itu di pasang dengan makna membasmi kemiskinan maka para sahabat yang sudah kaya-raya. Mereka kaya raya, kalau hendak cari, hendak masuk Islam hendak kaya raya mereka tidak perlu masuk Islam. Mereka masuk Islam bukan hendak kaya tapi mereka hendak masuk Islam kerana hendak kebenaran.

Jadi, saya rasa kena lihat dari segi itu. Aspek itu mesti beza jangan kita hanya secara umum. Kita bimbang dalam masyarakat kita yang tidak jelas dari segi kefahaman agama ini merasakan bahawa jihad itu ialah membasmi kemiskinan. Kita rasa yang itu. Kalau kita rasa yang itu maka sudah tersilap memahami agama itu sebenar dan akhir sekali kita akan melahirkan generasi yang silap. Bukan salah dari segi *loghowinya*. Dari segi bahasanya kita boleh guna bahawa jihad membasmi kemiskinan itu dari segi bahasanya, tetapi dari segi syarinya kita kena bagi sebenar apakah jihad dari segi syarie. Kalau itu yang digunakan maka Abu Bakar tidak kena masuk Islam. Abdul Rahman bin Auf kerana mereka masuk Islam mereka habis harta mereka. Ertinya bagaimana masuk Islam habis harta? Kerana bukan harta yang mereka, yang pertama bagi mereka itu kebenaran. Masuk Islam itu mereka mencari kebenaran. Walaupun habis harta mereka. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebab kita menyatakan bahawa kita perlu memerangi kemiskinan ini adalah satu perkara yang jihad kerana Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan juga Yang Berhormat bagi Pasir Puteh juga boleh membantu saya. Hadis Rasulullah S.A.W.... *[Membaca sepotong Hadis]* iaitu hampir-hampir kefakiran itu membawa kepada kekufuran. Bermaknanya, orang yang menjadi kefakiran ini kalau terlampau menjadi kefakiran, menjadi susah boleh membawa kepada kekufuran.

Saya kira lebih daripada 50% penduduk di dalam negara kita adalah umat Islam yang mesti kita pertahankan supaya penduduk bumiputera dan juga umat Islam ini tidak menjadi miskin dan juga miskin tegar dan akhirnya apabila kita menjamin rakyat kita

menjadi senang dan dapat menghapuskan kemiskinan tegar ini bahawa kita akan menjauhkan umat Islam menjadi kekufuran. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Saya pergi kepada peranan Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, yang kedua iaitu tentang peranan KEMAS yang selalu mewujudkan kelas-kelas jahitan, masakan, mempertengahan gabungan perkumpulan wanita di dalam membangunkan IKS-IKS dan cadangan kerajaan untuk mewujudkan satu daerah, satu industri. Adalah satu kejayaan atau satu formula atau cara untuk kita memastikan golongan-golongan miskin tegar ini dapat menyertai program-program dijalankan di bawah KEMAS.

Perkara ketiga tentang perumahan rakyat termiskin juga akan juga membantu supaya masyarakat miskin tegar dan miskin ini dapat mempunyai rumah kediaman yang selesa dan saya menyarankan supaya kerajaan memberikan peruntukan yang lebih kepada pembinaan-pembinaan perumahan rakyat termiskin bagi masyarakat luar bandar dan paling tidaknya mempunyai tiga bilik bagi setiap rumah. Tentang kedua iaitu peranan FELDA di dalam membasmi kemiskinan tegar.

Kita melihat kepada kejayaan FELDA setelah 50 tahun di mana perayaan atau sambutan 50 tahun FELDA akan diadakan pada 7 Julai 2006 di mana pembukaan-pembukaan tanah kerajaan begitu besar sekali dilakukan menerusi skim FELDA dan kita nampak bahawa kejayaan-kejayaan yang telah disumbangkan oleh FELDA. Bagi peneroka-peneroka telah dapat mengeluarkan mereka daripada kepompong atau dalam kumpulan miskin dan miskin tegar walaupun di dalam skim tanaman semula FELDA peneroka telah diberikan sara hidup RM750 sebulan walaupun ketika itu tidak ada hasil bagi ladang-ladang mereka. FELDA juga telah memberikan bantuan.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekejap, saya habiskan sekejap. Bantuan untuk memperbaiki rumah bagi peneroka-peneroka FELDA yang susah dan daif sejumlah RM10 ribu tanpa diberikan bayaran dan faedah dikenakan kepada peneroka-peneroka FELDA. Bagi peneroka yang mempunyai keupayaan untuk membuat bayaran semula, FELDA juga mengadakan skim pinjaman untuk membesarkan atau mengubah suai atau membaik pulih sejumlah RM40 ribu dan banyak lagi skim-skim yang telah diberikan kepada FELDA bagi masyarakat luar bandar sama ada bumiputera, kaum India, China dan sebagainya melalui skim Usahawan FELDA di mana diperuntukkan RM50 juta. Latihan kemahiran generasi kedua juga RM50 juta. Silakan Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut statistik yang dinyatakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kita hanya terdapat sehingga 1 Januari 2006 terdapat 68,923 buah keluarga miskin tegar di seluruh negara. Angka ini sebenarnya tidak besar dan pelbagai usaha telah dibuat oleh kerajaan oleh pelbagai agensi untuk menyelesaikan masalah kemiskinan tegar ini.

Apakah pandangan Yang Berhormat kalau kita serahkan sahaja menyelesaikan masalah keluarga miskin tegar ini kepada dua agensi Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu FELDA dan FELCRA ini kerana selama ini pelbagai agensi telah buat tetapi nampaknya masalah miskin tegar ini masih ada dan banyak duplikasi dengan izin dari segi bantuan. Saya mencadangkan kalau boleh masalah keluarga miskin tegar ini diselesaikan oleh FELDA dan FELCRA sama ada mereka yang produktif ataupun tidak produktif. Apakah pandangan Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya sangat setuju sebab itu saya menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah mempunyai peranan yang begitu berjaya dalam membantu masyarakat luar bandar melalui skim FELCRA dan juga menerusi FELDA di mana telah memberikan pembangunan yang cukup baik kepada masyarakat luar bandar.

Saya juga menyeru kepada FELDA dan FELCRA supaya membuka kawasan-kawasan yang baru kepada peneroka peserta FELDA dan FELCRA. Di negeri-negeri lain saya perhatikan bahawa lot-lot kosong FELDA umpamanya di Negeri Sembilan telah beberapa kali telah diisi oleh generasi-generasi kedua tetapi di negeri Pahang nampaknya

masih belum lagi diisi dan saya memohon supaya FELDA dan juga Terengganu kawasan Yang Berhormat bagi Setiu juga saya memohon supaya FELDA dapat menempatkan peserta-peserta baru khususnya bagi generasi kedua masyarakat FELDA.

FELDA, baru-baru ini mewujudkan slogan *Penerokaan Era Baru FELDA*. Saya ingin tahu apakah yang dikatakan slogan *Penerokaan Era Baru FELDA* dan apakah program-program pembangunan selepas 50 tahun hala tuju bagi peserta FELDA sekarang dan juga hala tuju mengenai generasi kedua bagi masyarakat FELDA.

FELDA juga telah mewujudkan bandar-bandar iaitu Bandar FELDA Jaya. Saya juga ingin tahu apakah syarat-syarat tertentu bagi kawasan-kawasan di dalam FELDA untuk mewujudkan Bandar FELDA Jaya kerana pewujudan Bandar FELDA Jaya ini dapat membantu bagi peserta FELDA dan generasi kedua di dalam membuka kawasan-kawasan perniagaan dan juga peluang-peluang pekerjaan bagi generasi kedua agar generasi kedua ini tidak berhijrah ke kawasan bandar.

Saya juga mencadangkan supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini mengenal pasti sasaran sebenarnya dan apakah garis panduan bagi apa yang dikatakan miskin di dalam dan di luar bandar dan juga miskin tegar di dalam dan di luar bandar berdasarkan punca pendapatan dan juga tanggungan yang harus ditanggung oleh ketua rumah tersebut. Sila Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Krau dan Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sama ada setuju atau tidak tiga perkara. Oleh kerana FELDA dan FELCRA ini memang agensi yang cukup baik dari segi *grass roots*, Orang Putih kata, *grass root level*. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua saya hendak belajar bahasa Inggeris. Kerana kita hendak sampai ke akar umbi ini Rancangan Malaysia Kesembilan setuju tak kalau boleh tiga perkara kita tambah. Tadi kita perangi tiga perkara, yang ini kita hendak tambah tiga perkara.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob *mempengerusikan Mesyuarat*)]

Pertamanya ialah cuba kita tambahkan bajet, yang kedua tambahkan *manpower* dan yang ketiga tambahkan fasiliti. Kalau hendak satu lagi ialah tambahkan peralatan canggih kepada FELDA dan FELCRA. Agensi ini boleh buat tetapi saya tengok ia berjumpa saya ia tidak cukup benda-benda ini. Maka kita berilah keutamaan *priority* ataupun *al-aulawiyad* kepada mereka ini. Itu bahasa Arab dengan izin, Tuan Yang di-Pertua yang bererti beri *priority* untuk mereka bergiat membasmi kemiskinan sampai ke akar umbi. Kalau tidak kita bercakap indah daripada khabar. Setuju tak?

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih, sangat setuju Yang Berhormat Pasir Puteh. Kementerian yang ketiga yang boleh memainkan peranan ialah Kementerian Usahawan dan Koperasi menerusi MARA dan juga TEKUN.

Saya menyeru pegawai-pegawai di peringkat daerah ini dapat mengenal pasti dan dapat memberikan pendedahan yang lebih berkesan lagi terhadap usahawan-usahawan yang berada di peringkat daerah. Ini kerana saya perhatikan setelah saya masuk tahun ke tiga, pegawai MARA daerah tidak begitu aktif dalam memainkan peranan memberikan pendedahan dan juga memberikan ceramah-ceramah atau kursus-kursus kepada golongan yang sepatutnya diberikan bantuan.

Saya percaya menerusi skim Pinjaman TEKUN Yang Berhormat bagi Jerlun pun ada di sini selaku Pengerusi akan memberikan banyak peruntukan dan pembiayaan dan saya mohon supaya di kawasan saya Kuala Krau diberikan Pegawai Penolong Pengurus TEKUN bagi memesatkan dan memudahkan lagi peminjam-peminjam untuk membuat pinjaman supaya TEKUN ini akan lebih tekun bekerja.

Yang keempat, Kementerian Belia dan Sukan, iaitu saya mengalu-alukan juga majlis penggalakan ekonomi belia khususnya tentang belia-belia berniaga kerana menerusi Program Belia Niaga kita tahu dahulu program ini sangat berjaya membantu masyarakat dan golongan belia dan juga beliawanis.

Kementerian yang seterusnya iaitu kementerian yang kelima secara bersepadu juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana hasrat kerajaan untuk membangunkan atau membangunkan program yang dikatakan program Pertanian Baru.

Saya ingin tahu apakah pendekatan, apakah yang dikatakan pertanian baru yang hendak disebut, yang hendak dilaksanakan oleh kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Di bawah kementerian ini, telah diperuntukkan sejumlah RM11.4 bilion untuk melakukan beberapa program pertanian. Di antaranya program penyatuan dan pemulihan tanah iaitu seluas 100 ribu hektar tanah akan ditanam semula dengan kelapa sawit dan juga getah. Saya percaya program ini akan dapat membantu pendapatan masyarakat luar bandar, petani dan juga pekebun-pekebun kecil.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya habis pertanian sekejap, ya. Seterusnya menerusi program ini juga akan menambah kawasan pembangunan secara berkelompok bagi industri minyak sawit, lembah ternakan, lembah buah-buahan dan beberapa lembah lagi yang akan diwujudkan di bawah industri asas tani ini. Bagi masyarakat luar bandar dan juga di bandar di mana di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, selepas pembukaan kawasan-kawasan yang baru dipercayai 128 ribu peluang-peluang pekerjaan baru akan diwujudkan.

Saya menyeru supaya setelah kita mendapat *database* siapakah yang dikatakan miskin, siapakah yang dikatakan miskin tegar ini dapat diberikan keutamaan untuk mereka mendapatkan peluang-peluang pekerjaan termasuk kita mengurangkan kadar jumlah pekerja asing yang sejumlah 1.8 juta pekerja asing yang ada di dalam negara kita. 128 ribu ini adalah menerusi peluang-peluang pembukaan dan pembangunan bagi tanah-tanah pertanian. Sila Yang Berhormat...

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: ...Padang Terap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Saya hendak ke belakang sedikit Yang Berhormat bagi Kuala Krau. Saya menunggu ucapan Yang Berhormat bagi Kuala Krau sebagai pemimpin belia sebenarnya. Kita tahu bahawa 40% daripada penduduk negara ini ialah golongan belia. Kalau dihitung daripada kanak-kanak sampai ke umur 40, 60% golongan belia. Jadi, Yang Berhormat bagi Kuala Krau begitu sedikit sahaja bab belia. Kita dapati bahawa Rakan Muda merupakan satu program yang cukup baik, tetapi dari segi peruntukannya amat sedikit. Boleh atau tidak Yang Berhormat bagi Kuala Krau mencadangkan kepada kerajaan supaya memperbanyakkan lagi peruntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan, khususnya untuk program Rakan Muda kerana ia memberi faedah yang cukup baik kepada masyarakat di dalam bandar dan di luar bandar. Kita minta Yang Berhormat bagi Kuala Krau memasukkan perkara ini kepada Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Padang Terap, sebenarnya saya cuba hendak menjadi pemimpin belia di kawasan saya, tetapi nampaknya Pengerusi Belia Daerah di kawasan saya lebih kepada umur 55 tahun, tetapi masih lagi berhasrat ingin memegang Pengerusi Belia Daerah. Sebab itu saya sangat mengalu-alukan supaya Akta Belia ini dapat dibentangkan dan diluluskan dengan segera. Saya juga bersetuju bahawa peruntukan bagi program Rakan Muda ini dapat ditambah supaya selain daripada pembangunan sukan kita juga ingin pembangunan jati diri dan juga ekonomi belia-belia ini dapat kita pertingkatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Seterusnya ke Kementerian Sumber Manusia. Menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan peningkatan peluang-peluang pekerjaan bagi setiap tahun sejumlah 220 ribu pasaran tenaga kerja yang baru, saya juga menyeru supaya Kementerian Sumber Manusia ini juga bekerjasama

dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengenal pasti atau mengambil rekod-rekod bagi golongan miskin dan miskin tegar ini dapat diberikan pekerjaan. Seterusnya difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran juga boleh memainkan peranan yang besar di dalam membasmi atau membantu anak-anak miskin dan juga miskin tegar sebagaimana yang telah dilakukan iaitu pemberian biasiswa, kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Rancangan Makanan Tambahan.

Cuma di dalam Rancangan Makanan Tambahan ini saya memohon supaya kementerian ini dapat menyemak semula jenis makanan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha kantin dan juga pengusaha makanan ini kerana saya nampak bahawa Rancangan Makanan Tambahan ini kadang-kadang roti sekeping dan air sirap segelas. Saya percaya ini tidak memberikan zat-zat yang berguna bagi pelajar-pelajar kita.

Skim Pinjaman Buku Teks hendaklah kita perluaskan kepada semua pelajar tanpa mengira pendapatan dan bantuan-bantuan khas kepada pelajar miskin untuk membuat bayaran Persatuan Ibu Bapa dan Guru, yuran-yuran sekolah mestilah diberikan kepada pelajar miskin dan juga miskin tegar. Dan, saya menyeru, memohon mencadangkan supaya Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini diberikan peruntukan khas bagi sekolah kebangsaan sekurang-kurangnya RM20 ribu setahun dan juga bagi sekolah menengah kebangsaan sekurang-kurangnya RM50 ribu setahun tanpa memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana banyak aktiviti di bawah Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini dapat dijalankan.

Kerajaan negeri juga boleh memainkan peranan menerusi agensi-agensi di bawah kerajaan negeri bagi mengenal pasti membantu seperti di negeri Pahang, Yayasan Pahang yang telah mengenal pasti masyarakat miskin dan miskin tegar diberikan bantuan secara bulanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Baru satu *point*, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon meninggikan masa lebih kurang 10 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, sudah tidak boleh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya hendak sebut tentang teras yang pertama iaitu meningkatkan nilai ditambah dalam ekonomi negara iaitu saya fokuskan sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pendapatan di dalam industri pelancongan. Pendapatan daripada industri pelancongan meningkat hampir dua kali ganda antara tahun 2001 hingga 2005 dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meminta semua kerajaan-kerajaan negeri mempertingkatkan kemudahan asas di pusat-pusat pelancongan dengan hasrat menjadikan Malaysia antara destinasi pelancongan utama dunia dan meningkatkan pelancongan domestik.

Baru-baru ini Kementerian Pelancongan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang telah mengadakan Pesta Air di Kuantan, Pahang dan pesta air tersebut sangat berjaya kerana ia telah menarik hampir 200 ribu penduduk tempatan dan juga warga asing. Ada yang menyaksikan pertunjukan kebudayaan dan juga bot-bot hiasan yang turut dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang di-Pertuan Agong, Ke-Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:Kementerian....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kementerian Pelancongan telah memohon sejumlah RM59,550,000 untuk tujuan peningkatan kemudahan pelancongan bagi negeri Pahang. Negeri Pahang begitu banyak sekali pusat-pusat pelancongan seperti Pulau Tioman, Cameron Highlands, Genting Highlands, Gunung

Senyum dan sebagainya. Manakala di kawasan Parlimen Kuala Krau juga mempunyai pusat pelancongan seperti Hutan Lipur, Gunung Senyum yang mempunyai dua gunung iaitu Gunung Senyum dan Gunung Jebak Puyoh yang mempunyai 19 buah gua pusat pembiakan seladang dan juga rusa di kawasan Jenderak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:Air Terjun Latar Manau. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Program Homestay* dan juga di Desa Murni Kedau dan Jengka 25. Saya mohon supaya pihak swasta juga memainkan peranan yang proaktif di dalam membangunkan pusat-pusat pelancongan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tidak payahlah panjang sangat. Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sudah hendak habis sudah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Habiskan.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:Seperti hotel-hotel, mass media sama ada media cetak, media elektronik seperti RTM yang telah banyak mewujudkan rancangan-rancangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak dengarkah? Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...Produk..., sudah hendak habis sudah ini. Satu paragraf sahaja sudah hendak habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Satu *paragraph*, satu muka Yang Berhormat, panjang itu Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sedikit sahaja, hendak habis ayat ini, Tuan Yang di-Pertua. Iaitu rancangan mempromosi produk-produk pelancongan juga TV3 yang telah menjalankan atau menyiarkan program *Jom Jalan-jalan* atau *Jalan-jalan Cari Makan* yang telah banyak membantu kerajaan, Kementerian Pelancongan dan saya menyeru supaya program ini dapat dipertingkatkan dari masa ke semasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan.

4.30 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahas Rancangan Malaysia Kesembilan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri kita pada 31 Mac 2006. Rancangan Malaysia Kesembilan memang pada umumnya suatu perancangan yang dapat diterima oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia, khususnya pelaksanaan lima teras untuk mencapai Misi Nasional 2020.

Di sini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas kelulusan yang diberikan untuk melaksanakan projek Bekalan Air Sandakan Fasa Kedua yang dinanti-nantikan oleh rakyat Sandakan. Oleh sebab kekurangan bekalan air sebanyak lebih kurang 40% dengan air yang tidak terhasil, *non-*

revenue water dengan izin, lebih kurang 60% rakyat Sandakan selama bertahun-tahun kebelakangan ini telah menghadapi bekalan air yang tidak mencukupi dan seterusnya membawa ketidakselesaan dan kerugian kepada komuniti perniagaan dan individu rumah kediaman.

Dengan pengumuman projek Bekalan Air Sandakan Fasa Kedua ini dalam ucapan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya ingin menyeru supaya pelaksanaan projek ini dapat dimulakan dengan segera supaya mutu perkhidmatan bekalan air ini dipertingkatkan untuk mengatasi masalah bekalan air ini secepat mungkin. Selain daripada itu, perhatian dan tindakan segera mesti diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan air yang tidak terhasil atau *non-revenue water* dengan izin, yang mencatat kadar setinggi 60% ini supaya manfaat penambahan bekalan air ini benar-benar dinikmati oleh rakyat jelata.

Saya ingin juga tahu apakah kedudukan terkini tentang masalah hutang bil air yang melebihi RM1.2 bilion kepada tiga buah syarikat konsesi air oleh Kerajaan Negeri Sabah pada satu ketika dan ia mesti diselesaikan dengan secepat mungkin supaya bekalan air yang berterusan terjamin. Selaras dengan dasar pelaksanaan pembangunan wilayah seimbang, infrastruktur asas yang lain juga jauh ketinggalan di Sabah, khususnya di kawasan Sandakan mestilah diberi perhatian yang secukupnya.

Jadi saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya projek pembinaan Jalan Lintas Selatan Fasa Kedua, Jalan Lintas Libaran serta kerja penaiktarafan kilometer 12 ke kilometer 32 Jalan Labuk yang semuanya terletak di sekitar daerah Sandakan ini dapat memulakan kerja pembinaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Ini adalah kerana saya telah diberitahu dalam sesi-sesi Parlimen yang lalu, bahawa kerajaan telah sedar masalah kesesakan lalu lintas di jalan raya yang sedia ada dan keutamaan pelaksanaan pembinaan jalan-jalan tersebut akan diberi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Saya meminta supaya projek-projek jalan ini dapat dilaksanakan secara *priority* dengan izin, untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang kian meningkat. Dengan dana RM4.4 bilion daripada penjimatan subsidi minyak petroleum untuk menaiktarafkan sistem pengangkutan di seluruh negara, saya penuh keyakinan bahawa ketiga-tiga projek ini dapat dilaksanakan cepat dan lancar.

Yang kedua, sejumlah besar peruntukan iaitu RM1.15 bilion telah diagihkan bagi pembangunan pendidikan. Ini adalah suatu pendekatan yang bijak untuk membangunkan modal insan. Pendidikan adalah sangat penting bagi setiap individu sekiranya dia ingin dapat kejayaan dalam era globalisasi ini. Selain daripada bangunan-bangunan sekolah yang mencukupi di lokasi yang sesuai, latihan bilangan guru-guru dalam mata pelajaran berkenaan mesti dijalankan dengan sempurna.

Dalam proses memperkasakan sekolah kebangsaan, saya ingin meminta supaya pembangunan sekolah-sekolah jenis kebangsaan terus diberikan bantuan yang sewajarnya seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita. Sumbangan-sumbangan positif sekolah jenis kebangsaan jelas terbukti selama ini dan ia pun dapat membangunkan modal insan untuk menuju dengan penuh keyakinan ke arah sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak 180 buah sekolah rendah akan dibina tetapi apa yang dikhuatiri oleh pihak berkenaan ialah, berapakah penambahan bilangan SJK(C) ataupun SJK(T) akan dilaksanakan. Bagi SJK(C), bilangan sekolah ini di seluruh negara dalam tahun 70-an adalah lebih daripada 1,300 buah. Apa yang ada sekarang hanya lebih kurang 1,280 buah sahaja tetapi pada masa yang sama, bilangan murid 400,000 orang dalam tahun 70-an telah meningkat kepada 640,000 orang setakat ini.

Ini jelas menunjukkan bahawa kekurangan yang ketara dan kerajaan mesti menambah pembinaan ataupun memindah sekolah kurang murid SJK(C) ini ke tempat-tempat yang sesuai untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin. SJK(C) hanya mendapat 2.7% daripada peruntukan keseluruhan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Mereka telah ternanti-nantikan peruntukan yang lebih dalam Rancangan Malaysia

Kesembilan untuk mengatasi masalah kekurangan guru yang beribu-ribu bilangannya, menaiktarafkan bangunan sekolah yang usang dan kelengkapan yang tidak mencukupi.

Mengikut apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, negara kita mengamalkan dasar pendidikan untuk semua atau *education for all*, dengan izin. SJK(C) adalah sebahagian sistem pendidikan bagi semua dan telah banyak menyumbang mengikut kurikulum pendidikan negara dan membangunkan modal insan. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya peruntukan mengikut nisbah bilangan murid dalam pelbagai aliran sekolah dapat dilaksanakan.

Memandangkan bertambahnya bilangan murid lepasan SPM di Pantai Timur Sabah, adalah sangat sesuai untuk menubuhkan sebuah politeknik di Sandakan supaya lepasan sekolah ini dapat peluang yang mencukupi untuk melanjutkan pelajaran mereka sehingga tahap diploma dan seterusnya dapat dilatih menjadi sumber manusia separuh profesional yang amat diperlukan dalam proses pertumbuhan ekonomi, khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah seperti Sandakan. Keadaan sekarang ialah kebanyakan lepasan sekolah ini melanjutkan pengajian tinggi mereka di luar Sandakan dan selepas tamat kursus, mereka memilih tidak balik ke tempat asal, mengakibatkan sumber manusia yang seharusnya mengganti mereka yang bersara tidak menjadi.

Ini telah membawa kesan negatif ke atas pembangunan ekonomi yang berterusan di kawasan Sandakan. Pembentukan sebuah politeknik di Sandakan akan memberi galakan kepada murid-murid sekolah menengah, khususnya mereka yang di sekitar pusat pengajian tinggi ini supaya bersaing dengan lebih gigih dan meningkatkan tahap mutu pendidikan dan ia juga membawa kebaikan yang menyeluruh kepada pertumbuhan ekonomi yang pada masa sekarang ini terlalu bergantung kepada sektor pertanian. Dengan maklumat yang diberi dalam jawapan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun yang lalu, di mana kerajaan telah meluluskan penubuhan sebuah politeknik di Sandakan, tetapi pelaksanaannya ditangguhkan atas sebab kekurangan peruntukan.

Jadi, saya ingin meminta kerajaan supaya memastikan projek politeknik Sandakan ini dapat disenaraikan semula sebagai projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dan dilaksanakan secepat mungkin.

Yang ketiga, masalah pendatang tanpa izin, PTI di Sabah yang banyak kali dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah khususnya Yang Berhormat Tuaran. Semestinya diselesaikan segera. Tanda-tanda seperti kadar peningkatan bilangan penduduk yang luar biasa di Sabah sebanyak empat kali ganda. Apabila dibanding dengan angka pada tahun 1971 memang membawa perasaan bimbang kepada rakyat Malaysia di Sabah kerana mereka mengesyaki ini ada kaitan dengan isu PTI.

Jawapan-jawapan yang diberi oleh kementerian dalam dewan yang mulia ini hanya secara umumnya menyentuh faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan bilangan penduduk di Sabah. Salah satu langkah-langkah yang diambil untuk memastikan peningkatan bilangan penduduk di Sabah tidak disebabkan faktor-faktor negatif ialah mengawal selia sistem rekod yang terdapat di Jabatan Pendaftaran Negara supaya tidak di cerobohi.

Benarkah ini dengan secara tidak langsung terbukti bahawa pernah ada kelakuan ceroboh sistem ini? Untuk menjelaskan apa jua soal tanya dalam isu kadar peningkatan bilangan penduduk di Sabah yang luar biasa ini. Saya ingin mencadangkan bahawa kerajaan menubuhkan satu Pesuruhjaya Siasatan Diraja untuk mengenal pasti sebab sebenar dan juga memberi secara spesifik maklumat terperinci bagi tahun-tahun yang mempunyai kadar peningkatan melebihi kadar purata biasa.

Hanya dengan pendekatan ini, rakyat Malaysia di Sabah baru dapat gambaran dan penjelasan yang secukupnya tentang isu peningkatan penduduk luar biasa yang dibangkitkan oleh Suhakam Sabah dan banyak di debatkan oleh kumpulan-kumpulan yang berkenaan seperti Persatuan Pengguna Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan ini.

Suatu masalah sampingan PTI ini di Sabah khususnya di kawasan Sandakan ialah kewujudan koloni setinggan yang didiami oleh mereka. Beberapa tempat khusus yang banyak terdapat rumah setinggan ialah kawasan BDC, SEDCO, dan dekat Taman Fuliwa di

Sandakan. Oleh sebab operasi meroboh rumah setinggan dan projek pembangunan di kawasan BDC dan tempat berhampiran, sebahagian rumah haram mereka telah dirobohkan.

Akibatnya mereka mendirikan rumah haram di merata tempat khususnya berdekatan dengan taman-taman perumahan dan juga bandar satelit seperti di jalan-jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi Larut Yang Berhormat, hendak bagi jalan, Larut?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Biar saya habiskan paragraf ini dahulu. Seperti di Jalan Dahlia, Taman Mawar, Bandar Tong Huat, dan sebagainya. Ini telah menyebabkan masalah sosial dan kesihatan serta kecurian bekalan air dan elektrik yang serius. Ini juga membangkitkan masalah kawalan kepada pihak keselamatan kerana merangkumi kawasan yang terlalu luas. Jadi saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya memberi pemantauan yang lebih rapi merobohkan unit-unit setinggan baru dengan secepat mungkin agar ia tidak menjadi kroni yang besar terkeluar daripada kawalan pihak kerajaan. Okey, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Sandakan. Saya hendak tanya kepada Sandakan selepas menang pilihan raya pada 2004, mewakili Bebas. Apakah ada pembangunan di kawasan Sandakan? Atau Yang Berhormat bercadang untuk meyakinkan supaya Yang Berhormat akan kembali kepada Barisan Nasional.

Ini lebih baik daripada Yang Berhormat berseorangan. Saya kadang-kadang sedih juga menengok Yang Berhormat berseorangan dalam memperjuangkan setinggan, masalah pendatang tanpa izin dan sebagainya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Apakah Yang Berhormat sudah memohon untuk memasuki mana-mana parti atau Yang Berhormat merasakan masih lagi, kalau sudah masuk, bila? Saya ingin tahu supaya kita dalam mana-mana parti komponen. Terima kasih.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih Yang Berhormat Larut atas keprihatinan Yang Berhormat. Jadi tentang kedudukan selepas kemenangan di kawasan Sandakan, sebagai seorang calon Bebas memang dari hari yang saya sudah mengambil borang penamaan calon. Saya sudah sebut saya sokong penuh dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Itu pendirian saya dari masa itu dan belum lagi berubah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tanya tadi, parti mana Yang Berhormat? Ada Yang Berhormat mohon belum? Apakah dalam parti Sabah,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi dia peluang jawab Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, sila jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh saya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Seri Gading dia belum beri jalan, Seri Gading. Hendak beri dia jalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Beri jalan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Sandakan. Sebagai Ahli Bebas, Yang Berhormat sebenarnya bebas asal jangan terbabas sudahlah. Kenapa Yang Berhormat selaku ahli Bebas memilih Barisan Nasional sebagai rujukan? Menunjukkan minat kepada Barisan Nasional. Kenapa tidak pilih DAP umpamanya? Apakah Parti DAP memang tidak selaras tidak selari dengan selera Yang Berhormat? Kerana agaknya pada Yang Berhormat DAP Parti yang tidak boleh memperjuangkan rakyat. Jadi sebab itu Yang Berhormat lebih mirip minat kepada Barisan Nasional. Boleh buat sedikit penjelasan?

[Dewan riuh dengan ketawa]

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Ya, boleh terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat jangan bimbang Yang Berhormat. Walaupun Yang Berhormat duduk dekat dengan pembangkang jangan bimbang, berani cakap betul-betul... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Pada pandangan saya dan juga keputusan saya, daripada parti-parti politik ataupun kumpulan macam Barisan Nasional, sememangnya tidak dapat sesiapa pun memberi prestasi yang 100%. Jadi pada masa sekarang atau pada masa pilihan raya yang lalu apa yang saya nampak, walaupun tidak ada parti yang memang 100% tetapi Barisan Nasional pada pandangan saya mungkin kebanyakan rakyat Malaysia itulah pilihan yang terbaik sekali... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Itu saya pun cakap dari segi keputusan yang prestasi yang di dapat dari Barisan Nasional jugalah. Jadi saya rasa pandangan saya pun kalau salah tidak jauhlah, pun sokong.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi saya tanya sudah memohon kah belum dalam mana-mana parti komponen?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Ada sudah memohon, jadi terpulanglah kepada Barisan Nasional untuk mengambil keputusan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi Yang Berhormat menolak DAPlah? Yang Berhormat menolak DAPlah pembangkang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kalau terlampau susah tidak perlu jawab... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, saya berbalik kepada tajuk ini... *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP ada pujuk-pujuk Yang Berhormat tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat dia ada bagi jalan kah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: DAP tidak pujuk kah, Bandar Kuching?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Dari segi itu kawan baiklah, tapi tentang politik tentang pengurusan kerajaan, itu memang perkara yang lainlah. Itu yang saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Bukit Mertajam bangun ingin minta jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jaga Yang Berhormat Bukit Mertajam ingin dera Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya hendak cadangkan, adakah Yang Berhormat Sandakan lebih suka menyertai UMNO kalau boleh tetapi UMNO dia untuk orang Melayu sahaja. Mahukah serta UMNO kalau ada pilihan?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Akan tetapi bagi soalan ini, saya sudah mengambil keputusan untuk menyertai komponen Barisan Nasional yang tertentu dan itu bukan pada masa ini adalah UMNO tetapi saya masih sokong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Adakah ini bermakna Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat. Adakah bermakna DAP hidung tidak mancung, pipi tersorong-sorong... [Dewan riuh] [Ketawa]

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi itu tidak dapat, biarkan saya selesaikan saya punya perbincangan boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat. Tuan Yang di-Pertua, dengan jelas kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Sandakan tadi, dia kata hati dia dengan Barisan Nasional, dia juga sokong Barisan Nasional, dia pohon masuk Barisan Nasional, di setuju dasar Barisan Nasional....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Apakah tempat duduk Yang Berhormat bagi Sandakan patut begitu mendekati blok pembangkang. Bukankah dia sebagai calon bebas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hati di sana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Sokong dasar Barisan Nasional, sekurang-kurangnya duduk di belakang sana...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, cukuplah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Sekurang-kurangnya lebih menghampiri Barisan Nasional, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order.*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon satu keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi bukan sahaja itu. Apabila ambil peluang untuk berucap, dia dikira masuk DAP, pembangkang di sini... [Disampuk] Dia dikira.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi mana adil, Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon satu keputusan, kalau boleh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]:Merestui permohonan Yang Berhormat bagi Sandakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order,* Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya haraplah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ini baru adil untuk pembangkang. Takkan hendak duduk sama dengan pembangkang sini tetapi hati dia di sana, sokong dasar sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia sudah pohon masuk parti sana.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak kiralah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan teruskan ucapan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, haraplah pertimbangkan mengubah kerusi Yang Berhormat bagi Sandakan pergi sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi tidak akan ambil peluang kami di sini hendak berucap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, sila duduk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mulai besoklah kalau boleh pertimbangkanlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mulai sekaranglah!

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya haraplah, Tuan Yang di-Pertua, tolonglah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching jangan marahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Jerai cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of order*, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Nampaknya, Yang Berhormat, kedua-dua Ahli wanita ini cuba menggertak dan menakut-nakutkan... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, sila duduk Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia *harras*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia mendera Ahli Yang Berhormat kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskanlah, Yang Berhormat bagi Sandakan. Cukuplah Yang Berhormat bagi Jerai.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan Mesyuarat. Dia buat sangkaan jahat. Kami hanya membantu Yang Berhormat bagi Sandakan untuk lebih mendekati...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Barisan Nasional sahaja. Dia tidak berani hendak minta untuk alih kerusi. Kami hanya tolong. Mana ada kami hendak menggertak dia?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tetapi suara Yang Berhormat mendera dia... *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tolong tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sandakan dia calon Bebas. Dia masih Bebas, jadi terpulung kepada dia, dia bebas...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia pun duduk tepi-tepi itu, jadi... *[Ketawa]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sepatutnya ada blok Bebas. Ada blok Bebas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Sandakan. Yang lain diamlah, cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bebas tetapi duduk di sana.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Itu Yang Berhormat bagi Kota Bharu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah ya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ambillah, sila, sila... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya hendak tolong bawa buku... *[Ketawa]*

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sandakan, teruskanlah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kita pun rasa bahayalah dia begitu dekat dengan kami.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jelaslah DAP ini sudah rasa kecewa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu sebab dia itu macam. Pasal DAP kecewa, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu dia marah. Kalau Bebas ini ucapan dia mirip kepada pembangkang, tentu dia sayang, dia sanjung. Ini kerja DAPlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangga dengan dia tolong terimalah dia ke sana. Ha, jangan biar dia di sini.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tolong sokong. Saya tolong tulis surat Yang Berhormat sains, sokong.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak baik. Kasihan dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ambil, ambil, cepat, cepat ambil!

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jangan biar dia di sini, tidak baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau hati terbuka terima, cepat-cepat ambil.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ha, terimalah, terimalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat bagi Sandakan, yang lain sila duduk.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Syabas, Yang Berhormat bagi Sandakan syabas.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ...Sudah banyak.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Sandakan jangan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah. Itulah namanya demokrasi, Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, terima kasih.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Belum berucap, habis di sini... *[Ketawa]* Hai ya.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Akan tetapi memang pendirian saya kalau macam dasar-dasar yang membawa manfaat kepada rakyat, Barisan Nasional memang saya sokonglah. Itulah pendirian... *[Disampuk]* *[Tepuk]* Jadi saya meneruskan tentang isu...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat memang tidak ada minat DAP ya? Tidak ada minat langsung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tolaklah, memang tolaklah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tolak DAP ya.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi mengenai isu yang sama...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong. Hendak bagi jalan?

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Sudahkah Yang Berhormat bagi Sandakan bahawa dalam pilihan raya yang lepas, pengundi-pengundi di kawasan Sandakan sudah menolak calon Barisan Nasional.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Yang dia pilih ialah Yang Berhormat, bukan Barisan Nasional. Jadi haraplah kekal dengan status Bebas dan jangan mimpi sangat dan mengecewakan pengundi di Sandakan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, minta jangan ikutlah. Nampaknya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Itu ugutan itu, ugutan.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini DAP sudah lawan sesama sendiri. Tadi tolak, ini tarik, apa macam? Itu sebab orang tidak mahu terima DAP, dolak-dalikhlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi dua orang hero perempuan kata tolak sama Bebas, sekarang ini Yang Berhormat bagi Tanjong kata mari.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia memang tidak ada pendirianlah. Memang betul...
...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kami kata, bawalah terima dia.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kami tidak tolak.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Sokong Barisan Nasionallah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan teruskanlah. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, okey.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jawab Yang Berhormat bagi Tanjong.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, boleh jawab. Jadi seperti mana...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat, jangan bimbanglah Yang Berhormat. Jangan bimbanglah apa yang dikatakan oleh pembangkang.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Saya cakap kata-kata yang benar... *[Ketawa]* Jadi sebagai...

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Pengundi Sandakan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Sebagaimana yang saya cakap tadi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini macam sudah menipulah pengundi Sandakan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Biar saya habis cakap dahulu.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, 36(6)lah, sangkaan jahat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Hai ya!

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi seperti mana yang saya cakap tadi selepas borang penamaan calon diambil, saya sudah memberitahu umum bahawa saya bertanding dengan syarat saya sokong Barisan Nasional juga... *[Tepuk]* Itu yang saya cakapkan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mohon penjelasan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat, pohon penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat jelaskan...

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Sandakan, sila teruskan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sila teruskan ucapan. Jangan dengar pihak pembangkang ini.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Sandakan pilih Yang Berhormat bukan dia mahu tolak Barisan Nasional.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Sila teruskan ucapan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain sila duduk.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ya, untuk kepentingan rakyat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya minta Yang Berhormat bagi Sandakan tolong jelaskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Batu Gajah, dia tidak bagi jalan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Kenapa awal-awal Barisan Nasional tidak mahu terima dan Yang Berhormat tidak kemukakan permohonan?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, okey.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Sekarang sudah mengundi kata sokong Barisan Nasional.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, cukup, cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sandakan teruskan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, sila gulung.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Sandakan jangan kalah gertak sama DAPlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, Yang Berhormat bagi Sandakan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, saya gulung.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Sandakan tetapkan pendirianlah. Sokong terus Barisan Nasionallah, jangan takut DAP punya gertaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia memang ini macamlah. Dia gertak orang sahaja. Dia tidak apa-apalah.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya ingat tidak payah ajar dialah. Dia pun ada pendirian sendiri... *[Disampuk]* Teruskan Yang Berhormat bagi Sandakan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi saya rasa pengundi...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Larut, semua sokong dia masuk.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi saya rasa pengundi di Sandakan lebih cerdik pandailah, okey? Jadi balik kepada isu PTI tadi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Tentang isu PTI tadi...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Sandakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Biar saya habis ini dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung, sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Kita bincang di luarlah, boleh ya?... *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Peraturan Mesyuarat 36(6). Duduk sat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah ada mengeluarkan sangkaan jahat, katakan penipu kepada Yang Berhormat bagi Sandakan.... *[Disampuk]* Jadi kalau ada, saya cadangkan tarik balik. Janganlah marah. Kalau sudah Yang Berhormat bagi Sandakan menolak DAP, kita terimalah, tidak masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Jadi, 36(6).

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Penolong Pengerusi!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Termasuk Yang Berhormat bagi Bagan sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya, teruskan Yang Berhormat bagi Sandakan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *[Menyampuk]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, ambillah Yang Berhormat bagi Sandakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau Yang Berhormat sokong sangat Yang Berhormat bagi Sandakan, cepat-cepat panggil Yang Amat Berhormat sains kasi dia masuk Barisan Nasional... *[Disampuk]* Selesai semua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat bagi Sandakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak payah dia tunggu-tunggu, dua tahun tunggu-tunggu di sini.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cakap-cakap sokong. Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat bagi Sri Gading, cepat-cepat!

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan ucapan Yang Berhormat bagi Sandakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kalau saya mahu sangat, cepat-cepat sokong.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Berjalan masuk ke dalam Dewan]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini hero DAP sudah masuk.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tunggu-tunggu, dia sudah tunggu dua tahun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Sandakan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kasi kami tahu.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hero DAP sudah masuk, apa macam?

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Mengenai isu PTI...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat bagi Seputeh, dia tidak bagi jalan. Dia tidak bagi jalan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Saya telah terbaca...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat bagi Sandakan, sebelah sana.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Sandakan, bagi sayalah... *[Ketawa]*

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey, okey... *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Sandakan, adakah Yang Berhormat menang kerana diundi oleh orang Sabah sendiri ataupun oleh pendatang dari Filipino, Indonesia atau pengundi hantu yang datang dari mana? Jadi siapa yang memberi sokongan kepada Yang Berhormat bagi Sandakan sebagai seorang calon Bebas?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Tidak perlu jawab, tidak perlu jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Satu penderaan wanita terhadap lelaki terbuka... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tiga orang wanita lawan satu lelaki.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya minta...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Sandakan, teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Memang Yang Berhormat bagi Sandakan takutlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan sila gulung.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Sandakan... *[Bercakap dalam bahasa Mandarin] [Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukuplah. Sila duduk Yang Berhormat Jerai.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Seputeh. Saya amat berkeyakinan bahawa pengundi-pengundi adalah pengundi yang sah... *[Dewan gamat] [Ketawa] ...Mengikut...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sah tolak Barisan Nasional.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang sah tolak Barisan Nasional *Yes!*

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Yang sah mengikut senarai...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Daftar Pemilih.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Okay, terima kasih. Jadi mengenai isu PTI yang saya sebutkan tadi, saya telah terbaca komen pembaca di surat khabar bahawa apa yang rakyat Malaysia di Sabah mahukan ialah kerajaan menangkap PTI ini dan hantar balik ke negara asal mereka dengan serta-merta. Masalah sekarang ialah setiap kali PTI masuk ke sesebuah kawasan penduduk tempatan akan cuba keluar untuk meninggalkannya kerana masalah yang dibawa oleh PTI. Memandangkan tiada sebarang usaha...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Sandakan, syabas pendapat itu, sama dengan Barisan Nasional. Kita Barisan Nasional pun sama pendapat dengan Yang Berhormat bagi Sandakan.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Cepat bawa dia masuklah! Masuk Barisan Nasiona, terus bagi naik Exco!

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sandakan, sila habiskan ucapan.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi memandangkan tiada sebarang....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Masuk UMNOlah, tengok mereka terima Yang Berhormat atau tidak.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Jadi memandangkan tiada sebarang usaha konsisten yang dapat nampak untuk menghantar balik PTI ini, maka tidak lama lagi rakyat Malaysia di Sabah akan melarikan diri daripada mereka dan lama-kelamaan menjadi pelarian di negara sendiri. Jika kerajaan kita mahu memupuk hubungan baik dengan negara jiran dengan membenarkan warga negara mereka menetap di sini tidak kira bagaimana cara mereka memasuki Malaysia, maka pada pandangan pembaca berkenaan kerajaan negeri Sabah perlulah mengeksport PTI ini ke Semenanjung Malaysia di mana terdapat kekurangan tenaga buruh.

Jadi saya ingin meminta penjelasan daripada Kerajaan Persekutuan sama ada pandangan ini dapat dipertimbangkan untuk pelaksanaan supaya masalah PTI Sabah dikurangkan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Puchong.

5.02 ptg.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya yang sudah lama tunggu sejak pagi sampai petang. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kerajaan telah memperkenalkan satu pelan yang inovatif dengan sektor swasta menerajui pertumbuhan ekonomi, konsultasi fizikal ke arah bajet berimbang atau dasar kewangan yang mendorong penggunaan dan juga pelaburan swasta dengan mengukuhkan lagi daya saing negara dan juga memantapkan lagi agenda sosial asas masyarakat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Belum mula pun sudah kacau ini. *You* minat saya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak apalah, mahu tanya sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kalau you minat saya, kita bincang di luar nanti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sedikit, sedikit.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mahu tanya soalanlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Macam mana Yang Berhormat, belum mula sudah minta ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Belum mula lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya lah, ya lah. Ada sedikit berkaitan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tunggu sekejap. Mukadimah dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Puchong...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Seputeh duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bercakap dalam bahasa Mandarin]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat bagi Seputeh ini buang masa sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sedikit sahaja. *You* bagi dahulu.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak ada, tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Seputeh dia tidak bagi jalan. Sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Puchong, Puchong.

Tuan Yang di-Pertua: Terpulang kepada Yang Berhormat bagi Puchong. Yang Berhormat bagi Puchong tidak bagi jalan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Hai ya! Kasihan hai ya!

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya hendak tanya, yang dahulu Yang Berhormat bagi Sandakan adalah Ahli Parti Gerakan. Jadi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Itu sudah lepas.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Apalah ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi adakah Parti Gerakan sudi....

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tidak bagi dia jalan pun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:Menyambut dia semula ke Parti Gerakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Cakap sudi cukuplah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan. Cukuplah Yang Berhormat!

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Nanti, nanti... *[Ketawa]* Saya bukan Bebas Sudah membuang masa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, matlamat utama sesuatu rancangan ekonomi adalah untuk menggariskan isu yang perlu diberikan keutamaan selain mensasarkan matlamatnya dan juga cara bagaimana untuk mencapai matlamat itu. Menurut Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM200 bilion telah diperuntukkan daripada sumber-sumber dalaman termasuklah pinjaman dalaman. Selebihnya RM20 bilion itu telah diperuntukkan secara mengikut inisiatif pembayaran swasta ataupun dengan izin *a private finance initiative* atau PFI. Tujuan PFI ini adalah untuk mempertingkatkan ekonomi sektor swasta dengan tujuan mengimbangkan perkongsian risiko dan juga ganjaran antara kerajaan dan swasta dan juga meningkatkan penyertaan pihak swasta dengan objektif untuk mempertingkatkan kadar pulangan pelaburan.

Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, kerajaan ingin pihak swasta sanggup melabur dalam sektor-sektor ekonomi yang memberikan pulangan nilai tambah yang tinggi supaya negara yang sedang berkembang dapatlah bekerjasama di antara pihak swasta dan juga pihak kerajaan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memberikan sesuatu pandangan mengenai peranan pihak swasta untuk berkembang bersama-sama kerajaan iaitu satu rancangan untuk mempertingkatkan lagi pelaburan pihak swasta iaitu berkembang lebih kurang 11.2% setahun dan dijangka mengatasi jumlah pelaburan awam buat pertama kalinya sejak krisis kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta ini adalah sangat penting dalam membantu kerajaan untuk mengukuhkan ekonomi negara terutama di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan ini. Dengan itu saya menjuruskan kepada satu isu yang penting iaitu mengenai konsep *Private Finance Initiative* atau PFI ini yang memang merupakan satu pendekatan yang baru ataupun satu pendekatan inovatif dan kreatif untuk mencapai tujuan-tujuan yang saya sebutkan tadi tetapi PFI ini telah menimbulkan banyak persoalan-persoalan yang harus dan mesti dijawab oleh pihak kerajaan atau kementerian tertentu supaya keyakinan rakyat betul-betul dipertingkatkan.

Persoalan yang pertama ialah mengenai adakah PFI ini merupakan satu konsep penswastaan yang baru dan adakah PFI ini merupakan satu konsep penswastaan yang serupa dengan apa yang berlaku di masa-masa yang lampau dan adakah juga pertanyaan-pertanyaan mengenai adakah persamaan atau perbezaan di antara PFI dengan konsep seperti *built operate and transfer* iaitu BOT, ataupun *built on operate* atau BOO atau *built list transfer* iaitu BLT, *list of asset* iaitu LOA, ataupun PPP. PPP itu bukan Partii Progresif tetapi *stand for, private-public partnership*.

So, saya hendak tahu apakah perbezaannya di antara PFI dengan semua ini. Adakah PFI ini merupakan satu kadar kewangan bagaimana untuk membiayai pembangunan projek ataupun merupakan satu penemuan luar ataupun satu kadar ataupun satu kaedah *out sourcing* dan ini adalah satu yang kita harus jawab dengan secara jelas dan juga mendalam kerana jumlah yang terlibat adalah sebanyak RM20 bilion yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Tanjong Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okay.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Tadi Yang Berhormat menyorkan beberapa butiran

berhubung dengan PFI. Saya rasa sebelum itu mungkin Yang Berhormat juga ingin kerajaan menjelaskan mengapa dalam meletakkan projek-projek tertentu sama ada apa kriteria digunakan untuk memilih projek menjadikan ia satu PFI ataupun menjadikan projek itu dibiayai dengan peruntukan persekutuan. Itu yang saya rasa pengguna-pengguna ingin tahu sebab kalau PFI mereka terpaksa untuk membayar tol untuk menggunakan jalan, jambatan dan sebagainya.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Ya, saya akan....

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Jadi kalau semua projek dapat dibiayai oleh...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya faham, saya faham.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:Persekutuan, tidak perlulah ada PFI yang akan mengembangkan budaya membayar tol di negara ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak, tidak. Memang saya sudah jelaskan tadi. Memang satu perkongsian atau satu pendekatan yang baru di mana penglibatan pihak swasta dengan kerajaan adalah satu cara yang baru ataupun satu cara yang baik sekali terutama dalam era globalisasi sekarang ini. Satu.

Nombor dua, bagi saya PFI juga adalah mempunyai banyak manfaat terutama dari segi bagaimana kerajaan boleh berkongsi dengan risiko pembangunan di masa depan. Dan juga seterusnya saya akan menjurus kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong. Persoalan yang paling pokok sekali ialah mengenai adakah PFI ini akan kembali kepada pengalaman yang pahit mengenai penswastaan. Tidak dapat dinafikan Tuan Yang di-Pertua, penswastaan di dalam Rancangan Malaysia Kelapan atau Ketujuh ini memang memberi banyak manfaat kepada pembangunan ekonomi kita ataupun dalam proses untuk membangunkan negara kita ini, memang ini satu yang memberi banyak faedah, tetapi pada masa yang sama kita juga ada banyak masalah mengenai penswastaan ini...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: *[Bangun]*.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Boleh saya siap dulu?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh, boleh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Dan persoalan pokok mengenai apa yang dipanggil oleh Yang Berhormat bagi Tanjong memang betul. Sebagai contoh PLUS iaitu pembinaan *North-South Highway* ini. Pada awal 90an ini, kalau tidak silap ini menggunakan lebih kurang RM3 bilion untuk membina *North-South Highway* ini tetapi hari ini, sampai hari ini saya pernah bertanya kepada Menteri Kerja Raya bahawa kalaulah ada banyak masalah dengan tol selepas tiga tahun, bagaimana kalau kerajaan mengambil alih ekuiti ataupun *debt* kerajaan ini? Dan jawapannya ialah, selepas lebih kurang 15 tahun, kerajaan terpaksa membayar RM38 bilion untuk memberi mengambil alih apakah hutang-hutang ataupun *debts* yang ada di dalam PLUS ini.

Bukankah ini satu cara yang bagi saya telah menjadi satu bebanan yang akan berpanjangan kepada rakyat kita terutamanya pengguna-pengguna jalan raya di sini. Dan ini ialah bagi saya satu cara yang kita mesti melihat kembali apa cara yang telah diberikan di sini...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Penjelasan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya bagi jalan Jerai dulu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Puchong kerana memahami. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya nak bercakap tentang penswastaan, tidak dapat kita nafikan penswastaan ada yang bawa kebaikan tetapi juga kadang-kadang kerajaan menswastakan sesuatu tetapi penswastaan itu bukan menjurus ke arah kehendak

kerajaan tetapi kehendak keuntungan peribadi semata-mata. Dan lebih teruk sekali ialah bila kerajaan ataupun mengadakan sistem monopoli. Kita memahami bahawa AP ini, kalau kita bercakap pasal AP dan sebagainya. AP juga kalau kita lihat, dulu kita berbincang pasal AP kereta tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa AP untuk bawa masuk besi ke Malaysia ini hanya satu sahaja syarikat yang mendapat AP tersebut iaitu Lion Group.

Ini menyebabkan apabila ada sistem monopoli ia akan menaikkan harga ataupun menyusahkan pembeli dan ini akan melibatkan kos-kos pembinaan yang akan meningkat, itu satu. Yang lagi satu, kita tengok *turn-around* MAS. Sahabat saya daripada Arau buat tempahan, katalah penerbangan dia ke Kedah, ke Alor Setar pukul satu tetapi dia nak tukar penerbangan ke pukul lima, beliau kena bayar RM300 kerana menukar masa penerbangan. Jadi adakah dengan cara sedemikian, meng'*turnaround*kan MAS... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bahasa apa tu Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Campuran bahasa Inggeris dan Malaysia. Penstrukturan semula MAS kerana nak mencari keuntungan, hendak menutup kerugian, meletakkan pengguna menjadi sasaran dan masalah. Jadi saya minta Yang Berhormat perjelaskan bahawa kalau nak swasta itu, biarlah penswastaan itu dan lagi satu Yang Berhormat, minta Yang Berhormat fikir apakah kalau penswastaan harus kita beri kepada satu-satu syarikat itu sahaja?

Ataupun muka-muka itu sahaja? Apakah orang lain dalam Malaysia ini tidak faham niaga dan tidak pandai niaga? Kenapakah seseorang itu dibina sedemikian rupa hinggalah akhirnya ia boleh memberi kata dua balik kepada kerajaan di atas penswastaan yang diberi kepada mereka. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat? Begitu juga gula Yang Berhormat, monopoli *importer* dan sekarang harga gula pun bermasalah. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat tentang idea saya? Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang saya bersetuju apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat. Penswastaan ataupun cara PFI ini memang dia ada kriteria-kriteria tertentu, saya haraplah kerajaan mesti mempunyai kriteria-kriteria yang tertentu supaya sumber kewangan negara kita baik daripada pihak swasta ataupun kerajaan tidak dapat dibazirkan ataupun disiasikan sahaja tanpa mengoptimalkan penggunaan sumber-sumber yang begini. Dengan itu saya bagi Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, minta maaf sebut kemudian. Saya mengikuti hujah daripada Yang Berhormat bagi Puchong, saya rasa ada relevannya dengan IPP ini atau Penjana Kuasa Elektrik Bebas. Di mana saya yakin mesti ada *clause*, mesti ada perenggan di dalam perjanjian antara mereka dan TNB atau kerajaan yang memihak kepada kerajaanlah. Di mana dalam situasi sekarang sepatutnya kadar yang dikenakan pada TNB ke atas bekalan elektrik yang dijanakan kepada TNB boleh diturunkan mengikut keperluan semasa.

Sebab saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, TNB sekarang berdepan dengan masalah kewangan, hutang RM35 bilion dengan izin, mencapai RM50 bilion. Kalau sampai RM50 bilion, tidak ada bank lagi yang akan sanggup membela TNB. Dan TNB meminta kerajaan supaya bersetuju menaikkan kadar tarif yang pada saya, saya bimbang membebaskan kerajaan dan membebaskan rakyat tetapi kalau IPP ini boleh diubahsuai perjanjiannya, saya yakin akan dapat memudahkan TNB untuk membantu kerajaan dan rakyat kekal dengan kadar yang sedia ada. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Puchong?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ledang. Memang IPP ini saya akan sampai di sini tapi kerana dalam topik IPP, memang ini satu bagi pandangan saya ialah IPP ini telah menandatangani satu perjanjian yang *one sided* dengan izin, di mana ada *long sided* dengan izin, di mana IPP ini, dia tidak kisah berapa mega watt dia *generate*, dia terpaksa *built* tenaga, Tenaga terpaksa bayar. Adakah Tenaga ini telah, jumlah tenaga akan dijual atau diagihkan kepada pengguna di akhirnya, ini

tidak kisah. Yang penting sekali, *site* IPP, I *transfer* tenaga kepada Tenaga Nasional dan Tenaga Nasional terpaksa bayar dan jumlahnya satu tahun, lebih dari RM44 bilion. RM4 bilion Tenaga terpaksa bayar kepada lima IPP dan sekarang dua IPP akan datang dan jumlah akan di..., orang kata apa, telah, unjurannya yang Tenaga akan terpaksa bayar melebihi dari RM2.3 bilion lagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua bangun Yang Berhormat. Ayer Hitam dan Tumpat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey, bagi Yang Berhormat bagi Tumpat dulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong, ringkas sahaja. Sebab kita berbahas tentang IPP. Setuju tidak dan pohon penjelasan daripada Yang Berhormat bahawa IPP ini yang pentingnya PPA atau *Power Purchase Agreement*. Itu yang mengikat kerajaan, mengikat TNB dan menyulitkan rakyat hanya menguntungkan IPP. Jadi jangan tinggal, PPA inilah yang menjadi kerosakan yang besar kepada sistem jana kuasa dan pembahagian kuasa negara ini. Pohon penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Baik, saya setuju apa yang dinyatakan, memang PPA ini, memang kerajaan dan juga Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan juga Tenaga Nasional mesti melihat bagaimana kita boleh keluar daripada kemelut yang sedang menghadapi TNB ini. Saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tumpat itu, ya sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ayer Hitam ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Saya meneliti hujah Yang Berhormat tentang PFI tadi yang menyebut tentang BOTBLT dan sebagainya. Saya hendak minta pandangan dan minta penjelasan Yang Berhormat. Rata-rata kita memikirkan kalau tol itu mungkin membebankan rakyat, tapi masalah yang berdepan dengan kita. Kerajaan menghadapi masalah dari segi kewangan, di mana kalau kita hendak menyelesaikan masalah apa yang berlaku di Shah Alam, banjir kilat, mungkin di Kelantan. Mungkin ianya menelan belanja yang berbilion-bilion ringgit. Adakah pendekatan PFI ini dianggap sebagai satu penyelesaian dan bagaimana, apakah cadangan Yang Berhormat kepada kerajaan supaya benda ini tidak disalahgunakan dan akhirnya memaksimumkan faedahnya dan tidak membebankan kerajaan dengan cara pembayaran *deferred payment basis*. Minta pandangan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam kerana telah membangkitkan satu isu yang penting. Memang PFI ini tujuan asalnya ialah untuk tadi saya telah sebut untuk mengurangkan bebanan kerajaan untuk pembangunan infrastruktur dan juga prasarana negara. Dan jangan kita lupa bahawa PFI ini adalah satu dana daripada pihak swasta. Pihak swasta ini mereka mementingkan keuntungan, bila ada satu konsep yang mengguna keuntungan, bermakna kerajaan mesti berhati-hati. Kita gunakan PFI ini sepatutnya mesti kita melaburkan ke dalam sektor-sektor yang boleh memberikan nilai tambah yang maksimum. Iaitu nilai tambah kepada bukan sahaja kepada syarikat-syarikat swasta tetapi untuk masyarakat secara umumnya.

Sebagai contoh kalau kita nanti saya akan memberikan satu penjelasan yang lebih *detail* ini mengenai PFI ini dan saya akan saya mungkin akan beri jawapan ini selepas saya beri hujah yang seterusnya dan mengenai PLUS saya sudah jelas tadi, bagaimana dengan IWK? Sama juga. Bila kita hendak swastakan IWK kerajaan telah memberi satu syarikat swasta telah disenarai di Bursa KLSE, kalau tidak silap ialah Prime Utility Berhad kalau tidak silap saya tetapi sekarang memberi banyak masalah dan kerajaan terpaksa mengambil alih perkhidmatan IWK ini di bawah satu kementerian selepas kerugian berbilion-bilion ringgit. Bagaimana dengan Alam Flora? Semua ini Alam Flora ini adalah Yang Berhormat Menteri ada di sini, dan kebanyakan Alam Flora ini telah memberi bebanan kepada PBT terutama di kawasan *central* ini.

Sebagai contoh, kalau kita lihat di MPSJ, Majlis Perbandaran Subang Jaya di mana saya sebagai bekas Ahli Majlis di sana, saya diberitahu bahawa 40% hingga 50% daripada sumber ataupun pendapatan dari PBT itu terpaksa dihulurkan kepada Alam Flora ini dan ini telah membantutkan pembangunan PBT ini dan ini satu masalah yang serius. Saya difahamkan ada PBT yang tertentu juga mengalami *percentage* yang lebih tinggi lagi, 60%, 70% terpaksa kepada Alam Flora ini tetapi perkhidmatan yang mereka berikan ini, adakah ini telah orang kata apa, memuaskan hati ataupun pengguna-pengguna di PBT masing-masing. Memang kita boleh bahas mengenai perkara ini.

Yang Berhormat bagi Tumpat tadi menyatakan IPT, MMS dan juga Spanco dan banyak masalah lagi. So, adakah kita ini menggunakan PFI ini dan mengembalikan satu pengalaman yang pahit tadi, saya harap kerajaan tidak. Maka, di sini saya ingin memberi sedikit pandangan mengenai PFI ini. Kita mesti membuat satu pendirian bahawa kalau kita hendak gunakan RM20 bilion dalam masa lima tahun ini kita mesti menggunakan tanah-tanah ataupun peruntukan ini secara lebih produktif. Maksud saya ialah kita mesti melaburkan dalam sektor-sektor yang boleh memberikan pulangan ataupun satu sektor yang memberikan daya saing kepada kerajaan ini.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, persoalan keduanya mengenai bagi saya keseimbangan untuk *allocate* peruntukan PFI ini di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini memang saya ingat *something wrong somewhere*, dengan izin. Kalau kita menganalisis sebanyak RM20 bilion telah di *allocate* kan tetapi kalau sektor ekonomi ia hanya memberikan imbuhan ataupun memberikan peruntukan sebanyak RM1.294 bilion sahaja iaitu lebih kurang 6% kepada sektor ekonomi. Ini bermakna ini tidak bercanggah dengan apa yang kita hendak tujukan iaitu apa yang kita hendak capai dalam PFI ini untuk melabur dalam sektor-sektor yang lebih memberikan nilai tambah.

Yang *balancenya* ataupun yang bakinya kita bertumpu kepada pihak di sektor swasta, sosial, keselamatan dan juga pentadbiran awam ini. Saya tidak kata bahawa kalau kita telah melabur dalam pendidikan ataupun latihan ini tidak penting, ini memang penting. Kalau dalam jangka masa yang panjang ini memang peting untuk pelaburan PFI kepada sektor tetapi kalau dalam jangka masa yang lima tahun, bukankah kita lebih baik kita melaburkan PFI dalam, *let say*, sektor pengangkutan, di mana masalah pengangkutan awam ini telah memberikan banyak masalah tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Padang Terap.

Sebenarnya kalau kita menganggap pertanian merupakan satu sektor yang penting dalam menjanakan sektor ekonomi negara ini, saya berharap penglibatan daripada sektor swasta mesti dipertingkatkan dalam sektor pertanian itu tetapi dalam lokasi ataupun *allocation* untuk PFI ini sektor pertanian hanya RM620 juta sahaja. Manakala bagi yang sektor macam perumahan ataupun di pertahanan, keselamatan, bagi saya bukan ini tidak penting, ini pun penting tetapi kalau kita boleh alihkan PFI ini kepada sektor ekonomi dan yang *balance* itu kita mesti alihkan kepada, mungkin kita mendapatkan dana dari Kerajaan Pusat, itu merupakan peruntukan pembangunan dan seterusnya.

Dan, satu perkara lagi dalam PFI ini saya nampak telah di *allocation*kan sebanyak RM338 juta ini untuk kajian kemungkinan. Kajian kemungkinan mula saya pun tidak tahu apa ia, Tuan Yang di-Pertua, selepas saya tengok versi Bahasa Inggeris saya baru tahu ini ialah *feasibilities study*. *feasibilities study* itu sebab kita termasuk RM338 juta, bukankah ini program ataupun projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan semua *diffusible*. Apakah kita hendak *feasibilities study* lagi? Saya pun tidak faham itu satu, yang keduanya mengenai kalau kita hendak melibatkan pihak swasta iaitu kita berkongsi dengan risiko, bukankah lebih baik kita menggalakkan pihak swasta untuk melipatkan diri dalam *feasibilities study* ini iaitu mereka menanggung sedikit kos untuk *feasibilities study* kalau dia perlukan *feasibilities study*.

Saya hendak tambah satu penjelasan daripada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab untuk memberikan satu penjelasan daripada kementerian yang bertanggungjawab kepada peruntukan-peruntukan PFI ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua ataupun persoalan yang kedua yang saya ingin bangkitkan di sini ialah mengenai PFI ini ialah mengenai di manakah sumber kewangan PFI ini yang telah dikatakan daripada pihak swasta. Adakah ini daripada pihak KWSP, ataupun daripada Petronas, adakah juga daripada *equity market, share market*? Kalau tarik daripada KWSP dan Petronas adakah ini program swasta? Definisi swasta, apa swasta. Adakah *right pocket* kepada *left pocket* ataupun *left pocket* kepada *right pocket*?

Ini juga satu persoalan kita mesti mendapatkan penjelasan daripada kementerian yang saya sebut tadi. Dan, persoalan yang ketiga yang saya hendak bangkitkan mengenai PFI ini ialah apakah mekanisme pelaksanaannya yang telah ditimbulkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi dan apakah kriteria kita untuk memilih sebuah syarikat. Bagaimana kita, sebagai contoh adakah ini melalui satu *open tender* ataupun runding terus, nego.

Ataupun kita ini terpaksa gunakan cara-cara yang saya sebut tadi. Okey, cara runding terus di bawah runding BOT ataupun PLT dan ini suka saya ingat mesti lebih telus dan lebih *transparence* supaya kekurangan ataupun sumber-sumber yang kita ada hari ini jangan kita membazirkan apa yang kita ada ini kerana dari segi sumber ataupun *a scare city of resources* bukan sahaja daripada segi kewangan tetapi sumber-sumber manusia yang kita ada pada hari ini. Dan, juga persoalan-persoalan yang lain, bagaimana kita boleh menilai ataupun mengukur pelaksanaan PFI ini selepas kita *award* kan kontrak itu. Siapakah yang menilainya, bagaimana kita boleh mendapati bahawa PFI ini memang telah mencapai objektifnya ataupun tujuannya?

Adakah ini hanya di bawah kementerian Jabatan Perdana Menteri, di bawah EPU, melalui EPU sahaja ataupun adakah kementerian-kementerian tertentu yang mempunyai satu badan bertindak pemantauan untuk mengawal selia, apakah pencapaian yang tertinggi dalam PFI ini. Dan, banyak persoalan yang saya sebut tadi ini memang satu persoalan yang logik dan saya berharap dengan persoalan ini, saya berharap kementerian ini dapat memberi perhatian. Maka dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada kementerian beberapa cadangan supaya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh sambung besok?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguh sehingga jam 10 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang.